

**Bil. 70**

**Rabu  
27 November 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1 )
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 13)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 1997 <b><u>Jawatankuasa:</u></b> <b><u>Jadual -</u></b>	
Maksud B.26 dan B. 27	(Ruangan 13)
<b>USUL-USUL:</b> Anggaran Pembangunan 1997 <b><u>Jawatankuasa:</u></b>	
Maksud P.26 dan P.27	(Ruangan 13)
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 33)

Oktober, 1996.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “      Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “                      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “                      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “                      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)



- Yang Berhormat      Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                      Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                      Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                      Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                      Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “                      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat      Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 27 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI  
UTARA SEMENANJUNG - PEMBINAAN**

1. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) perkembangan cadangan membina lapangan terbang antarabangsa di Utara Semenanjung; dan
- (b) adakah penentuan lokasi telah dibuat setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa sekarang, cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Utara Semenanjung ditangguhkan kerana tumpuan kerajaan sekarang adalah untuk pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.
- (b) Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah Darul Aman telah pun mengemukakan cadangan tapak mereka masing-masing untuk membina lapangan terbang antarabangsa di Utara Semenanjung. Walau bagaimanapun, keputusan atas tapak sebenarnya masih belum diputuskan oleh Kerajaan Pusat.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk memperbesarkan Lapangan Terbang Alor Setar, terutamanya dari segi memanjangkan landasan pendaratan kerana pada ketika ini bukan sahaja hanya Boeing 737 tetapi kadangkalanya Boeing 737 pun tidak boleh hendak landing pada waktu pagi jika keadaan berkabus. Jadi, pertamanya, adakah kerajaan hendak perbesarkan dan yang kedua, hendak 'upgrade'kan lagi kemudahan di Lapangan Terbang Alor Setar?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sama ada sesebuah pesawat Boeing 737 boleh atau tidak mendarat ke mana-mana lapangan terbang tidak kena-mengena dengan 'runway', dengan izin. Tetapi bagi Lapangan Terbang Alor Setar memang ia mencukupi untuk menampung keperluan pendaratan pesawat Boeing 737. Kalau terdapat kabus ataupun jerbu, di mana-mana pun pesawat mempunyai masalah untuk mendarat.

Mengenai soalan pembesaran Lapangan Terbang Alor Setar, buat masa ini masih dalam kajian Kerajaan Pusat sebab ia bergantung kepada sama ada Lapangan Terbang Alor Setar akan membawa lebih keuntungan kepada kerajaan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan kerajaan bagi tiga negeri telah membuat cadangan lokasi untuk lapangan terbang antarabangsa di Utara Semenanjung. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita di mana letaknya lokasi masing-masing dan apakah akan jadi kepada lapangan terbang yang sedia ada di negeri tersebut jika keputusan dibuat oleh kerajaan untuk membina lapangan terbang antarabangsa itu?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa peringkat awal bila Kerajaan Pusat ingin mempunyai cadangan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang antarabangsa di sebelah Utara Semenanjung, empat negeri iaitu Negeri Pulau Pinang, Perak dan juga Kedah Darul Aman termasuk Perlis dijemput supaya memberi cadangan lokasinya. Pada peringkat awal memang tiga buah negeri telah memberikan cadangan mereka, iaitu bagi Pulau Pinang, kerajaan negeri telah mencadangkan supaya di daerah Seberang Perai, di Jawi. Bagi Kedah Darul Aman memang di Sidam Kiri, daerah Kuala Muda. Bagi Perak ialah daerah Kerian. Walaupun kerajaan tidak mempunyai keputusan buat masa ini, tetapi ketiga-tiga lokasi yang dicadangkan oleh ketiga-tiga negeri ini memang dalam peringkat kajian.

Bagi soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memang adalah terlalu awal untuk mendapat keputusan sama ada lapangan terbang domestik di negeri-negeri yang terlibat akan ditutup ataupun mempunyai perancangan yang lain, tetapi ini tidak bermaksud bahawa lapangan terbang domestik di ketiga-tiga negeri ini akan ditutup walaupun pada satu hari kelak lapangan terbang antarabangsa di sebelah Utara Semenanjung dibina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]*

#### INDUSTRI MEMPROSES MAKANAN - INSENTIF

**3. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah insentif-insentif yang diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan industri memproses makanan dan untuk menggalakkan pengeluaran hasil-hasil pertanian yang mentah seperti ikan, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan biji-bijian.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, salah satu strategi yang telah digariskan oleh kerajaan bagi sektor pertanian ialah untuk menggalak dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam industri pertanian secara besar-besaran, terutamanya dalam pengeluaran komoditi makanan dan keluaran hasil bernilai tinggi. Tumpuan kepada peningkatan pengeluaran komoditi makanan adalah sebagai usaha untuk menambah bekalan makanan bukan sahaja dari aspek kuantiti tetapi juga kualiti, di samping untuk melegakan tekanan inflasi.

Salah satu insentif utama yang disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan ialah menyediakan skim kredit yang dinamakan Dana Untuk Makanan atau Fund For Food (3F). Tabung ini merupakan satu skim pinjaman yang amat menarik dengan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 4% setahun bagi tempoh bayaran balik selama 8 tahun, manakala pinjaman minimum adalah RM10,000. Untuk tujuan ini, kerajaan telah menyediakan amaun dana sebanyak RM600 juta yang diuruskan oleh Bank Negara melalui bank-bank komersial yang bertindak sebagai pengeluar pinjaman. Di samping kemudahan kredit yang menarik, syarikat-syarikat yang ingin melabur dalam industri makanan termasuk pemprosesan makanan boleh juga memohon untuk mendapatkan insentif cukai melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau melalui Akta Cukai Pendapatan 1967 (Pindaan) 1986.

Di bawah insentif-insentif ini, syarikat-syarikat yang layak akan menikmati kemudahan potongan cukai mengikut garis panduan yang disediakan bagi setiap insentif. Di antara insentif-insentif yang boleh dinikmati oleh pelabur-pelabur ialah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan elaun pertanian.

Kementerian Pertanian juga mempunyai pelbagai kepakaran yang terdapat di pelbagai jabatan dan agensi di bawahnya yang sentiasa bersedia untuk memberi khidmat nasihat kepada siapa sahaja yang memerlukannya.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai satu perkara iaitu lambakan barang-barang makanan yang diproses, yang dibawa masuk dari luar negeri begitu banyak sekali di supermarket hari ini, yang mengakibatkan pertandingan yang begitu hebat bagi pengusaha-pengusaha tempatan, terutamanya barang-barang lambakan dari Australia dan New Zealand. Adakah pihak kementerian berusaha sesuatu untuk menghadapi masalah ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah menyentuh tentang soal lambakan barang-barang makanan proses di supermarket di seluruh negara kita.

Jadi, pada masa ini, kementerian menyedari hakikat yang sebenar, tetapi walau bagaimanapun, kita sedang meneliti kebanyakan lambakan yang dikatakan itu bukan terdiri dari barangan yang diproses dalam negeri. Kebanyakannya yang berasal dari temperate. Jadi, dengan sebab itu adalah dijangkakan pasarannya agak berbeza dengan keluaran barang makanan proses yang dikeluarkan dalam negeri kita iaitu yang berdasarkan tropika. Jadi, ini sedang dalam perhatian, kalau sekiranya ia menjejaskan mungkin sesuatu langkah akan diambil oleh kementerian.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai insentif ataupun pinjaman bagi industri memproses makanan, sebenarnya di negeri Johor, kerajaan negeri telah pun menjalankan ataupun menggalakkan satu perancangan dinamakan 'satu mukim satu industri'.

Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian memberi bantuan ataupun pinjaman kepada kerajaan negeri ataupun individu untuk menjalankan industri di bawah konsep 'satu mukim satu industri' ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang telah menimbulkan persoalan tentang pinjaman. Memang pinjaman khususnya menerusi Bank Pertanian akan ditimbang kepada syarikat atau individu yang berkenaan. Kita memang menggalakkan rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk melahirkan 'satu mukim satu industri' yang berasaskan pertanian.

Walau bagaimanapun, ada syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Negara, sebagaimana yang saya sebutkan dan perundingan bolehlah dibuat dari semasa ke semasa dengan bank-bank komersial yang lain juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] tidak hadir]*

#### AKTA KAWALAN SEWA 1966 - BILANGAN BANGUNAN MENGIKUT NEGERI

**5. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah bilangan bangunan di bawah Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act) di Malaysia mengikut negeri dan jenis kegunaan (sama ada perumahan atau perniagaan/pejabat); dan
- (b) berapakah bilangan keluarga yang terbabit mengikut taraf pendudukan sama ada:
  - (i) pemilik penghuni;
  - (ii) penyewa tunggal; dan
  - (iii) lebih daripada satu penyewa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan bangunan yang tertakluk di bawah Akta Kawalan Sewa 1966 adalah seperti berikut:-

<u>Negeri</u>	<u>Bil. Bangunan</u>
Pulau Pinang	- 12,609
Johor	- 5,659
Perak	- 5,531
Melaka	- 4,135
Wilayah Persekutuan	- 2,500
Negeri Sembilan	- 2,003
Pahang	- 1,441
Terengganu	- 1,192
Kelantan	- 692
Selangor	- 431
Kedah/Perlis	- 306
Sabah	- 181
Sarawak	- 2,143

Kementerian tidak ada maklumat mengenai jenis-jenis penggunaan bangunan-bangunan tersebut.

- (b) Bilangan keluarga yang terbabit ialah lebih kurang 70,000 dan kementerian tidak ada maklumat mengenai jenis-jenis penghuni yang terbabit.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang untuk membatalkan Akta Kawalan Sewa, kalau ada, bila? Kalau tiada, mengapa tidak bercadang untuk membatalkannya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang ada hasrat untuk membatalkan Akta Kawalan Sewa. Bagaimanapun, oleh kerana kita sedar terutama sekali Pulau Pinang dengan bangunan-bangunan di bawah kawalan sewa sebanyak 12,609, sudah tentu akan menimbulkan banyak masalah, terutama sekali sahabat-sahabat kita Ahli-ahli Parlimen dari Pulau Pinang, sudah tentu akan menghadapi masalah yang besar dibangkitkan oleh pihak pembangkang.

Kementerian akan memberikan perhatian yang secukup-cukupnya mengenai cara-cara untuk mengatasi masalah ini, apabila akta ini dimansuhkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini sudah memakan masa lebih dari 20 tahun di mana kerajaan bermula untuk membuat kajian untuk memansuhkan akta ini. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan satu kertas hijau (green paper) mengenai hasrat dan kedudukan pendirian kerajaan setakat ini supaya ada satu perbincangan luas oleh orang ramai, sebelum satu keputusan muktamad dibuat mengenai apa-apa rang undang-undang untuk memansuhkan akta ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, pemansuhan akta ini sudah tentu akan melibatkan banyak pihak sebagaimana saya sebutkan tadi 70,000 dan 12,000 lebih dari bangunan ini berada di Pulau Pinang, maka sudah tentulah pandangan dan juga cadangan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan penduduknya akan diambil perhatian. Dan akta ini apabila hendak dimansuhkan terpaksa dibawa ke Parlimen dan sudah tentulah pandangan Ahli-ahli Parlimen juga akan diambil kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]*

**PROTON WIRA/SATRIA DILENGKAPKAN AKSESORI TAMBAHAN - TINDAKAN**

**8. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah dan strategi kementerian bagi menangani masalah di bawah:

- (a) terdapat pembeli kereta USDP seperti Proton Wira dan Satria dibebankan dengan harga aksesori tambahan bagi kereta baru sebanyak RM5,200 - RM7,500 sedangkan ianya boleh dibeli lebih murah daripada luar; dan
- (b) apakah rasionalnya pembeli dibebankan dan di masa yang sama pembeli enggan membeli tanpa aksesori tidak mendapat layanan dan terpaksa menunggu lama daripada pihak USPD, adakah kes sedemikian disedari dan apakah tindakan kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bakal pembeli kereta tidak dipaksa untuk membeli kereta yang dipasang dengan aksesori tambahan. Walau bagaimanapun, memandangkan kereta-kereta baru sedia dipasang dengan aksesori tambahan, para pembeli yang tidak memerlukan aksesori tambahan dikenakan syarat, iaitu membuat permohonan pengecualian aksesori tambahan semasa membuat tempahan. Prosedur ini diperlukan bagi membolehkan syarikat pengedar membuat tempahan khusus kepada syarikat pemasangan kereta.
- (b) Syarikat-syarikat pemasangan kereta lazimnya telah memasang aksesori tambahan kepada kereta-kereta baru. Dengan demikian, pembeli kereta baru tanpa dipasang dengan aksesori tambahan perlulah membuat tempahan berasingan. Ini mengambil sedikit masa. Walau bagaimanapun, pembeli-pembeli yang menghadapi masalah bolehlah membuat aduan yang spesifik sama ada kepada kementerian ini ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kementerian tidak dapat mengawal tentang penjualan aksesori ini, adakah kementerian bercadang untuk sekurang-kurangnya dapat mengkaji tentang harga yang dikenakan sebagai kawalan kepada aksesori tambahan ini? Di samping itu, itu adakah kementerian bercadang untuk berunding dengan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya penentuan aksesori tambahan ini dapat dikaji semula agar pembeli tidak dibebankan dengan harga yang begitu tinggi? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai orang yang mempunyai kereta, jadi perkara harga atau bekalan aksesori adalah satu perkara yang penting kepada pengguna. Maka, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan satu peraturan yang sesuai untuk mengawal harga aksesori kereta. Kementerian ini selalu ada perbincangan dengan MITI supaya harga aksesori kereta dapat dikawal.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan (b), memandangkan ekonomi kita baik, ramai orang yang hendak membeli kereta. Masalah pembeli-pembeli baru hadapi ialah tempoh untuk kita mendapat kereta kerana kadang-kadang dia janjikan kadang-kadang 2 bulan, kadang-kadang 3 bulan tetapi bila sampai masa tidak dapat. Kita juga dapat maklumat, siapa yang ada 'counting' dengan pengedar itu, dia boleh potong kita punya 'turn'. Jadi, saya hendak bertanya, adakah kementerian bercadang untuk membuat satu garis panduan tempoh sesuatu kereta baru ini patut dikeluarkan kepada pembeli? Jadi, tidak sesuka hati pengedar iaitu 2 bulan, 3 bulan. Jadi adakah tempoh yang ditetapkan supaya kita tahu bahawa dalam 4 bulan ataupun 5 bulan kita mesti dapat kereta? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pasaran kereta nasional adalah sangat baik iaitu permintaan selalu melebihi pengeluaran, itu satu faktor yang menyebabkan lewat membekalkan kereta nasional. Kementerian setakat ini berpuas hati dengan amalan yang diamalkan oleh pengeluar kereta atau pengedar kereta iaitu mengadakan sistem giliran menunggu. Jadi, yang mana dahulu, didahulukan. Jadi, setakat ini tidak ada banyak masalah yang timbul tetapi kalau ada kes-kes yang spesifik, bolehlah rujuk kepada kementerian ini supaya tindakan sewajarnya akan diambil.

### KERETA SEWA HARAM - TINDAKAN KERAJAAN

9. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat kereta sewa yang menjalankan operasi secara haram di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan diambil terhadap pemilik kereta sewa tersebut.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tiada mempunyai rekod mengenai bilangan syarikat kereta sewa yang menjalankan operasi secara haram di seluruh negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tindakan yang telah diambil oleh pihak JPJ ke atas 1,165 buah kenderaan kerana tiada permit Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), dari bulan Januari hingga bulan September 1996, didapati hanya 22 buah kenderaan merupakan kereta sewa haram yang dijalankan secara individu.
- (b) Tindakan yang diambil terhadap pemilik kereta sewa haram ialah menggantung lesen kenderaan motor mereka. Sekian.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kewujudan syarikat-syarikat kereta sewa yang haram ini, bermakna masih ada peluang untuk lebih syarikat berlesen kereta sewa dilesenkan. Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk mengeluarkan lebih banyak lesen kepada pemohon-pemohon ataupun sama ada kementerian akan meminta supaya syarikat yang haram ini di 'regularise' kan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengesahkan ataupun 'legalise' kan dengan izin, syarikat-syarikat yang menjalankan kereta sewa haram ini dan memang kita tidak dapat menafikan iaitu macam mana atau melalui tindakan apa juga, terdapat sedikit sebanyak pengusaha-pengusaha kereta sewa haram di negara kita. Tetapi apa JPJ harus buat ialah memperhebatkan lagi tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang tidak mempunyai permit. Kita harap melalui proses ini, maka kita dapat mengurangkan kadar kes-kes kereta sewa haram di seluruh negara. Sekian.

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalan tambahan. Pada satu masa yang lepas, kerajaan berhasrat mengiktirafkan van kilang yang tidak ada lesen perdagangan. Saya ingin dapat tahu, apa status pendirian kerajaan sekarang?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bincang ini mengenai soalan kereta sewa yang haram, bukan van kilang. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kerajaan mempunyai cadangan supaya satu peraturan diadakan yang mana van-van kilang yang tidak mempunyai permit akan dipertimbangkan supaya mereka diregulasikan. Tetapi buat masa ini, kita masih proses untuk berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

### PESAKIT BUAH PINGGANG - RANCANGAN BANTUAN KERAJAAN

10. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar mengikut laporan perubatan, kadar pesakit buah pinggang ialah 100 orang bagi tiap-tiap 1 juta penduduk, oleh itu dengan 22 buah pusat rawatan buah pinggang sahaja ada di negara ini adalah tidak mencukupi. Apakah rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Untuk mengatasi masalah pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini, Kementerian Kesihatan mempunyai beberapa rancangan atau strategi seperti berikut:-

- (a) Memperluaskan pemberian khidmat rawatan buah pinggan melalui:-
  - (i) Menambah jumlah mesin haemodialisis di pusat rawatan yang sedia ada. Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM15.6 juta untuk membeli 87 mesin haemodialisis yang akan ditempatkan di Pusat Rawatan Haemodialisis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan sedia ada.
  - (ii) Membuka pusat rawatan buah pinggang yang baru di hospital-hospital daerah di seluruh negara secara berperingkat-peringkat dalam jangka masa 5 tahun.
- (b) Mengkaji kemungkinan mendapatkan khidmat dialisis dari sektor swasta secara kontrak.

- (c) Memberi sokongan kepada penubuhan Pusat Dialisis Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) sebagai tambahan kepada usaha-usaha kerajaan.
- (d) Menggalakkan modaliti rawatan dalam bentuk yang lain iaitu:
  - (i) Continous Ambulatory Pretoneal Dialysis, dengan izin,
  - (ii) Pemandahan buah pinggang atau renal transplantation.

**Tuan Liew Ah Kim:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, sungguhpun ada beberapa cara bantuan pesakit buah pinggang, terhadap bayaran, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana rawatan melalui haemodialisis adalah amat mahal sekali. Kalau tidak silap saya, RM2,000 hingga RM3,000 sebulan untuk pesakit buah pinggang, untuk orang miskin memang itu satu angka yang besar. Maka apakah langkah yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah untuk golongan orang miskin?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jalan lain kecuali kos yang telah ditetapkan iaitu antara RM120 sehingga RM180, terpulang kepada keadaan sama ada patient yang berkenaan melalui hanya rawatan perkhidmatan haemodialisis biasa, yang mana mungkin boleh didapati daripada pusat pentadbiran lain seperti NGO ataupun Yayasan Kidney Negara yang hanya memberikan perkhidmatan yang agak murah, bayaran yang agak murah seperti RM60 dan sebagainya. Tetapi, itu tidak termasuk rawatan doktor tambahan seperti x-ray, buat semakan atau ujian darah dan sebagainya, ini merupakan kos tambahan.

Jadi, kalau Yang Berhormat bertanyakan bagi orang yang susah, nampaknya mereka terpaksa. Tetapi dalam keadaan di mana mereka betul-betul tidak dapat membiayai seperti yang kita sedia maklum, proses atau prosedur untuk mendapatkan pengecualian bayaran itu harus diikuti seperti mendapat pengesahan tentang keadaan status sosio-ekonomi pesakit yang berkenaan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu banyak pusat haemodialysis yang telah didirikan dan diuruskan oleh badan sukarela, adakah Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk memastikan pusat-pusat ini menjalankan kerjanya dengan amalan yang bermutu dan sama ada Kementerian Kesihatan bercadang memberi bantuan kewangan tahunan kepada pusat-pusat tersebut?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini Kementerian Kewangan memanglah sentiasa memberi sokongan kepada pertubuhan atau organisasi pusat dialysis bukan kerajaan seperti memberi bantuan sokongan dalam bentuk kewangan. Contohnya, bagi National Kidney Foundation kerajaan ada memperuntukkan sebanyak RM15 juta pada tahun 1996 dan akan diberi RM10 juta lagi dalam tahun 1997, ini bererti totalnya ialah sebanyak RM25 juta untuk memberi perkhidmatan operating cost bagi 10 buah haemodialysis centre yang tiap-tiap satu berharga sebanyak RM500,000 untuk dioperasi selama 5 tahun.

Jadi, yang lain-lain itu nampaknya terpulang kepada keadaan dari semasa ke semasa tuntutan yang diperlukan. Namun demikian, keadaan ini akan dikaji semula kerana seperti yang kita sedia maklum, dalam keadaan di mana tunggakan itu begitu banyak, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mendapatkan khidmat dialysis dari sektor swasta secara kontrak seperti yang saya katakan tadi untuk membantu keadaan yang begitu mendesak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai) tidak hadir]*

#### **TABIKA KEMAS DILADANG - CADANGAN BANTUAN KEMENTERIAN**

**12. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan lebih daripada 350 buah sekolah SRJK(T) terletak di ladang-ladang, di mana hanya 24 kelas Tabika Kemas sedang beroperasi di situ apakah cadangan kementerian untuk memulakan kelas-kelas Tabika Kemas di semua ladang yang mempunyai sekolah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kemas telah menganjurkan 45 buah kelas Tabika Kemas di ladang-ladang di seluruh negara. Kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan kelas Tabika Kemas di ladang, menggunakan sekolah-sekolah SRJK(T) yang terdapat di ladang-ladang tersebut kerana Kementerian Pendidikan dijangka akan menggunakan kemudahan sekolah tersebut bagi membuka kelas-kelas Tabika mereka.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sekarang ini permintaan untuk murid-murid memasuki kelas Tabika Kemas ini

begitu menggalakkan dan akan dijadikan wajib untuk kanak-kanak prasekolah ini memasuki Tabika Kemas dan dalam masa yang sama pihak kementerian tidak ada memperuntukkan khas untuk membina bangunan-bangunan baru. Jadi, apakah langkah kementerian untuk memastikan bahawa penambahan kanak-kanak yang memasuki Tabika Kemas ini akan dijamin untuk mendapat tempat pengajian yang lebih selesa?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar atas bertambahnya permintaan. Oleh itu, kalau kita tengok peruntukan pada tahun ini memang ada peruntukan setakat mana kita mampu untuk memenuhi dan meningkatkan taraf kemudahan untuk prasekolah ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat setiap tahun apabila pihak Tabika Kemas ini hendak mengadakan hari ucapan dan penyampaian hadiah, sentiasa tercari-cari peruntukan, kadang-kadang terpaksa minta derma dari ibu bapa, syarikat-syarikat tertentu, wakil-wakil rakyat.

Jadi, saya hendak bertanya adakah kementerian bercadang untuk memperuntukkan sejumlah wang bagi program tersebut di dalam program tahunan mereka supaya guru-guru dan pentadbiran Tabika Kemas ini tidak kacau dengan aktiviti ini, sebab tidak ada peruntukan, tetapi kena buat. Oleh itu, saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang, kalau tidak bercadang kenapa? Dan kalau bercadang bila hendak dilaksanakan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang permintaan mengenai pelbagai perkhidmatan diperlukan, tetapi seperti kita tahu peruntukan adalah terhad. Jadi, kita hendak menentukan dengan peruntukan yang terhad itu, kita mesti mengambil prioriti yang betul.

Oleh yang demikian, setakat sekarang kita mungkin akan menumpukan peruntukan-peruntukan yang ada kepada mempertingkatkan kemudahan-kemudahan rumah-rumah atau bangunan Tabika dan begitu juga kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk meningkatkan taraf Tabika itu.

Jadi, mengenai peruntukan yang diperlukan semasa penghujung tahun dan sebagainya, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama sedia membantu menolong sehingga satu ketika nanti kerajaan mampu untuk menyelenggara semua yang diperlukan.

## PEMERIKSAAN KENDERAAN DI SIBU - JUMLAH KESKESALAHAN KELEWATAN

**13. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkara-perkara seperti berikut secara terperinci, iaitu:

- (a) berapakah jumlah kes-kes kesalahan kelewatan memeriksa kenderaan yang terdapat di Bahagian SibU, misalnya bagi bulan Ogos; dan
- (b) sama ada kerajaan dapat memberi sedikit kelonggaran dengan mengurangkan denda yang dikenakan ke atas kenderaan yang lewat dihantar untuk menjalani pemeriksaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini:

- (a) jumlah kes kesalahan kelewatan pemeriksaan kenderaan di Bahagian SibU pada bulan Ogos tahun ini ialah sebanyak 69 kes sahaja; dan
- (b) bagi pemilik yang melakukan kesalahan tersebut pertimbangan sememangnya diberikan, di mana rayuan boleh dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak di Kuching untuk mengurangkan kadar kompaun yang dikenakan. Walau bagaimanapun, pertimbangan yang diberikan adalah berdasarkan kepada fakta dan keadaan setiap kes rayuan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak PUSPAKOM Sdn. Bhd., beroperasi mulai Oktober, 1994 berapakah jumlah stesen PUSPAKOM Sdn. Bhd., telah dibina di seluruh negara dan berapa yang telah dibina serta beroperasi di Sarawak sendiri?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sejak pihak PUSPAKOM mula beroperasi dalam tugas-tugas pemeriksaan kenderaan-kenderaan perdagangan, terdapat 21 pusat pemeriksaan telah pun dibina oleh pihak PUSPAKOM. Kalau tidak silap saya sebanyak RM220 juta telah pun dibelanjakan oleh pihak PUSPAKOM untuk pembinaan dan pengwujudan pusat-pusat tersebut. Matlamat akhir ialah untuk menubuhkan sebanyak 33 pusat pemeriksaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Sarawak pula, buat masa ini terdapat 5 buah pusat yang telah pun dibina dan sedang menjalankan perkhidmatan dan 5 buah pusat pemeriksaan ini adalah di Kuching, SibU, Miri, Sri Aman dan Bintulu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa orangkah pegawai yang bekerja di Pejabat PUSPAKOM Sibu? Sejauh mana yang saya mengetahui hanya seorang pegawai sahaja di Pejabat PUSPAKOM Bintulu. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan pegawai-pegawai di Sibu dan Bintulu? Jika ya, berapa orang dan bila?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi bilangan pegawai-pegawai yang bekerja di pusat pemeriksaan di Bintulu, saya tidak mempunyai angka dan saya minta notis. Dari segi sama ada kerajaan ingin menambah lagi, saya percaya jika keadaan memang memerlukan supaya kakitangan ditambah, maka Kementerian Pengangkutan akan mengarah supaya kakitangan yang mencukupi ditempatkan di satu-satu tempat ataupun pusat pemeriksaan untuk menjalankan tugas.

#### **IMPORT KERETA TERPAKAI DAN BARU - JUMLAH SYARIKAT**

**14. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat yang diberikan kebenaran untuk mengimport kereta terpakai dan baru; dan
- (b) berapa banyakkah kereta-kereta tersebut diimport dalam tahun 1990 hingga 1996.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Yan bertarikh 5hb. Disember 1996 oleh kerana soalan-soalan ini adalah bersamaan dan berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kebenaran untuk mengimport kereta terpakai dan terbaru boleh dibahagikan kepada lima kategori:-

- (a) 15 buah syarikat bumiputera telah diluluskan kuota import untuk mengimport kereta baru;
- (b) 65 buah syarikat yang diberi kelulusan untuk mengimport kereta terpakai;
- (c) 8 buah syarikat diluluskan untuk mengimport kenderaan dua guna baru, kenderaan pacuan empat roda, four-wheel-drive, dengan izin;

- (d) 20 buah syarikat untuk kenderaan dua guna terpakai; dan
- (e) individu untuk kereta terpakai yang dibawa balik dari luar negeri atas syarat-syarat tertentu.

Lesen import untuk kenderaan terpakai hanya diberikan kepada syarikat-syarikat pemegang kuota bumiputera yang telah diperuntukkan kuota sebelum kerajaan membekukan kelulusan baru sejak tahun 1988.

Walau bagaimanapun, kerajaan masih boleh menimbang dan meluluskan permohonan bagi pengimportan kereta penumpang dan kenderaan dua guna baru daripada syarikat-syarikat bumiputera yang mendapat francais dari syarikat-syarikat pengeluar kenderaan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan pemberian lesen import bagi tujuan mengurangkan defisit kewangan negara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Pemberhentian pengeluaran AP walaupun boleh mengurangkan pengaliran wang keluar negara tetapi tindakan sedemikian juga adalah bertentangan dengan obligasi negara di bawah Perjanjian Pertubuhan Dunia.

Di samping itu, ianya tidak selaras dengan komitmen negara untuk meliberalisasikan secara berperingkat peraturan import negara seperti dipersetujui di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Asean.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengeluarkan sebanyak 4,829 AP bagi pengimportan kenderaan baru dan 9,769 AP bagi pengimportan kenderaan terpakai pada tahun 1995. Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini sebanyak 8,036 AP bagi kenderaan baru dan 7,276 AP bagi pengimportan kenderaan terpakai diluluskan.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Saya difahamkan oleh beberapa orang rakan saya bahawa nilai satu AP ini antara RM20,000 hingga RM30,000 oleh kerana begitu banyak sekali kereta yang diimport iaitu kereta baru 8,000 lebih dan kereta terpakai hampir 3,000 dalam tahun 1996.

Dalam proses meliberalisasikan proses pemberian AP, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan AP kepada sesiapa sahaja yang hendak import? Syarikat boleh import juga tetapi berikan AP kepada sesiapa hendak import dan caj dia RM20,000, RM30,000. Oleh kerana syarikat yang mengimport pun caj RM20,000, RM30,000 lebih - kerajaan dapat hasil. Terima kasih.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah berkali-kali dibangkitkan di peringkat Dewan ini, di peringkat kementerian dan peringkat-peringkat yang lain tetapi malangnya kerajaan tidak bercadang membuat demikian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kuota yang disebutkan tadi akan ditarik balik. Berikan sebab kepada Dewan ini, mengapakah pihak kerajaan tidak benarkan pasaran semasa menentukan nilai AP atau nilai lesen pengimportan yang dikeluarkan. Sungguhpun pihak kerajaan tidak membenarkan cadangan yang dibawa berkali-kali tetapi apakah sebab sebenarnya, kerana ia pun akan membawa hasil kepada negara kita?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa maksud soalan ini. Bolehkah terangkan sekali lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ulangi lagi sekali. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya ialah tentang kuota, kuota yang tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Adakah beliau bersetuju bahawa kuota ini akan dimansuhkan, tanpa kuota akan dikenakan ke atas sama ada bumiputera atau bukan bumiputera? Dan tentang AP yang dikenakan tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana Yang Berhormat menyatakan bahawa sungguhpun telah timbul berkali-kali tetapi pihak kerajaan tidak akan menerima cadangan itu iaitu membenarkan pasaran menilaikan nilai sebenarnya supaya pihak kerajaan masih boleh mendapat hasil. Kalau begitu apakah sebabnya kerajaan enggan berbuat demikian, kerana pihak kerajaan masih boleh mendapat hasil daripada cadangan itu?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang pertama sama ada kuota ini akan dimansuhkan atau tidak, setakat ini kerajaan belum berbincang perkara ini dan tidak akan berbuat demikian. Kepada hasil yang akan dapat daripada itu, setakat ini kerajaan masih berpendapat keadaan sekarang ini adalah amat sesuai pada setakat ini. Sama ada pada masa yang akan datang kita akan buka semua itu atau tidak, itu terpulang kepada masa yang akan datang.

#### PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL - FUNGSI

**15. Che Ibrahim Mustafa [Sg. Petani]** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah faktor yang mendorong berlakunya keadaan tidak menentu dalam industri perfileman tanah air; dan

- (b) dalam menghadapi kemelut ini, apakah fungsi sebenar Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS)

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan tidak menentu industri perfileman ada hubungkaitnya dengan faktor berisiko tinggi mengeluarkan filem kerana perbelanjaan yang agak besar, peningkatan ekspektasi penonton dan pasaran yang kompetitif. Umpamanya filem cereka, rata-rata hanya separuh daripadanya mendapat untung pada tayangan 'first-run', dengan izin, di pawagam-pawagam.

FINAS ditugaskan untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman di Malaysia. Dalam usaha untuk membantu dan menggalak penghasilan filem yang bermutu dengan kuantiti yang munasabah, beberapa skim galakan telah dilaksanakan seperti Skim Kemudahan Produksi, Skim Galakan Melalui Kutipan Duti Hiburan Filem Tempatan, Syarat Wajib Tayang, Skim Bantuan Insentif dan Skim Latihan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Sekarang ini kita dapati di Malaysia, pengeluar-pengeluar dan pengarah bumiputera banyak yang sudah merajuk sebab drama-drama kebanyakannya terutama sekali di TV kita dimonopoli oleh sama ada HVD, Wayang Tinggi atau Aeroflight.

Saya hendak tahu apakah peranan kerajaan supaya perkara monopoli dalam filem-filem dan drama-drama yang kebanyakan skripnya datang bulat-bulat dari Hong Kong, cuma diterjemahkan? Sebab itulah kita dapati drama-drama ini tidak membayangkan masyarakat di Malaysia ini.

Jadi, saya ingin tahu apakah peranan kerajaan supaya perkara ini dapat kita hapuskan dan pengarah-pengarah serta pengeluar-pengeluar bumiputera di negara ini tidak disabotaj supaya drama mereka tidak dihalang daripada berkembang?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya akui gema berkaitan dengan monopoli syarikat-syarikat tersebut dalam drama yang disiarkan sama ada di RTM1 ataupun RTM2. Oleh kerana itu, bagi mengimbangkan keadaan, baru-baru ini kerajaan telah meluluskan 200 jam untuk satu konsortium bumiputera iaitu Keris Motion. Saya yakin dengan 200 jam ini tidak akan timbul soal monopoli lagi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana pasaran filem-filem tempatan adalah terhad, adakah pihak kerajaan akan cuba membantu supaya dapat menerokai pasaran-pasaran yang menggunakan bahasa yang sama seperti Singapura, Indonesia dan mungkin Brunei dan juga pasaran-pasaran ASEAN dengan menggalakkan peralihan bahasa ataupun dubbing?

Kita dapat melihat kalau filem Jepun yang tidak mempunyai kaitan sentimen dan budaya dengan Malaysia yang dialihbahasakan ke dalam Bahasa Malaysia boleh menawan penonton di Malaysia, tidakkah kita melihat sebaliknya akan hakikat ini untuk membantu supaya filem-filem kita dapat menembusi pasaran yang terhampir dengan negara kita?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah masalah pasaran. Kita terima baik cadangan Ahli Yang Berhormat dan kita harap kalau pasaran dapat mempunyai potensi di dalam negeri, maka tentulah ia juga mempunyai peluang yang cerah di luar negeri.

#### KILANG-KILANG PADI- PENGAWALSELIAAN

**16. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa pegawai-pegawai di kementeriannya yang mengawal selia kilang-kilang padi di negara ini tidak langsung mengambil berat tentang masalah kilang-kilang kecil dan sederhana tetapi hanya menyebelahi kilang-kilang besar yang sentiasa mempunyai rancangan agar kilang-kilang kecil dan sederhana ditutup.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa adalah kurang tepat anggapan yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai di Kementerian Pertanian yang mengawal selia industri padi dan beras, termasuk kilang-kilang padi di negara ini tidak langsung mengambil berat masalah kilang-kilang kecil dan sederhana, tetapi sebaliknya hanya menyebelahi kilang-kilang besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian sentiasa memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang kecil dan sederhana, termasuk kilang-kilang bumiputera. Kementerian telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan persatuan-persatuan pengilang padi untuk

membincangkan masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang kecil dan sederhana, khususnya mengenai masalah untuk mendapatkan bekalan padi. Bahkan, Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri pun telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan wakil-wakil pengilang padi kecil dan sederhana bersama dengan Yang Berhormat wakil rakyat pada 9hb. April 1996 dan saya sendiri juga telah mengadakan perjumpaan dengan pengilang-pengilang padi di Kedah dan Perlis pada 19hb. Disember 1995 untuk membincangkan dan mengatasi masalah mereka.

Untuk makluman, pada tahun 1985, kilang-kilang padi dan beras negara (LPN) ketika itu dan kilang-kilang swasta menghadapi masalah membeli padi kerana terdapat kekurangan kemudahan pengeringan pengilang dan tempat menyimpan padi. Ini telah mengakibatkan padi yang dibeli dari petani-petani tidak dapat dikendalikan dengan memuaskan sehingga menjejaskan mutu beras.

Bagi mengatasi masalah ini, LPN telah menggesa kilang-kilang swasta mengubahsuai kilang-kilang masing-masing. Hasilnya, banyak kilang telah meningkatkan keupayaan menyimpan dan mengering padi dan mengubahsuai kilang untuk menghasilkan beras yang bermutu.

Justeru itu, pada tahun 1988, pengilang dapat membeli padi petani-petani mengikut jangka masa yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, satu masalah baru telah timbul dengan bertambahnya kapasiti kilang-kilang yang terlibat. Kini kilang-kilang bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan bekalan padi.

Beberapa perjumpaan di antara Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras BERNAS dan Persatuan Pengilang-pengilang Padi Kedah/Perlis dan PPK MADA telah diadakan untuk mengatasi masalah yang baru ini. Kementerian Pertanian mendapati BERNAS telah membantu kilang-kilang tersebut di bawah skim membantu kilang-kilang bumiputera melalui skim upah mengering dan kisar dan pusat pembelian padi.

Di samping itu, kilang-kilang tersebut hendaklah sering mengamalkan persaingan yang sihat dan pesawah-pesawah boleh menjual padi masing-masing di kilang-kilang padi yang menjadi pilihan mereka sendiri berdasarkan harga dan perkhidmatan yang diberikan.

Perlu ditegaskan bahawa industri padi negara ini adalah satu industri yang kompetitif dan oleh yang demikian, persaingan yang sihat mendatangkan faedah kepada semua pihak yang terlibat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi kebanyakan pesawah padi, BERNAS itu adalah LPN dan LPN itu adalah BERNAS. Jadi, berkait dengan pengilang-pengilang besar, ramai pesawah padi lebih tertumpu untuk menjual padi kepada kilang-kilang besar kerana potongannya rendah, manakala kepada agensi kerajaan didapati potongannya agak tinggi.

Tetapi apabila rungutan kita sampaikan bahawa pihak agensi kerajaan membuat analisis bahawa itulah yang sepatutnya, bagaimanakah boleh terjadinya bahawa pihak kilang-kilang besar dapat memberi potongan yang rendah? Setakat ini, setakat manakah pihak yang berwajib membuat semakan terhadap alat timbang dan sebagainya?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi bahawa kementerian telah mendapati bahawa tanggungjawab yang dijalankan oleh LPN dahulu telah diambil alih oleh BERNAS di bawah konsep penswastan di mana untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, BERNAS telah menggunakan lebih kurang RM60 juta hingga RM80 juta semusim untuk membeli padi bagi kilang-kilang bumiputera dan seterusnya menjualkan balik padi-padi yang berkenaan kepada kilang-kilang yang berkenaan.

BERNAS juga telah menanggung pengurusan skim di antara RM4 juta hingga RM6 juta setahun bagi memberi pertolongan sebagaimana yang saya jelaskan tadi. Tetapi walau bagaimanapun, sudah pasti segala masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita minta bagi pihak kawal selia dan BERNAS akan mencari jalan bagaimana masalah-masalah yang lain dapat diatasi pada masa-masa akan datang.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa sekarang ini berlaku persaingan hebat di antara pihak swasta dengan pihak BERNAS dalam usaha mereka untuk merebut membeli padi. Ada berlaku sehingga pihak swasta sanggup memberi komisen kepada driver atau pemandu-pemandu lori membeli dengan harga yang lebih tinggi.

Di dalam persaingan ini, sudah tentu BERNAS sentiasa kalah kerana BERNAS ini ada social obligation kepada rakyat, jadi ia selalu tertinggal dan harganya lebih murah daripada pihak swasta. Persoalan yang saya ingin timbulkan, apakah pihak kementerian tidak merasa bimbang seandainya pihak swasta boleh mengawal sepenuhnya pembelian padi

ini? Tidakkah nanti akan berlaku aktiviti sorok beras yang boleh menyebabkan harga beras akan naik dan juga apakah pihak kementerian tidak bimbang bahawa satu hari nanti BERNAS akan ditutup kerana tidak dapat membeli padi?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang telah mengambil perhatian tentang kenyataan mengatakan persaingan hebat di antara pihak swasta dengan BERNAS dalam pembelian padi.

Memang sehingga ini, dalam perbincangan kita dengan BERNAS, tidak ada lagi masalah kebimbangan sebagaimana yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, kita mengakui persaingan hebat ini memang berlaku dan sedang berlaku. Sebab itu, kadang-kadang bila berlaku persaingan hebat ini, yang untungnya ialah petani-petani kerana petani-petani diberi potongan padi basah ini agak lebih rendah kalau hendak dibandingkan dengan sebelum ini. Jadi, ini bermakna keuntungan bersih seolah-olahnya lebih tinggi kalau dibandingkan di kawasan-kawasan yang tidak ada persaingan.

Jadi, sebab itu, kementerian saya mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada dasar-dasar baru perlu diperbaiki, jika sekiranya BERNAS sendiri menghadapi masalah sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi. Tetapi, walau bagaimanapun, sehingga ini saya rasa BERNAS masih lagi mempunyai kemampuan dan menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang telah kita amanahkan menerusi penswastan. Terima kasih.

#### METROVISION - KEPERLUAN MELUASKAN PEMANCARAN

**17. Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Penerangan menyatakan, memandangkan penduduk-penduduk di Lembah Kelang menikmati saluran televisyen keempat melalui MetroVision, mengapa bandar-bandar atau negeri-negeri lain di Malaysia tidak dapat menikmati kemudahan sebegini yang hanya dapat menonton tiga saluran 'free to air' (bebas ke udara) sahaja, atau tidakkah MetroVision bercadang untuk meluaskan pemancaran ke luar Kuala Lumpur dan sekiranya begitu, tidakkah kerajaan menetapkan sebagai syarat kepada TV swasta yang mereka mesti meluaskan perkhidmatan ke seluruh negara bila-bila masa dalam abad ini.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan penubuhan MetroVision ialah untuk menyiarkan rancangan TV di Lembah Kelang sahaja. Oleh sebab MetroVision merupakan sebuah syarikat swasta, maka perancangan perluasan liputan siarannya adalah di luar bidang kuasa kementerian ini.

**Tuan Chia Kwan Chye:** Tuan Yang di-Pertua, dengan permulaan siaran satelit melalui Astro, negara ini mungkin mempunyai terlalu banyak stesen televisyen yang mengakibatkan MetroVision menghadapi masalah seperti kekurangan iklan. Jadi, apa kedudukan MetroVision seperti ini dan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan satu lagi lesen televisyen pada jangka masa yang pendek ini?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, era hari ini adalah era super corridor highway khususnya dalam bidang komunikasi dan oleh kerana itu sebarang permohonan untuk mewujudkan stesen televisyen adalah risiko sendiri pihak swasta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman.

*[Soalan No. 18 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman [Sungai Benut] tidak hadir].*

#### **KOPERASI YANG MASIH AKTIF/DITUTUP-BILANGAN**

19. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan bilangan koperasi yang masih bergerak di Sarawak dan bilangan koperasi yang telah ditutup operasinya dan sebab-sebab penutupan telah dibuat.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan koperasi berdaftar di negeri Sarawak sehingga 30hb. Jun 1996 yang masih aktif ialah 357 buah, manakala yang tidak aktif ialah 111 buah, sementara bilangan koperasi yang telah ditutup operasinya bagi tempoh 1992 hingga 1996 ialah 18 buah.

Penutupan atau pembatalan koperasi tersebut telah dibuat atas permintaan koperasi sendiri atau atas sebab-sebab tertentu seperti bilangan anggota berkurangan dan anggota tidak berminat terhadap koperasi lagi, pengurusan dalam koperasi lemah dan lembaga koperasi tidak aktif dan kewangan koperasi tidak kukuh kerana hutang anggota.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah begitu banyak bilangan koperasi yang tidak aktif tetapi belum ditutup dan saya sedar kita ada Maktab Koperasi di Petaling Jaya dan mengapakah setelah menghantar begitu ramai pegawai koperasi ke sana, masih begitu banyak koperasi yang tidak aktif?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, sebanyak 18 buah telah ditutup atas permintaan sendiri atau atas sebab-sebab yang tertentu dan kementerian sedang mengkaji sama ada yang lain itu perlu ditutup atau tidak.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Jabatan Koperasi meningkatkan usahanya untuk memberi lebih perhatian dan bimbingan, saya ambil perhatian dan kementerian akan cuba dengan langkah yang lebih tegas lagi untuk membimbing dan mendidik koperasi di negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 6, 7, 11, 18 dan 20 hingga 34 dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE  
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
(PERBADANAN) SYNOD DIOCESE MALAY-  
SIA BARAT (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat Tahun 1971: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN**

**1997**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis" [*Hari Ketujuh*]

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

**Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] -**

**Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan 1997] -**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jelebu, sila sambung. Yang Berhormat mempunyai tiga minit lagi. [*Ketawa*]

**3.36 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung perkara yang telah saya bahaskan semalam iaitu masalah sekolah anak-anak Orang Asli, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan memang kementerian telah turun, telah membuat kajian dan siasatan dan saya mengucapkan terima kasihlah, sama ada di Sekolah Kebangsaan Kampung Putera, Sekolah Kebangsaan Sungai Sampo, Orang Asli berasrama. Jadi, saya mintalah perkara ini dapat diambil tindakan segera. Terima kasih.

Selain daripada itu, Sekolah Kebangsaan Petaseh berasrama. Ini satu-satunya sekolah berasrama untuk anak-anak Melayu di Jelebu di mana mereka telah memohon peruntukan tetapi setakat hari ini tidak mendapat penjelasan daripada pihak kementerian di mana asrama yang didirikan cukup untuk 650 orang pelajar tetapi yang mampu diterima oleh sekolah pada hari ini ialah 480 orang. Jadi, kita kekurangan 165 orang untuk mendapat peluang belajar di sekolah itu, dan keadaan yang amat daif sekarang ini, mendukacitakan, terpaksa diambil sebahagian daripada 'dorm' asrama itu untuk dijadikan empat buah kelas untuk menampung murid-murid yang belajar pada waktu ini.

Jadi, saya mintalah kementerian mengambil perhatian yang sewajarnya dan segerakanlah sebab ramai anak-anak penduduk dari Kuala Lumpur pun belajar di situ. Bukan hanya untuk anak-anak Jelebu sahaja dan memang terdapat beberapa bilangan ibu bapa yang datang dari luar Jelebu yang menghantarkan anak mereka ke situ. Jadi, saya berharap perkara ini akan dapat diambil tindakan yang segera dan berilah keutamaan.

Kalau di kawasan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri pada tahun mendatang, Rancangan Malaysia Ketujuh diperuntukkan lebih kurang RM22 juta, berilah sedikit kepada Jelebu, Dato' ya! RM8 juta itu tidak cukup rasanya untuk sekolah-sekolah yang ada. Jadi, kita sama-sama timbanglah sedikit sebanyak. Jadi, saya ingat Dato' Timbalan Menteri akan mencadangkan kepada kementerian untuk menambah sedikit sebanyak peruntukan kerana keadaan ini agak mendesak. Kita kena fikirkan perkara ini untuk tempoh masa-masa akan datang supaya anak-anak kita akan dapat belajar di sekolah yang agak selesa.

Selanjutnya, Tuan Pengerusi, masalah PIBG sekolah. PIBG sekolah selalu dibebankan untuk mewujudkan keceriaan, keselamatan iaitu konsep 3K ini yang menjadi faktor kepada motivasi pelajar-pelajar untuk mencakupi aktiviti yang dilalui pada setiap hari oleh anak-anak di sekolah ini. Tetapi PIBG terpaksa menanggung beban mencari duit dan sebagainya untuk membuat pondok membaca, membuat taman sains, surau dan sebagainya. Jadi, apa salahnya kementerian menimbangkan untuk perkara-perkara ini diberi keutamaan oleh sekolah? Apatah lagi sekolah memang memerlukan perkara-perkara yang sedemikian. Jadi, janganlah dibebankan kepada PIBG dan ibu bapa yang di luar bandar ini memang susah, orang menoreh getah. Jadi, perkara-perkara ini kena cari, kena selesaikan masalah ini supaya jangan ibu bapa begitu ditekan dengan permasalahan.

Satu perkara lagi ialah mengenai sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) Ladang Glandel. Saya difahamkan, pihak sekolah telah bersedia untuk membina bangunan yang dikongsi sama dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Air Hitam dalam daerah Jempol. Jadi, perkara ini kalau boleh kementerian lihatlah apabila peruntukan yang dipohon itu sejak setahun yang lalu cuba tengok, kalau boleh dapat sekolah ini dipindahkan daripada Ladang Glandel itu, kerana sekolah yang ada di dalam estet itu memang bangunannya sudah uzur. Jadi, saya mintalah sebab tapak sudah ada. Beri peruntukan sahajalah, kerana terdapat ramai anak-anak kaum India yang belajar di sekolah itu tetapi dalam keadaan yang tidak begitu selesa.

Yang terakhirnya, Tuan Pengerusi, mengenai dengan sekolah-sekolah rendah yang lain. Terdapat satu sekolah di Amar Penghulu di Jelebu ini memang bangunannya sudah uzur, sudah lebih 45 bangunan ini didirikan. Jadi, saya mintalah pihak kementerian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri melihat kembali perkara-perkara prasarana yang sepatutnya ada di sekolah-sekolah ini untuk lebih memberikan daya tarikan dan juga minat kepada anak-anak kita belajar dan seterusnya mendapatkan ilmu kepada pihak sekolah yang telah banyak menyediakan peruntukan.

Jadi, saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

3.42 ptg.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya mengambil peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan dalam P.26, Butiran 00100 - Pendidikan Rendah, Butiran 00200 - Pendidikan Menengah dan Butiran 00700 - Pendidikan Guru, Maktab Perguruan.

Tuan Pengerusi, anggota masyarakat dan ibu bapa di setengah-setengah sekolah bertanya, apa sebab berlakunya kekurangan guru mengajar di sekolah. Apakah permasalahan terhadap sistem latihan perguruan pada masa kini atau orang ramai tidak minat untuk menyertai profesion perguruan. Saya tidak tahu apa sebab masih belum dapat satu alasan yang baik supaya dapat mengatasi kekurangan guru-guru yang berlaku pada ketika ini.

Tuan Pengerusi, saya maklumkan kepada Dewan ini setengah-setengah sekolah terutamanya sekolah rendah jenis kebangsaan Cina SRJK(C) terpaksa mengiklankan dalam surat khabar, menggantungkan pena untuk memohon dan

meminta orang ramai menyertai sebagai guru sementara untuk mengisi kekurangan yang berlaku di sekolah berkenaan. Ini memang jadi kebimbangan kepada orang ramai, dan mungkin terjejas sedikit kepada cadangan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Maka dengan demikian, saya minta penjelasan lebih lanjut daripada pihak Kementerian Pendidikan, cara mana untuk mengatasi perkara yang panjang berlaku di dalam negara ini berkaitan dengan kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai sekolah wawasan. Banyak kenyataan atau hujah-hujah daripada pihak Kementerian Pendidikan mengenai cadangan mewujudkan konsep sekolah wawasan. Pandangan-pandangan ini, hujah-hujah atau kenyataan ini berbeza sedikit ataupun berlainan sedikit dan juga mengelirukan orang ramai. Saya membaca satu kenyataan baru-baru ini yang berbunyi demikian, sebanyak 75 buah sekolah rendah kebangsaan (SRK), sekolah rendah jenis kebangsaan Cina-SRJK(C) dan SRJK(T) di Semenanjung, kecuali Perlis dan Terengganu telah dikenal pasti untuk dicantumkan menjadi 36 buah kompleks sekolah wawasan pada tahun depan. Inikah dasar atau konsep wawasan sekolah yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan pada masa akan datang? Saya tidak tahu, jadi saya mintalah penjelasan. Kalau boleh saya mencadangkan di kawasan Puchong, di mana satu kawasan baru, tapak sekolah yang baru seluas 15 ekar supaya pihak Kementerian Pendidikan mewujudkan sekolah rendah kebangsaan baru, SRJK(C) baru dan SRJK(T) baru di atas tapaknya supaya murid-murid mereka boleh menggunakan padang yang sama. Ini adakah di bawah konsep wawasan sekolah yang dapat diluluskan? Dengan yang demikian, saya minta pihak kementerian untuk memberitahu Dewan ini berkaitan dengan konsep tujuan matlamat sekolah wawasan ini supaya tidak akan dapat salah faham atau salah anggapan orang ramai terhadap konsep ini.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta pihak Kementerian Pendidikan mewujudkan kelas Tingkatan VI di Sekolah Menengah Seri Kembangan, kerana di Sekolah Menengah Seri Kembangan setiap tahun mempunyai 500 murid lepasan dari Tingkatan V. Kalau wujudnya kelas Tingkatan VI di sekolah tersebut, maka mereka tidak payah pergi ke Kajang atau ke PJ untuk melanjutkan pelajaran mereka, supaya elakkan beban ekonomi keluarga mereka. Dan juga saya cadangan demikian oleh kerana Sekolah Menengah Seri Kembangan

cukup kemudahan-kemudahan, dan peraturan-peraturan tertentu untuk mewujudkan kelas Tingkatan VI ini, maka cadangan ini telah dikemukakan kepada pihak kementerian untuk ditimbang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh satu perkara di mana pihak kementerian baru-baru ini mengeluarkan satu surat pekeliling kepada sekolah rendah jenis kebangsaan supaya meminta cadangan untuk melantik wakil Menteri Pendidikan sebagai Ahli Lembaga Penghulu di sekolah itu adalah ditangguhkan sementara waktu. Surat pekeliling dihantar kepada SRJK(C) tanpa satu tempoh yang tertentu. Tidak tahu ditangguhkan masa itu. Mungkin kalau dikatakan oleh kerana untuk mengkaji semula terhadap perlantikan itu, pihak kementerian patutnya ada satu tempoh supaya tidak keliruan orang ramai.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, Pejabat Pendidikan Pulau Pinang juga mengeluarkan satu surat pekeliling kepada sekolah, termasuk SRJK(C) untuk meminta pihak guru besarnya menentukan sama ada Lembaga Sekolah itu dikekalkan atau dimansuhkan. Saya tidak tahu apa sebabnya surat pekeliling dikeluarkan, sama ada surat pekeliling ini telah bercanggah dengan Akta Pendidikan di bawah seksyen 62. Apa sebab buat demikian. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian Pendidikan supaya dapatlah elakkan tanggapan salah supaya jadikan satu masalah isu kepada masyarakat Cina. Jadi, dengan demikian, saya minta perkara-perkara yang saya sebutkan dapat satu penjelasan lebih lanjut di Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

3.49 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Program dan Prestasi iaitu Institut Teknologi MARA yang belanjanya RM279,691,300. ITM telah dibina di Kelantan dengan anggaran belanja RM29 juta. Bila siap, kosnya RM38 juta, iaitu purata lebih kurang RM31,000 untuk seorang pelajar. ITM di Kedah pula, anggaran belanja RM26 juta, tetapi bila siap lebih kurang RM35 juta, pelajarnya 800. Maka setiap pelajar boleh dikatakan kosnya RM43,000. Perak pula, pembinaan kampus ITM di Perak RM14 juta, bila siap menjadi RM18 juta; 600 pelajar, seorang pelajar lebih kurang RM 30,000.

ITM pula akan dibuka di Pulau Pinang iaitu di Permatang Pauh. Anggarannya lebih kurang RM100 juta, bila siap nanti dijangka RM119 juta.

Kalau dibahagi dengan pelajarnya yang hendak ditempatkan seramai 1,000 orang - ertinya, RM100,000 untuk seorang pelajar. Soal di sini ialah kenapa ITM dipilih untuk dibuat di Pulau Pinang dan terpaksa dibuat di Permatang Pauh. Walaupun kawasan itu kawasan bendang, pihak-pihak yang membuat kajian iaitu engineer yang bertauliah, kalau ITM dibuat juga di situ, harganya, sepatutnya boleh buat 3 kampus, tetapi dibuat satu kampus semata-mata hendak dibuat juga di Permatang Pauh. Apakah ada tekanan daripada Timbalan Perdana Menteri supaya dibuat juga di Permatang Pauh?

Walaupun kerja 'earth work' sahaja - kaji bumi dan sebagainya telah memakan belanja RM14 juta, piling dan sebagainya memakan belanja RM33 juta. RM33 juta ini sudah siap satu kampus di Kedah dan juga satu kampus di Perak yang harganya RM18 juta. Maka ITM yang hendak dibuat di Permatang Pauh, di kawasan bendang, bendang ini pula kawasan orang Melayu, ditebus guna untuk membuat ITM dan kosnya sehingga RM119 juta, tetapi di tempat lain boleh buat 3 kampus, tetapi oleh kerana tekanan supaya dibuat juga di Permatang Pauh, walaupun sawah terpaksa dihapuskan, walaupun kos 3 kali ganda untuk melayan kehendak Timbalan Perdana Menteri, maka dibuat juga di kawasan itu, walaupun 3 kali ganda harga kampus yang hendak dibuat di situ, sedangkan kerajaan mencanangkan supaya berjimat cermat dan juga jangan berbelanja tinggi.

Kenapa ITM tidak dibuat di Kepala Batas? Ada estet di situ. Atau di Seberang Perai Selatan? Pihak yang membuat kajian itu kalau diubah ke tempat lain, dapat dijimatkan 200%, ertinya, kosnya akan menjadi kos seperti yang dibuat di Kelantan, di Kedah dan di Perak. Ini 3 kali ganda harga semata-mata hendak buat di kawasan bendang, kawasan Permatang Pauh, walaupun terpaksa korban wang kerajaan, wang ITM sebanyak 3 kali ganda daripada harga biasa. Mungkin hujahnya mengatakan bahawa itu kerana fakulti kejuruteraan akan dibuat di situ. Pihak yang membuat kajian walau fakulti apa pun, ia tidak boleh meningkatkan kos sampai 3 kali ganda. Ini golongan profesional yang telah membuat kajian ini dan mereka hairan kenapa tempat itu dipilih, sedangkan piling dibuat sudah 25 meter cerucuk masuk ke dalam, belum lagi dijumpa dasar yang keras. Oleh itu mereka anggar RM33 juta hanya untuk piling sahaja dan membuat kerja-kerja foundation, sedangkan kerja piling dan foundation ini, kalau buat di tempat lain sudah boleh buat satu kampus.

Jadi, inikah yang dikatakan kerajaan berjimat cermat sedangkan kelmarin Wakil Libaran bercakap seperti hendak menangis - bagaimana di kawasannya pelajar masih lagi belajar dengan tidak ada buku, tidur di atas lantai, sedangkan di Permatang Pauh pula dibuat kampus yang 3 kali ganda harga semata-mata di atas kehendak Timbalan Perdana Menteri, maka hendak dibuat juga kampus, walaupun di kawasan yang tidak sesuai, walaupun menghabiskan tanah bumiputera yang sedikit, yang sejangkang kera di kawasan Permatang Pauh itu.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin bercakap Butiran 010000 - Pengurusan Korporat, yang belanjanya RM5 juta lebih. Kita ingin bertanya, apa masalahnya sekarang. Universiti Malaya yang menjadi universiti contoh untuk dikorporatkan tidak lagi dikorporatkan sepenuhnya. Apa hujahnya? Adakah masalah gaji? Adakah hujah-hujah dari pentadbir di situ, iaitu Universiti Malaya akan hilang fungsi sebagai universiti yang mengutamakan ilmu dari keuntungan? Apakah ada masalah, iaitu mereka yang menjadi pensyarah dalam bidang kejuruteraan, kedokteran, ekonomi - mereka tidak mahu gaji mereka di selaraskan dengan pensyarah-pensyarah dalam bidang sastera, sejarah dan lain-lain lagi? Apakah wujud masalah-masalah itu yang menyebabkan Universiti Malaya tidak dapat dikorporatkan sepenuhnya lagi, walaupun sepatutnya Universiti Malaya telah pun berjalan dan telah pun dikorporatkan, tetapi sampai sekarang belum lagi dijalankan.

Saya juga ingin menimbulkan masalah Islam dan moral, iaitu RM69 juta peruntukannya. Tidak dapat dinafikan sekarang masalah keruntuhan akhlak terutama sekali dadah yang berjumlah lebih daripada 200,000 hardcore dadah. Timbalan Perdana Menteri juga mengatakan bahawa penyakit AIDS bertambah setiap hari 12 orang, ditambah pula dengan buang anak yang begitu banyak dijumpai termasuk dalam tandas masjid. Maka kebimbangan ibu bapa begitu ketara sekali sekarang untuk membesarkan anak mereka.

Perkara keempat, puncak segala keruntuhan ialah murtad yang sedang melanda umat Islam sekarang, walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak merasa bimbang apa-apa. Tetapi kita merasa cukup bimbang dalam masalah ini. Wakil Rakyat dari Tambun sendiri telah mengemukakan bagaimana 55 orang telah memohon untuk keluar dari agama Islam. Ini satu perkara yang cukup serius, puncak keruntuhan akhlak. Maka timbullah sekarang keinginan ibu bapa untuk menghantar anak

mereka ke sekolah agama. Ini sudah menjadi trend, tidak kira parti, hendak hantar ke sekolah agama. Kami menghadapi masalah, misalnya sekolah Ma'had Muhammadi di Kelantan, setiap tahun sampai berbelas ribu pelajar yang memohon untuk masuk ke sekolah agama dan juga masuk semula ke sekolah-sekolah pondok. Kita mahu atau tidak mahu, larang atau tidak larang, tetapi ini trend ibu bapa sekarang kerana kebimbangan mereka. Ini masalah yang berlaku dalam Malaysia sekarang.

Oleh itu, pihak kementerian hendaklah secara serius memberi bantuan ke sekolah-sekolah, walaupun sekolah pondok, walaupun sekolah agama rakyat, kerana trend sekarang ini, orang hendak hantar anak ke sekolah itu. Masalahnya sekarang ini, kita lihat sekolah-sekolah yang dikatakan sekolah bistari dan sebagainya, buat masa sekarang ialah ada dalam bandar-bandar, tetapi keinginan masyarakat sekarang ialah untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama. Sekolah agama pula, kita tahu berlaku kebakaran di sana dan di sini kerana mereka itu hidup dengan penuh sesak, masih lagi lampu minyak gas dan sebagainya.

Sepatutnya kita bercakap dari dahulu lagi, pihak kerajaan memberi peruntukan mengikut kepala budak itu. Di mana dia bersekolah, bantuan ikut kepala itu, bukan ikut jenis sekolah, tetapi ikut di mana budak itu sekolah. Kalau dia masuk sekolah agama rakyat pun, bantuan perkapita untuk penuntut sekolah itu diberi kepada murid itu sebab mereka adalah rakyat Malaysia dan kita harap perkara ini difikirkan secara serius sekarang, kerana kalau sekolah-sekolah agama ini tidak diberi bantuan, diketepikan, sedangkan masyarakat menuju ke arah itu, maka anak-anak bumiputera akan ketinggalan jauh pada masa yang akan datang. Kalau hendak dinasihatkan mereka supaya mengadakan mata pelajaran sains, ilmu hisab dan lain-lain lagi, itu boleh, supaya bila mereka keluar nanti, mereka juga mahir dalam bidang-bidang yang lain.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya baru terima E-Mail minggu lepas daripada London. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan siasatlah, iaitu ada pelajar kita yang telah berbogel di majalah-majalah di United Kingdom. Walaupun E-Mail itu secara umum, kita harap pihak kementerian siasat, adakah dia pelajar tajaan kerajaankah, MARA kah atau persendiriankah? Sebab orang yang membuat E-Mail ini dia kata dia bertanggungjawab untuk memberi nama dan sebagainya, jadi, kita tidak mahu sebut nama, nanti terjejas kaum keluarga mereka. Kita harap Kementerian Pendidikan siasat. Jadi, kita harap sungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, begitulah juga hal pelajaran - minat. Sekarang ini kita lihat dalam kita hendak memperkayakan bahasa, kita kena tonjolkan orang-orang bahasa, orang-orang yang hebat dalam bahasa, sastera dan budayawan - muncul. Tetapi sekarang ini pandangan orang-orang seperti profesor-profesor- Profesor Shahnnon, Profesor Zainal Abidin Wahid dan profesor-profesor yang lain yang terlibat dalam bahasa, seni, kebudayaan, kadangkalanya mereka tidak dipanggil untuk memberi sesuatu pandangan terhadap kemajuan bahasa di Malaysia, sekarang dan akan datang. Bahkan sekarang ini kita lihat bila tokoh seni hendak dipilih di Selangor, tiba-tiba dipilih seorang penyanyi, sehingga profesor lain terkejut - apakah ini yang dipanggil tokoh seni? Sedangkan tokoh seni sepatutnya mesti dibincang oleh para ahli sasterawan, ahli budayawan untuk pilih siapa tokoh seni, maka itu penonjolan dan pihak Kementerian Pendidikan hendaklah mengambil berat perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Gulung. Timbalan Menteri Pendidikan ini baiklah, walaupun Jelebu kata tadi banyak lulus untuk kawasan Jempol, tetapi kena ingatlah, Timbalan Menteri Pendidikan ini pun kalah Ketua Bahagian, jadi, berilah dia peluang untuk meluluskan banyak sedikit di kawasan Jempol ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yan.

4.00 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Tuan Yang di-Pertua, fasal sekolah, fasal Kementerian Pendidikan ini memang banyak hendak bercakap dan saya ucap tahniah dan syabas kepada menteri dan juga timbalan-timbalan menteri serta pegawai-pegawai yang bertungkus-lumus mempertingkatkan prestasi pendidikan di negara kita ini, walaupun banyak perlu diperbaiki.

Tuan Pengerusi, maklumlah kerana kita mengikut peredaran masa, budak-budak makin banyak dan kita hendak bentuk mereka menjadi anak bangsa kita yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya sebagai wakil rakyat sebelah kampung, saya hendak bercakap fasal kampung jugalah. Libaran biasa bercakap, sungguhpun muka dia macam muka orang Itali, tetapi dia dari Libaran - kampung, Tuan Pengerusi, kalau tengok muka dia macam Italiano! [Ketawa] Tetapi dia pun menghadapi masalah, di Yan pun

macam itu juga, ada sekolah tetapi tak ada padang bola, budak-budak pun dok kacau wakil rakyat. Kita hendak gagau duit tang mana hendak buat padang bola?

Jadi, saya harap kalau boleh pihak pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, yang bekerja di kementerian ini, berhenti sat bantu hak dalam bandar, tolong hak luar bandar dahulu, no? Selesai sat hak luar bandar, hak dalam bandar ini berhenti sat! Macam-macam dah, PIBG depa sekali kutip duit sampai beribu, hak belah kampung ini kalau kena musim mengerat, kena pula padi diserang oleh kutu beruang, padi tak jadi, nak boleh seratus setengah sekali mesyuarat agung PIBG pun tak ada.

Jadi, bila budak-budak hendak mai melawat, kita dok tengok sehari dua ini budak-budak, tadi pun ada, balik dah, Tuan Pengerusi, dok mai melawat Parlimen, yang nak 'cedera' wakil rakyat juga. Duit minum, duit makan dan sebagainya, tetapi kalau PIBG di bandar-bandar ini dia boleh pi sendiri.

Jadi, banyak masalah yang perlu dipikul oleh wakil rakyat, jadi, saya haraplah kadang-kadang peruntukan wakil rakyat sendiri, boleh kita katakan, dekat-dekat RM100,000 kita beri untuk sekolah-sekolah ini. Mana dengan komputer, mana dengan, Allah, macam-macam Tuan Pengerusi, kalau hendak cerita tak cukup, satni Tuan Pengerusi suruh gulung!

Tuan Pengerusi, jadi, satu lagi ini saya hendak minta pegawai kementerian tolong siasat sat di universiti, saya dapat faks daripada Universiti-Ramaya Medical College di Bangalore.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, setakat hari ini sebanyak 85 student kita ditahan tidak diberi result keputusan, fakulti perubatan. Jadi, bila tidak ada keputusan, Tan Sri, mereka tak boleh .....Oh! Dato', [Ketawa] saya tak sedar!

Tuan Pengerusi, jadi, bila keputusan itu tidak ada, mereka tak boleh sit for the next paper, dengan izin.

Jadi, saya berharap, saya difahamkan universiti ini kalau hendak result cepat, dia kena beri 'duit kopi' 'tumbuk rusuk'. Jadi, saya harap kementerian, kalau dah universiti macam ini dok ada, jangan dok hantar lagi student pi universiti di India ini. Hantar pi di tempat lain. Lagi pun fakulti perubatan di India ini pun kita pun tak berapa hendak berani hendak sua badan suruh depa berubat! Seriau juga kan? [Ketawa] Tak berapa confident.

Jadi, la ni 85 student terbengkalai, tidak ada keputusan untuk mereka hendak mengambil peperiksaan seterusnya. Jadi, peperiksaan ini depa hendak ada lebih kurang dalam seminggu dua lagi, jadi, apakah tindakan kementerian untuk hendak speed up benda ini supaya jangan budak-budak kita ini menghadapi masalah dan mengikut surat ini, mereka telah menghantar surat kepada Encik Mohamad Ali bin Jabar, Ketua Pengarah JPA dan juga Assistant High Commissioner kita di Madras untuk mengatasi masalah ini, tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil sehingga hari ini.

Jadi, saya haraplah kalau depa ini tak dapat issue certificate dan juga NOC daripada Kementerian Kesihatan di India, maka depa tak dapat mengambil peperiksaan seterusnya. Dan ini akan merugikan kita, kalau mereka missed satu paper lagi, mereka terpaksa tunggu dan ini adalah satu perkara yang saya kira perlu diambil tindakan serius oleh pihak Kementerian Pendidikan..

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap tentang sekolah menengah berasrama penuh iaitu sekolah agama. Saya berharap pihak kementerian akan dapat mencari peruntukan sewajarnya. Lebih baik kita menghalang daripada kita berubat 'prevention is better than cure', dengan izin. Jadi, la ni kita dok tengok macam-macam kelaku masalah sosial dan sebagainya. Kadang-kadang kalau kita tidak ada sekolah agama berasrama ini pun masalah juga. Kerana kalau kita hendak bentuk anak-anak muda ini, bagi agama. Macam saya dan macam kawan-kawan kita yang lain-lain ini kadang-kadang bila kita ada asas agama, kita takut hendak buat benda yang pelik-pelik! Kita berasa seriau satni mati kena 'ghimbuk' apa semua dibawa di akhirat nanti, jadi, kita takut! [Ketawa]

Tetapi, kalau tak ada hak ini, dia tak kira dah! Dia kira all out. Pi tang mana pun jadi. Jadi, kita dok tengok di laporan televisyen malam-malam ini bila kena, depa dok 'rate' di tempat-tempat karaoke atau 'karao tak oke' semua ini, semua anak-anak muda kita. Anak-anak muda masih lagi student dan sebagainya, akhlak mereka telah rosak.

Jadi, saya hendak mencadangkan kita berhenti sat, teknikkah, apakah, tumpu balik kepada sekolah menengah agama berasrama penuh ataupun sekolah rendah agama ini.

Kita ada teknologi tinggi dan sebagainya, sekolah vokasional yang besar dan sebagainya yang canggih dan sebagainya, tetapi kalau budak-budak yang masuk ke situ, kelaku depa teruk! Orang Kedah kata macam 'jemuan' - teruk! Buat apa kalau kita ada budak-budak yang semacam ini, tak lama

hendak memimpin negara kita? Tidak ada ertinya, kalau ada pegawai-pegawai yang perangai macam itu.

Jadi, saya berharap, kita tumpu sat kepada sekolah menengah berasrama penuh. Macam di kawasan saya, Alhamdulillah, baru dapat satu, insya-Allah, tahun ini buka, itu pun queue, Tuan Pengerusi; hendak masuk ke sekolah itu pukul 4.00 pagi mak pak sudah pergi beratur, hendak queue hendak minta masuk, semua 4A yang hendak masuk ke sana.

Jadi, maknanya saya bersetujulah, kita hak betul kita bersetuju! Tetapi PAS ini tak pernah bersetuju dengan UMNO ini, tak patut! [Ketawa] Hah! Kita bersetuju fasal membetul akhlak ini tanggungjawab kita semua. Jadi, PAS pun hak yang bagus kenalah sokong kan?

Kalau Raja itu duduk elok-elok, hamba jangan dok kacaulah dia! [Ketawa] Dia pun, biar dia dok dalam istana, depa jagalah dia elok-elok, ini pi buang, pi pecat orang, kesihanlah! Kawan pun ada anak isteri yang hendak dibela kan?

Tuan Pengerusi, jadi, pastikan banyak sekolah rendah yang memberi pendidikan agama. Jadi, bila depa ada asas agama ini, agama mana pun, Tuan Pengerusi, dia suruh makhluk itu buat kerja yang baik. Hak agama mana sekalipun.

Jadi, agama Islam sebagai agama rasmi, kita pastikan sekolah-sekolah ini diberi peruntukan yang sewajarnya supaya kita didik mereka dan insya-Allah, ke depan-ke depan ini, mereka akan jadi rakyat yang baik.

Tuan Pengerusi, lagi satu, saya pun tak mahu hendak bercakap panjang! Saya mintalah pihak kementerian dan pegawai-pegawai terutamanya pegawai-pegawai pendidikan negeri, pengarah negeri hormat sedikit surat kalau mai dari menteri. Kalau surat dari menteri kita, kita tak hormat, kita hendak hormat kat siapa? Menteri itu dipilih oleh rakyat untuk menjadi wakil rakyat, kemudian dilantik oleh Perdana Menteri menjadi menteri.

Jadi, kadang-kadang menteri ini bukanlah menteri di Kementerian Pendidikan sahaja, di kementerian mana sekalipun, kita kena hormat juga orang politik. Memang betul orang politik adalah orang yang menggubal dasar dan pegawai kerajaan mengimplementasikan dasar.

Oleh yang demikian, kadang-kadang kalau surat-surat mai daripada wakil-wakil rakyat ini, kalau hendak interview, saya biasa dengar dengan telinga sendiri, fasal depa tak tahu, tak nampak dan tak sedar saya ini wakil rakyat, dia kata: "Mai surat

*pak wakil rakyat pun kita tak hairan!"* Amboi! bunyinya sedap sangat. Dia tak sedar yang dia pi belajar di universiti dulu, kitalah dok keriau dalam Dewan Rakyat ini, tambah biasiswa, penaik biasiswa dan sebagainya. Bila dah pakai tie, saya pun pakai tie, tetapi saya tak buat macam itu. Dah pakai tie, duduk kerusi empuk, elok, kata macam-macam kat orang politik. Jadi, hak ini tak patutlah, no?

Saya terasa fasal juga surat daripada pejabat menteri sendiri dihantar kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kedah untuk satu pertukaran, sampai hari ini pun, dia tak ambil tahu, dia tak ambil berat. Jadi, kalau menteri yang baik macam itu pun, pegawai tak hormat, depa hendak menteri yang macam mana lagi, tak tahulah!

Tuan Pengerusi, Menteri Pendidikan ini cukup baik. Orangnya segak, handsome, lemah lembut, berbudi bahasa. Timbalan Menteri pun tengoklah, rambut beruban elok, segak! *[Ketawa]* Mana hendak cari lagi setara itu, kan?

Jadi, macam itu yang dok ada pun kadang-kadang ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa tetap 10 minit. Nampaknya Yang Berhormat kena gulung.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia samalah dengan Tuan Pengerusi, segak macam itu, sama, kita ini elok belaka! *[Ketawa]* Jadi, saya haraplah pegawai-pegawai kerajaan, kita hormat-menghormati di antara satu sama lain. Kes saya spesifik, kena pada saya sendiri dan kadang-kadang ialah sebagai wakil rakyat, kadang-kadang mereka kata wakil rakyat ini bawa masalah. Memang! Kerja wakil rakyat ini bawa masalah, kalau tidak ada masalah tidak payah ada wakil rakyatlah. Tidak perlulah.

Jadi, orang datang jumpa kita untuk menyelesaikan masalah. Kadang-kadang kita tahu, memang tidak boleh, tidak payah pergilah. 3 atau 4C terus, itu pun hendak minta sekolah asrama penuh. Tidak boleh - kita tidak boleh kata terus kepada dia, kita kena beritahu, tidak apa, kita akan cuba. Kita gagah tulis surat kepada menteri, gagah tulis surat kepada kementerian, kadang-kadang mereka marah, kata, "takkan wakil rakyat tidak faham", bukan kita tidak faham, hak yang di bawah

itu tidak faham. Kita tidak buat, datang pilihan raya, hancur. Puak PAS dengan DAP hendak cari pasal sahaja.

Jadi, yang ini tanggungjawab. Jadi, saya harap pegawai-pegawai kenalah terutama sekali kalau wakil rakyat dari kampung. Macam saya, puak Pokok Sena, macam Libaran, wakil rakyat kampung. Orang kampung, boleh 3A 1B pun, kira top dengan vitamin kurang, naik gerak pergi sekolah, pakai kasut ketat, Allah macam-macam. Itu kira 'the best', makan ikan termenung, bukan ikan tengiri ini, ketam taubatlah hendak dapat, hendak rasa daging, tunggulah orang buat kenduri atau raya. Itu pun dia boleh 3A 1B, itu pun kadang-kadang tidak boleh terima, hendak 4A! Hendak 4A, sekolah kampung.

Jadi, kita pertimbangkan. Hak ini pegawai-pegawai kena timbang. Pegawai pun bukan mai beranak di pekan, ada yang beranak di Ulu Banang pun ada. Tetapi bila duduk di pekan ini, mereka lain. Macam saya ini beranak kampung tetapi saya duduk di sini pun, perangai macam orang kampung juga, Tuan Pengerusi. Macam Tuan Pengerusi, jugalah.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** ..... baik, beri masa orang hendak bercakap, kena halang dan sebagainya....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Suntuk dah, belum duduk lagi. Jadi, saya haraplah, ini bukanlah saya hendak berleter sahaja, hendak penjelasan. Hendak penjelasan ke? Tidak. Saya harap pegawai-pegawai jangan kecil hati, saya ini fesyen itu, kalau tidak elok, saya kena beritahu juga, tetapi hak datang ini bagus-bagus pegawai dia. Ini yang di negeri-negeri, tolonglah. Jadi, saya mintalah, sekolah hendak buka pula, bila ada surat-surat wakil rakyat, rekemen ini, tengok-tengoklah. Kalau tidak boleh pun, jawab dengan elok tidak boleh. Jangan tidak jawab langsung, pasal kita pun bertanggungjawab dengan rakyat. Tuan-tuan ini boleh jadi pegawai kerajaan ini kerana rakyat, bila ada rakyat, ada pegawai kerajaan. Macam juga wakil rakyat, kalau tidak ada rakyat, macam mana hendak ada wakil rakyat. Begitu juga dengan pegawai kerajaan, kalau tidak ada rakyat, macam mana hendak wujud pegawai kerajaan.

Jadi, yang itulah saya harap, minta hak sekolah medical di India ini pun betulkan. Kalau umur 40 tahun, tidak boleh ambil periksa, apa hendak jadi. Kemudian, Tuan Pengerusi, setakat itulah saya ucap terima kasih. Penjelasan ke?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak ada, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

4.12 ptg.

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh tentang P.26 Butiran 01100 Bantuan Modal. Sebenarnya, isu bantuan modal ini memang isu yang lama. Dan di kawasan saya, terdapat beberapa sekolah rendah bantuan modal dan setiap kali memang banyak masalah yang kita hadapi.

Sebenarnya, bantuan modal saya pun tidak faham bagaimana diwujudkan. Dan saya difahamkan kerana tanah sekolah itu dimiliki oleh swasta, maka sekolah itu dianggap sebagai bantuan modal dan kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membina bangunan sekolah dan sebagainya. Tapi saya rasa, di kawasan saya ada beberapa sekolah di mana tanah itu bukan dimiliki oleh perseorangan atau swasta tetapi dimiliki oleh kerajaan dan tanah itu pun lama-lama telah diserahkan kepada kerajaan. Tapi, namun begitu sekolah itu masih dianggap sebagai bantuan modal. Oleh kerana itu saya berharap, kementerian, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil perhatian kepada perkara ini.

Sebenarnya, saya ingin mencadangkan supaya kalau kementerian boleh berunding dengan pihak-pihak sekolah dan jika pihak sekolah rela untuk menyerahkan tanah sekolah itu kepada pihak kerajaan maka saya bercadang kerajaan akan menganggap sekolah itu sebagai sekolah kerajaan bukan sekolah bantuan modal.

Sebenarnya, memang banyak pihak lembaga sekolah telah bersetuju untuk menyerahkan tanah kepada pihak kerajaan. Jadi, saya rasa kalau kita dapat selesai masalah bantuan modal ini, banyak masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis bantuan modal ini dapat kita selesaikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh mengenai B.26 Butiran 100000 mengenai Pengendalian Peperiksaan. Baru-baru ini, kita dapat lihat bahawa seorang murid namanya K. Sarkunan telah

membunuh diri kerana peperiksaan UPSR kurang baik dari sekolah SRJK(T) di Taiping, kalau tidak silap saya. Jadi, masalah ini bukan 'isolated' sebenarnya, dengan izin. Setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, memang ada murid-murid yang kecewa kerana prestasinya kurang baik atau tidak sampai ke tahap yang diharap-harapkan oleh ibu bapa atau pihak sekolah.

Jadi, memang ia merupakan satu masalah yang bertambah serius, dan tekanan kepada murid begitu meningkat maka timbullah masalah seumpama ini. Ini bukan kali pertama murid membunuh diri kerana 'result' tidak baik, memang telah berlaku, yang membunuh diri memang satu ekstrim, yang tidak bunuh diri, yang menangis dan sebagainya, memang begitu ramai kerana keputusan peperiksaan tidak baik.

Saya rasa masalah ini ada dua aspek. Pertama ialah prestasi sekolah dan masih terdapat bahawa ada jurang di antara sekolah di luar bandar dan bandar. Prestasi di dua jenis sekolah ini memang terdapat perbezaan dari segi prestasinya. Biasanya sekolah di luar bandar memang prestasi kurang baik. Jadi, saya berharap Kementerian Pendidikan akan mencari satu penyelesaian, bagaimana dapat meningkatkan lagi tahap prestasi di sekolah-sekolah luar bandar. Dan ini merupakan satu cabaran untuk Kementerian Pendidikan dan saya berharap dengan kerjasama semua pihak dan ini dapat kita kurangkan jurang perbezaan di antara dua jenis sekolah.

Lagi satu ialah tekanan kepada murid-murid. Sekarang ini nampaknya begitu banyak peperiksaan, dan sekarang kementerian baru memperkenalkan satu sistem di mana darjah 3 akan lompat terus ke darjah 5. Ini satu perubahan yang baik, saya memang sokong untuk murid-murid yang bijak, murid-murid yang pandai boleh memendekkan masa dalam sekolah rendah. Tapi, ini juga akan membawa keburukan kepada murid-murid yang prestasi kurang baik dan murid-murid di luar bandar.

Jadi, tekanan kepada murid-murid telah meningkat. Sekarang semua orang cakap, sekarang semua orang sebut berapa 'A', berapa 'A' akan diperolehi. Apabila jumpa kawan, anak UPSR berapa A? Kalau 2A, tidak berani sebut, 6A, sebut 6A. Tapi, ini sudah sampai satu masa, kita kena tengok sistem peperiksaan ini. Sistem peperiksaan ini, kalau utamakan khususnya kepada prestasi daripada peperiksaan, saya rasa ini akan mendatangkan banyak masalah.

Apa salahnya, saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan juga mengambil kira peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak sekolah

tiap-tiap tahun dan ini diambil kira, darjah 1, darjah 2, 3 sampai 6, lepas itu kumpulkan prestasi sepanjang masa di sekolah, bukan sahaja UPSR untuk menguji prestasi seseorang murid.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Telok Kemang.

4.32 ptg.

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit bagi Maksud B.26, Butiran 020200 - Pendidikan Prasekolah. Dalam konteks pembangunan negara kita, penekanan dan pengkhususan haruslah ditumpukan kepada semua bidang terutama sekali semasa kerajaan kita sekarang ini sedang berusaha gigih untuk mempercepatkan pembangunan di luar bandar.

Dalam usaha memajukan perkembangan pendidikan negara, kerajaan perlulah menumpukan lebih perhatian kepada mutu pendidikan di kawasan luar bandar dan ladang-ladang pedalaman yang masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di pusat bandar. Pendidikan prasekolah perlu diberikan perhatian serius di kawasan luar bandar terutama sekali di estet-estet.

Terdapat sebanyak 542 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di seluruh negara dan hampir 65 peratus daripadanya terletak di kawasan perladangan. Daripada jumlah ini, hanya lebih kurang 25 peratus sekolah yang mempunyai kemudahan pendidikan prasekolah. Walaupun begitu cuma 40 peratus daripadanya mempunyai kemudahan asas dan juga guru-guru prasekolah yang terlatih.

Tuan Pengerusi, mengikut laporan kajian Kemas, hanya terdapat 24 tabika yang lengkap dengan segala kemudahan untuk membimbing kanak-kanak di kawasan estet. Ada juga di dapati bahawa lebih kurang 60 peratus daripada kanak-kanak di kawasan estet tidak pernah mengikuti sebarang jenis kelas tabika. Kelas-kelas prasekolah amatlah penting kepada kanak-kanak kita pada masa kini. Ini akan memberikan peluang kepada mereka untuk melengkapkan diri dengan segala persediaan sebelum mereka menjejak kaki di alam persekolahan yang sebenar.

Pendidikan prasekolah juga telah menjadi salah satu elemen yang tidak boleh dipisahkan daripada sistem persekolahan dan sistem pendidikan moden pada zaman ini. Mungkin juga, ketiadaan kemudahan pendidikan prasekolah ini adalah merupakan salah satu daripada faktor utama yang menjejaskan keputusan Penilaian Tahap Satu atau

keputusan UPSR di kalangan murid-murid luar bandar dan sekolah-sekolah estet.

Saya masih teringat lagi bahawa Kementerian Pendidikan telah menyatakan bahawa semua kelas prasekolah yang sedia ada wujud pada masa ini akan dibiayai oleh Kementerian Pendidikan pada masa hadapan dan juga Kementerian Pendidikan akan mendirikan lebih banyak kelas prasekolah di kawasan luar bandar dan ladang.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memulakan dengan segera kelas-kelas prasekolah di semua sekolah luar bandar dan ladang supaya kanak-kanak di situ juga akan menikmati kemudahan peluang pendidikan prasekolah seperti kanak-kanak di bandar. Dengan ini segala lapisan masyarakat akan mempunyai peluang yang sama untuk mendidik anak-anak mereka menerusi kelas-kelas prasekolah anjuran kementerian tanpa mengira tempat tinggal ataupun kedudukan.

Saya juga ingin berucap sedikit mengenai Maksud B.26, Butiran 020300 - Pendidikan Rendah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Jelebu mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Gelendir. Tanah untuk sekolah ini telah pun disediakan di Kampung Air Hitam dan pihak sekolah PIBG tidak mempunyai peruntukan wang yang secukupnya untuk mendirikan satu sekolah di tapak yang tertentu.

Saya harap Kementerian Pendidikan akan meluluskan peruntukan yang sewajarnya secepat mungkin untuk mendirikan satu sekolah di tapak baru ini sebab murid-murid di kawasan itu boleh memberi manfaat yang baik. Lagi satu ialah mengenai ladang-ladang. Bila sesebuah ladang akan diambilalih oleh majikan untuk pembangunan, sekolah-sekolah di kawasan ladang itu tidak diberi tempat untuk sekolah. Saya harap kementerian akan pastikan bahawa satu tapak disediakan untuk sekolah-sekolah tersebut. Saya menghadapi masalah di kawasan saya khususnya mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Batang Benar, Ladang Cairo di Negeri Sembilan dan juga Chin Teck Plantation di Telok Kemang di mana satu kawasan tidak dikhususkan untuk sekolah-sekolah yang berada di situ. Bukan sahaja di situ, saya harap para developer akan memberi satu pampasan untuk mendirikan sekolah-sekolah. Di mana pampasan yang diberikan oleh developer tersebut tidak mencukupi, saya harap Kementerian Pendidikan akan menolong para PIBG atau Lembaga Sekolah untuk mendirikan sekolah-sekolah di kawasan tersebut. Dengan kata-kata ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Sipitang.

#### 4.4.1ptg.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:**  
Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di bawah B.26 Butiran 020200 - Pendidikan Prasekolah.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kerajaan telah pun melaksanakan dan ingin mengembangkan pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah rendah. Tetapi masalahnya kita kurang jelas kedudukan pendidikan prasekolah ini di sekolah-sekolah rendah. Saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri, apakah kedudukan sekarang ini? Apakah dasar kita untuk pendidikan prasekolah ini? Kerana yang saya lihat banyak sekolah terutama sekali sekolah-sekolah luar bandar yang perlukan pendidikan prasekolah ini, kemudahan tidak ada disediakan untuk prasekolah ini.

Kemudian pula, program-program prasekolah ini bertindih dengan program prasekolah yang dianjurkan oleh Kemas misalnya, kemudian Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Agama Islam Negeri baik yang dianjurkan oleh ABIM, Taski dan kemudian oleh beberapa pendidikan prasekolah ataupun Tabika, Tadika oleh swasta ini, berbagai-bagai.

Kemudian ditambah dengan masalah bahawa sukatan pendidikan tidak sama. Kita begitu hairan bagaimana satu sistem pendidikan di negara kita - sistem prasekolah, syllabus atau pun sukatan pendidikan begitu berlainan, ada yang baik, ada yang teruk sekali. Jadi, ini akan menghasilkan murid-murid bila masuk ke darjah satu akan menghasilkan berbagai-bagai jenis murid. Ada yang moralnya tinggi, ada yang sederhana dan ada juga yang tidak berubah dari segi keupayaannya.

Jadi, inilah kita minta kementerian untuk membuat penyelesaian perkara ini, iaitu kemudahan-kemudahan mestilah diadakan kalau kita ingin melaksanakan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar di mana tidak ada prasekolah yang dianjurkan oleh swasta, Kemas atau Jabatan Agama Islam. Ini wajib kita adakan untuk mengimbangi mereka yang tidak dapat pendidikan prasekolah ini.

Yang kedua, perlulah dibuat pembahagian, jikalau di kawasan-kawasan itu sudah ada Kemas ataupun Jabatan Perpaduan Negara mestilah dibahagi-bahagikan. Kita tidak mahu tertumpu di satu kawasan sahaja, mesti diagihkan sama rata kepada kampung-kampung.

Ketiga, mestilah juga pendidikan ini diseratakan sekurang-kurangnya perkara dasar, perkara-perkara pokok supaya murid yang dihasilkan itu nanti mempunyai cara pemikiran yang lebih kurang sama dari segi keperluan negara dan juga sekolah rendah dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin bincangkan ialah di bawah P.26, Butiran 035000 - Ubahsuai atau Naik Taraf: Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, kemudian ingin menyebut juga tentang keperluan Asrama Desa.

Saya mencadangkan kalau kita boleh tengok, boleh ubah sedikit, jadi ini mengurangkan tekanan kepada murid-murid, sebab kadangkala murid yang pandai pada masa memasuki bilik peperiksaan, performancinya lain, tidak semestinya dia mendapat gred A - tidak semestinya, kerana tekanan (pressure), tidak cukup tidur dan sebagainya. Jadi, pada masa peperiksaan mungkin performancinya kurang baik.

Oleh itu, saya berharap kerajaan boleh mengkaji semula mengenai sistem peperiksaan yang ada sekarang supaya dapat mengatasi masalah murid-murid yang memperolehi keputusan yang kurang baik dan mengambil satu langkah yang ekstrim iaitu 'menumpukan diri'. Jadi, itulah salah satu daripada masalahnya dan saya harap kementerian akan mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Saya juga ingin membangkitkan masalah mengenai SRJK(T) di kawasan saya iaitu SRJK(T) Ladang Padang Benang dan juga SRJK(T) Ladang Kairo. Kedua-dua sekolah ini letaknya di dalam estet. Baru-baru ini pihak sekolah telah mendapat notis daripada pengurusan estet, bahawa estet itu akan dimajukan dan dua buah sekolah ini terpaksa ditutup. Jadi, itu adalah salah satu masalah yang perlu kita lihat.

Saya tidak menghalang pembangunan, tetapi untuk mengambil balik tanah itu bagi mewujudkan taman perumahan perlu kita lihat dari segi bagaimana masa depan dua buah sekolah ini, bagaimana pendidikan murid-muridnya? Sekolah ini memang kena tutup apabila tanah diambil alih untuk dibangunkan. Tetapi bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini, di mana sekolah hendak didirikan dan di mana murid yang akan dipindahkan dan sebagainya? Sama ada kementerian akan membuat satu kajian yang menyeluruh ke atas beberapa buah sekolah yang terlibat, akan terlibat atau sedang terlibat dan apakah caranya untuk menyelesaikan?

Saya juga minta Kementerian Pendidikan supaya berbincang balik dengan pemaju supaya apabila tanah itu ditukar syarat untuk dimajukan sebagai taman perumahan, sekeping tanah mesti dirizabkan untuk sekolah berkenaan. Misal kata SRJK(T) terkena, mestilah rizabkan sekeping tanah yang luas untuk membina sebuah SRJK(T) sebagai gantian. Jadi, itulah satu cadangan yang ingin saya majukan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan dapat mencari jalan bagaimana caranya untuk menyelesaikannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Saya juga ingin menyentuh Maksud B.27, Butiran 020100 - Pembangunan Perpustakaan. Saya rasa rakyat Malaysia dari segi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa tidak mengizinkan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Okay, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa Yang Berhormat sudah suntuk. Baram.

4.25 ptg.

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membahas Maksud Bekalan B.26, Butiran 00200, 00800, 00900 dan 040400 secara serentak.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha Kementerian Pendidikan yang mempunyai pandangan jauh dalam kemajuan pendidikan di negara ini. Peruntukan tahun hadapan yang berjumlah RM12 bilion itu adalah satu langkah untuk melaksanakan program yang telah dirancang untuk mencapai sasaran yang tertentu dalam usaha kementerian ini untuk membangun dan mempertingkatkan lagi mutu dan sistem pendidikan di negara kita ini.

Saya ingin sentuh beberapa perkara yang seperti berikut:

Pertama, dari segi kelemahan dalam usaha untuk membina bangunan sekolah, menyediakan kemudahan dan kelengkapan di sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, jika kita lihat pencapaian dan prestasi dari segi pembinaan bangunan dalam Butiran

ini seperti bangunan sekolah, asrama, rumah-rumah guru dan kemudahan yang lain, kita sedar bahawa banyak bangunan yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun lepas tidak dicapai atas sebab-sebab yang tertentu. Dari maklumat yang saya dapati, salah satu dari punca kelambatan (delay), dengan izin, pembinaan projek-projek sekolah ini ialah kerana ketidakadaan tapak tanah untuk bangunan tersebut, dan kelambatan dari segi pengambilan tanah. Walaupun peruntukan bagi projek itu telah sedia ada dan sebahagian punca kelambatan ini juga datangnya daripada kelemahan dan ketidakmampuan kontraktor yang menjalankan pembinaan tersebut. Kadangkala kita melihat projek ini dibiarkan begitu sahaja dan ini menjejaskan kemajuan projek tersebut.

Oleh yang demikian, saya bercadang supaya prosedur tender yang selalunya memberi tawaran kepada kontraktor yang memberi sebut harga yang paling rendah tanpa mengambil kira anggaran yang telah ditetapkan oleh konsultan projek itu dikaji semula untuk mengelak kelambatan pembinaan bangunan sekolah-sekolah di seluruh negara. Pembaikan dalam prosedur tender sebegini akan mempercepatkan lagi pembinaan bangunan dan kemudahan di sekolah kita.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin sentuh sedikit ialah kemudahan dan kelengkapan di sekolah luar bandar, khususnya di kawasan saya di Baram di mana kita mempunyai 67 buah sekolah rendah dan 6 buah sekolah menengah. Setelah saya melawat banyak sekolah ini, saya melihat kebanyakan kemudahan di sekolah rendah di Baram adalah tidak memuaskan, seperti kekurangan rumah-rumah guru, asrama untuk murid-murid yang datang jauh dari sekolah tersebut serta kemudahan tandas dan bilik mandi untuk murid-murid yang tinggal di asrama tersebut. Ada juga sekolah yang tidak mempunyai kemudahan sukan khususnya seperti padang bola sepak, sekolah yang tidak mempunyai padang bola jaring, gelanggang badminton dan lain-lainnya.

Baru-baru ini juga saya melihat banyak juga sekolah yang langsung tidak mempunyai penjaan elektrik, jika ada pun jana itu tidak cukup besar untuk kegunaan sekolah tersebut. Masalah bekalan air juga dihadapi oleh beberapa buah sekolah di Bakun, di Kuala Baram dan banyak lagi sekolah yang langsung tidak ada kemudahan pelajaran dalam bidang komputer. Oleh yang demikian, saya bercadang agar kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap masalah-masalah yang

saya sentuh itu supaya memberi kemudahan yang lebih baik untuk kebajikan murid-murid sekolah dan guru-guru di kawasan tersebut.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mendirikan 6 buah sekolah menengah kepada penduduk di Baram iaitu SMK Marudi, Telang Usan, Bakong, Long Panai, Long San dan Bario. Walaupun kita mempunyai 6 buah sekolah menengah tersebut, oleh kerana perubahan dan pembangunan pesat yang ada di kawasan Tinja setakat ini saya meminta kerajaan supaya merancang dan menubuhkan sebuah lagi sekolah menengah yang berpusat di Long Lapur di Tinja. SMK yang seperti ini akan memberi kemudahan sekolah bagi penduduk-penduduk di kawasan Tinja di mana bilangan pekerja-pekerja di ladang kelapa sawit di kawasan tersebut semakin bertambah. Jadi, dengan ucapan yang demikian, saya mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Pada masa ini, perkara ini sering kita cakapkan dan kawan-kawan tadi pun banyak memperkatakan mengenai dengan keadaan sekolah di luar bandar begitu menyedihkan. Di kawasan Parlimen saya, saya boleh tunjukkan beberapa sekolah yang masih lagi "satu kelas tiga bilik darjah" dan baru-baru ini pun PIBG yang memohon kepada Ahli Parlimen dan saya sendiri meminta peruntukan untuk membuat partition - kelas itu sudah ada dibuat partition pula untuk membolehkan budak-budak ini belajar.

Jadi, saya tidak payah ceritalah di sini. Keadaan ini begitu menyedihkan dan ini saya ingat memang dikenal pasti oleh pegawai-pegawai pendidikan daerah dan negeri dan memang arif tentang perkara ini. Tetapi, apakah kita terus menerus membiarkan perkara ini berlaku? Apakah kita melihat bahawa ianya berlalu begitu sahaja tanpa ada tindakan yang konkrit?

Memang kalau kita lihat terdapat kesilapan di dalam beberapa pihak. Misalnya kalau dilihat, memang peruntukan daripada jabatan atau kerajaan memang mencukupi, tetapi apabila sampai ke peringkat bawah, bangunan-bangunan ini dibina dengan begitu daif sekali. Kualitinya rendah, dari segi penyeliaan tidak ada dan kadang-kadang kita melihat seolah-olah Jabatan Pendidikan ini tidak pernah melihat bangunan yang cantik ataupun yang baik. Jadi, inilah masalahnya, Tuan Pengerusi.

Apabila ada kerosakan pula, kerosakan itu seolah-olah tidak pernah diendahkan dan tidak pernah dilihat. Kita faham dengan peruntukan, tetapi yang saya tahu peruntukan setiap negeri mencukupi. Duit mencukupi untuk membuat bangunan baru dan

untuk pembaikan, tetapi ada satu ketika duit ini dipulangkan semula kepada Kerajaan Persekutuan. Misalnya negeri Sabah, saya ingat kalau tidak salah saya, RM90 juta dipulangkan semula kerana duit ini tidak dibelanjakan, sedangkan duit ini kita perlukan.

Apabila kita bertanya apakah sebabnya? Sebabnya ialah, dikatakan bahawa penyelarasan lambat, JKR lambat, kontraktor kurang berwibawa dan lain-lain alasan untuk menyelamatkan keadaan. Jadi saya rasa, kalau masalah ini sudah ada, kita kena cari penyelesaian kerana duit kita ada. Jadi, kita mesti mempertingkatkan koordinasi di peringkat jabatan ini dan kalau boleh, saya ingat biarlah Jabatan Pendidikan ini ada Pengarah Pembangunan Bahagian Kejuruteraan sendiri. Kalau JKR tidak boleh tolong dan lambat, kita mintalah Jabatan Pembangunan atau Kementerian Pendidikan menubuhkan Unit Pembangunan yang membuat sendiri dan mengatur pembangunan, pembaikan dan sebagainya. Tidak payah melibatkan JKR dan sebagainya. Jadi, inilah kita ingin selesaikan. Kita mahu masalah ini selesai. Itu sahaja yang kita minta kerana masalah ini berlarutan sekian lama.

Tuan Pengerusi, perkara ketiga ialah mengenai dengan guru-guru. Masalah guru-guru, terutama di luar bandar. Tidak payah disebutkanlah, kekurangan guru-guru ini sering kita dengar. Kemudian, guru-guru yang ditempatkan di luar bandar terutama sekali, kurang berpengalaman. Kerana apa? Kerana selalunya guru-guru yang ditempatkan di luar bandar ini, kebanyakannya adalah mereka yang baru keluar dari maktab.

Kerana apa mereka ditempatkan di luar bandar? Kerana mereka ini senang - yang pertama mereka ini bujang, tidak ada tanggungan dan yang kedua mereka ini belum pandai membantah dan meminta itu dan ini. Tetapi apabila mereka sudah berpengalaman, semakin lama mereka ini akan berkahwin dan apabila mereka berkahwin selalunya mereka berkahwin bukan sesama guru juga, ada yang berkahwin dengan kerani dan ada yang dikahwini oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, terutama sekali yang wanitalah.

Apabila sudah berkahwin dengan - kalau wakil rakyat senang sedikitlah! [Ketawa] [Disampuk] Tetapi apabila wanita-wanita ini sudah berkahwin, selalunya guru-guru ini pupolar di kalangan kakitangan kanan kerajaan, kadang-kadang dia memilih guru sebagai calon isteri. Apabila dia dipilih oleh pegawai kanan kerajaan, selalunya dia tidak akan ditempatkan lagi di luar bandar kerana

mengikuti suami. Apabila suami pegawai tinggi kerajaan, memang tidak ada jawatan di luar bandar dan tentunya akan mengikuti suami.

Kebanyakan mereka ini memang orang yang telah lama bertugas dan berpengalaman, memang tidak ada peluang untuk dihantar semula ke luar bandar. Jadi, akan terjadilah pusingan, yang baru akan ke luar bandar dan yang lama akan ke bandar. Jadi, inilah tendency. Jadi, kalau begitu, sedangkan penuntut-penuntut luar bandar inilah yang perlu kita didik, yang ketinggalan, yang perlu bimbingan dan yang perlukan guru-guru berpengalaman.

Jadi, kalau misalnya guru-guru yang tidak berpengalaman ini ditempatkan juga di tempat-tempat yang daif ini, tentu sekalilah hasilnya juga akan lebih kurang sama sahaja sekian lama. Jadi, sekolah-sekolah di bandar sudahlah kemudahannya baik, gurunya semakin berpengalaman dan infrastrukturnya yang semakin baik, tentulah di bandar itu akan sentiasa bertambah baik.

Dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi, PIBGnya pun banyak duit. Baru-baru ini ada satu pesta di sekolah di mana semua anak-anak korporat belajar di satu sekolah itu. Kalau di Sabah, di Seri Gaya, semua anak-anak yang baik-baik di situ, tentulah kemudahannya semakin baik. Tetapi yang di luar bandar akan terus mundur. Mutu dan juga keadaannya semakin daif. Jadi, inilah yang kita perlu perhatikan. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Yan tadi bahawa perhatian mestilah ditumpukan.

Kemudian guru-guru ini pula apabila ditempatkan di luar bandar mereka merungut kerana keadaan perumahan guru yang begitu daif dan tidak menarik langsung, ada tandas yang teruk. Saya pernah menumpang di rumah guru-guru ini, tandasnya yang sebegitu dan biliknya yang sebegitu. Jadi, kalau bolehlah, kementerian melihat perkara ini secara dekat dan kita memang mengalu-alukan program perumahan guru-guru ini dilaksanakan. Kita sokong penuh dan tahniah kepada kementerian dan kepada menteri dan timbalan menterinya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Gulung, Tuan Pengerusi? Jadi, kalau bolehlah, guru-guru ini diletakkan di satu kompleks, misalnya satu daerah di satu kawasan perumahan guru yang standard. Mereka boleh mengajar di mana-mana sekolah mengikut keperluan. Jadi, mereka ditempatkan di satu tempat dengan rumah yang selesa di dalam kumpulan guru-guru dan mereka pergi ke sekolah-sekolah dengan kereta mereka sendiri dan bolehlah

dirotate atau dipusing. Mereka tidak payah tinggal di situ kerana keadaan itu memang susah. Bekalan airnya susah dan bekalan elektriknya susah. Kalau mereka tinggal di satu tempat, mereka boleh datang ke situ dengan kenderaan sendiri ataupun kenderaan awam atau dengan motor dan sebagainya, mereka boleh mengajar.

Mereka yang ditempatkan di sesuatu tempat itu janganlah terlalu lama. Ada setengah guru sampai 15 tahun di situ juga tanpa ditukar-tukar! Jadi ia sudah menjadi satu rutin, dia tidak mahu bekerja. Jadi, kita rotate mereka. Tidak payah menggunakan duit untuk membayar elaun perpindahan kerana mereka cuma berpindah tempat mengajar, tetapi tempat tinggalnya sama.

Jadi kalau boleh, inilah yang kita minta dari kementerian. Tetapi kalau mereka bertukar di antara daerah, bolehlah diberi elaun perpindahan. Tetapi kalau dalam daerah, mereka boleh mengajar di mana-mana sekolah di daerah itu kerana sekarang ini infrastruktur semakin baik dan mereka boleh.

Satu lagi Tuan Pengerusi, asrama desa. Kalau bolehlah asrama desa ini kita perbanyakkanlah dan kedudukan asrama desa ini memang diperlukan, terutama sekali di Sabah kerana kawasan kampung ini jauh. Ada satu kampung itu, untuk ke sekolah mereka berjalan lebih kurang lima atau enam batu. Jadi, murid-murid ini duduk di asrama dan asrama desa ini memang perlu kita buat dan perlu kita baiki.

Sekarang ini, kalau dilihat satu asrama desa di sebuah sekolah di Kampung Meligan, Sipitang, di kawasan Parlimen saya, saya ingat yang layak tinggal di situ anjing sahaja, Tuan Pengerusi, manusia memang tidak sesuai. Jadi, kita mintalah supaya ini diperbaiki dan dikemas kini.

Jadi, saya menyokong pendapat Yang Berhormat dari Libaran itu. Memang betul keadaan yang diceritakan oleh beliau. Jadi, kita mintalah kementerian, terutama sekali di pedalaman Sabah dan mungkin juga di negeri lain, Kelantan, Terengganu, Pahang dan sebagainya, keadaannya juga lebih kurang sama. Saya pun masuk juga ke kampung-kampung ini.

Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sungai Petani.

4.49 ptg.

**Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membentangkan beberapa isu yang berkaitan dengan Butiran 020700, muka surat 219.

Pertama, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan Suruhanjaya Pendidikan Guru.

Saya ingin minta kementerian jelaskan apakah pendirian kementerian berkaitan dengan permohonan 280 orang guru yang memohon untuk diwujudkan sebuah Suruhanjaya Pendidikan Guru yang sama sekali bebas daripada kongkongan dan belengguan daripada JPA dan suruhanjaya ini adalah suruhanjaya yang sememangnya menjadi tempat rujukan, tempat di mana kaum guru yang jumlahnya lebih kurang 280,000 di seluruh negara mengadu masalah, tempat rujukan guru-guru, tempat mengemukakan masalah bukan sahaja seperti Suruhanjaya Pendidikan yang ada sekarang yang tugasnya hanya untuk mengesahkan perlantikan dan pengesahan.

Jadi, kita mahu suruhanjaya ini sebenarnya adalah suruhanjaya di mana tempat guru-guru dapat berlindung sebagai payung kepada guru-guru dan sekali gus dapat mempertingkatkan imej dan mengangkat martabat kaum guru sendiri. Jadi, kita minta supaya Kementerian Pendidikan dapat membuat satu pendirian apakah pihak Kementerian Pendidikan bersetuju dan ingin supaya Suruhanjaya Pendidikan ini dibentuk dan kalau ingin ditubuhkan, bilakah agaknya akan ditubuhkan Suruhanjaya Pendidikan ini?

Ini berkait dengan masalah kaum guru, masalah guru-guru itu adalah masalah yang berentetan daripada satu masa ke satu masa dan masalah kaum guru ini adalah masalah yang ever-green, satu isu yang sering diperkatakan, yang tidak putus-putus kerana ia melibatkan 280,000 kakitangan pendidik yang melibatkan generasi masa depan yang tugas sebenarnya adalah mendidik anak-anak kita yang bakal memimpin generasi masa depan negara.

Di samping itu, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian tentang laporan Jawatankuasa Khas mengenai profesion perguruan yang telah ditubuhkan dahulu. Jawatankuasa ini sebenarnya ditubuhkan hasil daripada teriakan, keluhan dan rintihan kaum guru dalam beberapa kali persidangan, beberapa kali seminar hasil daripada konvensyen dan sebagainya untuk mengkaji secara keseluruhannya masalah-masalah perguruan di negara ini sebab kita tahu masalah perguruan semakin hari semakin mendesak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri minggu lepas.

Kadar perletakan jawatan guru-guru semakin bertambah. Dalam tahun 1993 misalnya, 345 orang guru telah meletakkan jawatan. Dalam tahun

1994 misalnya, 588 orang guru telah meletakkan jawatan. Dalam tahun 1995 misalnya, 829 orang guru telah pun meletakkan jawatan dan saya rasa kalaulah kementerian melonggarkan syarat-syarat ini seperti yang telah lepas, lebih ramai lagi guru-guru akan meletakkan jawatan. Guru-guru meletakkan jawatan kerana mereka merasakan nasib mereka kurang terbela. Kedudukan mereka kurang diberi perhatian dan masalah-masalah mereka tidak mendapat perhatian yang sebenarnya daripada pihak atasan dan pihak kementerian sendiri.

Dan sebab itulah kalau boleh kita hendak dengar bilakah jawatankuasa ini akan mengemukakan keputusannya dan kita mahu supaya keputusan ini, laporan ini didedahkan, bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi didedahkan kepada masyarakat supaya kita hendak tahu apa sebenarnya masalah guru itu sendiri.

Kita bercakap tentang pendidikan yang bertaraf dunia, kita bercakap tentang pendidikan generasi pada masa hadapan tetapi masalah-masalah yang sebenarnya ialah masalah-masalah di sekeliling kita belum kita selesaikan. Masalah-masalah suasana persekitaran guru-guru misalnya, guru-guru besar, pengetua-pengetua sekolah masih bertugas dalam stor-stor yang mungkin tidak ada kipas, tidak ada alat penghawa dingin, tidak ada kelengkapan yang sebenarnya. Sekolah-sekolah tidak ada faks, tidak ada mesin-mesin taip yang selesa, tidak dilengkapi dengan kerani dan sebagainya. Bilik-bilik guru tidak ada alat penghawa dingin, tempat guru bertugas, tempat guru merancang, tempat guru memeriksa hasil-hasil kerja murid-murid dan sebagainya dan ada kalanya kalau kita pergi ke sekolah, kerusi-kerusi yang cikgu-cikgu duduk, yang cikgu-cikgu mengajar anak-anak kita itu sebenarnya kerusi yang telah digunakan sejak sebelum perang hinggalah ke saat ini. Jadi, inilah cikgu-cikgu yang kita harapkan dapat mengajar anak-anak kita. Saya rasa kita perlu melakukan sesuatu.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Pendidikan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah, Program 020300 dan 020400. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan tentang kedudukan sekolah-sekolah menengah agama rakyat yang berselerak di negara kita.

Saya ingin tahu pendirian kementerian tentang kedudukan sekolah-sekolah agama rakyat ini. Adakah kementerian berhasrat untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat ini ataupun kementerian hanya akan terus memberikan bantuan modal kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini?

Pada hari ini masyarakat kita terutama orang-orang Islam berpusu-pusu menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah agama. Apabila sekolah-sekolah agama kerajaan tidak cukup tempat untuk anak-anak ini, kita dapati ibu bapa tidak ragu-ragu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama rakyat. Maka, apabila berlaku sesuatu malapetaka, bencana seperti kebakaran dan sebagainya, maka pelbagai masalah dan implikasinya akan timbul. Sebab itulah kita minta supaya kementerian berfikir membuat satu perancangan terhadap sekolah-sekolah agama rakyat ini dan sebelum proses pengambil-alihan ini berlaku, saya minta kementerian memikirkan supaya sekolah-sekolah agama rakyat ini dikekalkan identiti asalnya kerana sebenarnya terdapat perbezaan yang ketara, perbezaan yang jelas antara kedudukan identiti sekolah-sekolah agama rakyat dengan identiti sekolah-sekolah agama kerajaan.

Yang jelasnya antaranya, satu, ialah mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama rakyat, 13 mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama rakyat semuanya diajar dalam bahasa Arab, seperti Ilmu Feqah, Usuluddin, Tauhid dan sebagainya. Mata pelajaran akademik, Sains, Geografi dan sebagainya di sekolah-sekolah agama rakyat ini diajar di sebelah petang.

Berbeza dengan sekolah agama kerajaan, misalnya sekolah agama kerajaan yang berasrama penuh, mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Arab cuma satu. Ertinya cuma mata pelajaran bahasa Arab sahaja. Kemudian, yang lainnya ialah mata pelajaran akademik, diajar dalam bahasa Malaysia. Dan itulah, kita minta supaya kementerian membuat kajian yang teliti supaya dapat mengekalkan identiti dan peranan sekolah agama rakyat ini agar fungsi asasinya dapat dikekalkan terutama dalam proses untuk melahirkan ulama-ulama tradisi kita di samping melahirkan ulama-ulama intelektual dalam usaha kita untuk menangani cabaran-cabaran di abad ke-21 nanti.

Kemudian, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan hal ini ialah tentang masalah-masalah prasarana di sekolah-sekolah. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri dikatakan kononnya bahawa di sekolah-sekolah kita, lebih kurang 2,000 sekolah-sekolah kita masih kekurangan - tidak ada bekalan elektrik. Jika ini adalah satu kenyataan yang benar, satu kenyataan yang sah, maka ini adalah suatu yang amat malang dan kita minta supaya perkara-perkara ini diselesaikan oleh pihak kementerian dan saya percaya banyak lagi sekolah-sekolah kita yang

menghadapi kekurangan prasarana ini, bukan sahaja di luar bandar tetapi di bandar-bandar terutama di bandar-bandar yang menghadapi arus pembangunan yang begitu pesat terutama seperti di kawasan saya di Sungai Petani dan bandar-bandar yang seumpamanya misalnya di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh dan sebagainya.

Apa yang berlaku di bandar-bandar yang sedang mengalami arus perdana pembangunan yang amat pesat ini ialah kadar pertambahan rumah, kadar pertambahan penduduk dan sekali gus kadar pertambahan murid-murid dan pelajar adalah tidak seimbang dengan kadar pertambahan bilik-bilik darjah yang dapat disediakan. Jadi, implikasinya ialah sekolah-sekolah menjadi sesak. Murid-murid dalam bilik darjah meningkat sehingga 50 dan 55. Kita nampak kesesakan dalam bilik-bilik darjah. Bilik darjah bertukar menjadi tempat yang paling sesak macam market. Jadi, tak hairan dalam satu kelas, dalam sekolah rendah misalnya meningkat sampai ke angka 1,800 orang dalam sebuah sekolah rendah, dan sekolah menengah bilangan murid-murid meningkat ke angka 2,800 orang dalam sebuah sekolah.

Tuan Pengerusi, bayangkanlah bagaimanakah seorang pengetua dengan 100 orang guru dapat mengawal pembelajaran murid-murid, disiplinnya, sahsiahnya, proses pendidikannya, proses pembelajarannya jika murid-murid dalam sebuah sekolah menjadi 2,800 orang, dan dalam sebuah sekolah rendah 1,800 orang ataupun 2,000 orang. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan - bersyarah pula! [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kita berada di dalam Dewan. [Ketawa]

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Pengerusi, untuk mengatasi ini, saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya mencadangkan pemaju-pemaju perumahan, mewajibkan pemaju-pemaju perumahan supaya membina sekolah-sekolah yang kadar murid-muridnya dapat mengisi antara tiap-tiap satu sekolah 800 hingga 1,200 orang. Mewajibkan pemaju-pemaju perumahan ini membina sebuah sekolah di tiap-tiap kawasan perumahan antara 800 hingga 1,200 orang sekolah-sekolah yang lengkap. Ini bukan sahaja dapat membantu pihak kementerian mengatasi masalah kekurangan bilik darjah, tetapi sekali gus dapat memberi peluang yang lebih kepada guru-guru kita untuk kenaikan pangkat. Cikgu-cikgu dapat naik pangkat.

Ertinya di sekolah-sekolah di mana di bandar-bandar yang pembangunannya sangat pesat, di Johor Bahru, di Ipoh, di Kuala Lumpur dan sebagainya, masalah-masalah kekurangan bilik-bilik darjah ini dapat diatasi, pening kepala pihak kementerian, Menteri dan Timbalan Menteri dapat dikurangkan dan sekali gus guru-guru kita dapat menikmati peluang kenaikan pangkat dan sekali gus juga masalah wakil rakyat dapat diatasi dan kita dapat memuaskan hati ibu bapa dan sekali gus keprihatinan kerajaan untuk menangani isu-isu pendidikan, masalah pendidikan dapat diatasi. Saya percaya, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Pengerusi, saya percaya saranan ini perlu mendapat perhatian daripada kementerian, kerana jika kita biarkan, ini akan menjadi bebanan yang seharusnya dipikul tahun demi tahun yang akhirnya tertimpa kepada kita kembali. Jadi, sekian sahaja. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Lumut.

5.04 ptg.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbahasan mengenai Butiran 090000 - Pendidikan Islam dan Moral, dan 060000 - Pendidikan Tinggi.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh 8 tahun kebelakangan ini negara telah merekodkan pencapaian ekonomi yang cemerlang. Bersamanya masyarakat berbilang kaum di Malaysia telah dan sedang menikmati kehidupan material yang semakin baik. Kita sebagai rakyat berbangga dengan pencapaian ini. Namun demikian, jika dibuat penilaian secara polistik, kita mendapati kemajuan dalam kehidupan material adalah tidak sejajar dengan kehidupan spiritual. Malah yang lebih membimbangkan terdapat tanda-tanda yang kehidupan spiritual sudah semakin merosot. Soalan saya, di manakah kesilapannya?

Keruntuhan akhlak yang melanda anak muda Melayu, Cina dan India pada masa kini amat menggugatkan masyarakat. Norma kaum mereka yang kaya dengan tatasusila ketimuran yang lembut dan murni telah semakin pudar dalam sanubari anak-anak muda. Malah mereka seolah-olah bebas melakukan apa sahaja tanpa menghiraukan akibat

buruk yang mungkin menimpa. Kes-kes lari dari rumah, melepak dan mengambil bahagian dalam perlumbaan motosikal haram merupakan perbuatan yang lumrah dilakukan.

Sesetengah ibu bapa yang bersikap materialistik telah mengabaikan tanggungjawab mereka. Segala urusan mengasuh dan mendidik anak-anak mereka ternyata yang paling ketara diabaikan ialah pendidikan agama. Sedangkan pendidikan agama adalah tunggak dalam kehidupan seharian. Ramai anak-anak muda rosak kehidupan mereka kerana kehilangan arah hidup lantaran ketiadaan panduan dan pedoman. Sesungguhnya dalam era perubahan yang begitu radikal, anak-anak memerlukan bimbingan dalam menempuh tekanan hidup yang penuh pancaroba. Anak-anak yang tidak mendapat belaian kasih-sayang dan tunjuk ajar ibu bapa tentu sedang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif dan seterusnya akan mengabaikan pelbagai penyakit sosial yang kronik.

Tuan Pengerusi, cadangan untuk membina kekuatan melalui pendidikan agama. Anak muda hari ini ialah penggerak negara pada masa hadapan. Seandainya mereka sudah tidak menganggap betapa pentingnya maruah dan nilai keperibadian diri, ibu bapa, bangsa, agama dan negara, bagaimana pula mereka boleh pada tahun 2020. Alternatif yang kita ada ialah kembali ke pangkal jalan, iaitu kembali kepada agama. Hanya melalui ajaran agama kita mampu menyebarkan keperluan bercorak material dan hidup bercorak spiritual. Kita perlukan generasi yang seimbang dari semua segi. Bukan hanya sekadar pandai dan bijak tentang ilmu dunia sahaja, tetapi apa yang lebih penting ialah ilmu yang boleh membentuk kekuatan dan kemampuan jiwa, iaitu ilmu agama. Inilah ilmu yang perlu diajar kepada anak-anak kita dan ianya perlu diajar secara formal di sekolah mengikut kepercayaan agama tiap-tiap kaum.

Sudah sampai masanya ilmu agama Buddha, Kristian dan Hindu dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah di samping pendidikan Islam. Dengan demikian, anak tiap-tiap kaum di Malaysia dapat dibimbing mengenai agama mereka dengan lebih teratur dan mantap. Melalui ilmu agama yang mantap kita yakin pelbagai gejala yang dihadapi oleh anak muda Malaysia akan dapat diatasi dengan lebih terurus dan sempurna. Justeru itu, akan lahirkan generasi yang ampuh untuk menerajui negara ini pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, berkenaan isu pendidikan moral. Program pendidikan moral yang dilaksanakan di sekolah khususnya untuk pelajar bukan Islam telah sekian lama dikuatkuasakan.

Namun demikian, keberkesannya masih diragui memandangkan semakin meningkatnya masalah disiplin di sekolah. Walaupun langkah-langkah untuk meningkatkan mutu latihan guru dilakukan dari masa ke semasa, tetapi pelajar-pelajar tidak diwajibkan mengambil peperiksaan. Ini menimbulkan tanggapan di kalangan pelajar yang telah diasuh dengan mentaliti peperiksaan bahawa subjek yang tidak melibatkan peperiksaan adalah tidak penting dan boleh dibuat acuh tak acuh sahaja.

Ini membuatkan ramai ibu bapa mempertikaikan keberkesanan subjek sebagai media untuk membentuk anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh berkenaan IPT. Di sini saya mengalu-alukan penubuhan dana pendidikan tinggi dengan amaun sebanyak RM100 juta. Setakat ini terdapat pelbagai versi dana pendidikan yang ingin dibentuk. Saya ingin mencadangkan supaya dana pendidikan yang ingin dibentuk ini mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- (i) terbuka kepada semua kaum;
- (ii) dana ditawarkan di atas dasar pinjaman;
- (iii) bersifat pusing ganti, atau dengan izin, rotationer, yakni lulusan diwajibkan membayar balik pinjaman setelah menamatkan pengajian;
- (iv) dana tersebut dibiayai oleh kerajaan dan pihak swasta;
- (v) dana tersebut diperolehi di IPT tempatan dan kolej berkembar;
- (vi) pelajar dari keluarga miskin dikehendaki membayar balik pinjaman tanpa dikenakan bunga, manakala pelajar dari keluarga berada dikehendaki membayar balik pinjaman dengan kadar bunga yang munasabah;

Garis pemisah pendapatan di antara keluarga miskin dan kaya hendaklah diputuskan oleh kerajaan. Pinjaman dibayar balik melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri melalui kenyataan cukai pendapatan individu. Dengan pembentukan dana pendidikan yang bersifat rakyat, saya yakin kegelisahan golongan berpendapatan rendah akan terjawab dan terbela.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan.

5.13 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin juga telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain; dan itu menunjukkan betapa pentingnya perkara itu dan justeru itu perlu kita titik beratkan.

Tuan Pengerusi, pertama, saya ingin sentuh tentang bangunan sekolah dan rumah guru-guru di luar bandar. Seperti yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ini memang satu perkara yang sangat perlu kita atasi memandangkan kebanyakan daripada rakyat yang memerlukan bantuan kerajaan adalah mereka yang tinggal di luar bandar. Kalau di bandar-bandar mungkin ada pilihan ataupun alternative school, untuk ibu bapat menghantar anak-anak mereka, tetapi di luar-luar bandar tidak ada pilihan langsung dan di situlah kerajaan harus memikirkan keadaan itu dan keperluan untuk menitikberatkan pembangunan prasarana pendidikan di luar bandar, iaitu untuk bangunan sekolah dan juga rumah-rumah guru.

Ini penting, oleh kerana walaupun ada guru yang memang juga tidak cukup, tetapi kalau tidak ada sekolah dan tidak ada rumah-rumah guru ataupun kelengkapan-kelengkapan untuk mereka mengajar, sudah tentu masalah juga akan timbul. Satu perkara yang saya ingin sentuh lagi di sini ialah mengenai peruntukan kewangan bagi bangunan sekolah dan rumah guru-guru di Sabah. Saya menyokong penuh dan memang bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Libaran dan juga Sipitang tentang keadaan sekolah di luar-luar bandar di negeri Sabah dan mungkin juga demikian di negeri Sarawak dan nampaknya di lain-lain negeri di Semenanjung pun ada juga keluhan yang disuarakan. Tetapi di Sabah, yang malang ialah mengenai peruntukan sepanjang Rancangan Malaysia Keenam di mana kita mengetahui hanya 12 daripada lebih 60 buah sekolah yang dirancang sepanjang tahun itu dan kita tidak tahu apa yang telah terjadi dengan sekolah yang tidak dibina sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh itu.

Saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian, di manakah sekolah-sekolah itu dan apakah kedudukan sekola-sekolah itu sekarang dan adakah ini akan diteruskan sepanjang side-by-side, dengan izin, with some schools yang dirancang untuk dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh nanti dan itulah yang menjadi harapan rakyat negeri Sabah agar tidak ada kepincangan di dalam hal itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah mengenai masalah bekalan elektrik di luar bandar untuk sekolah-sekolah. Kita mengetahui di bandar-bandar, terutama di sebelah Semenanjung kita sering mendengar tentang multimedia super koridor yang memang sebahagian daripada tujuannya ialah untuk informasi pendidikan, tetapi bagaimana pula di luar bandar, yang bukan sahaja tidak ada bangunan, tetapi yang ada bangunan pun sudah usang dan tidak ada pula bekalan elektrik?

Saya tidak menyalahkan Kementerian Pendidikan di dalam hal ini sebulat-bulatnya, oleh kerana itu bukan tanggungjawab kementerian, tetapi yang penting ialah pihak kementerian haruslah mempunyai koordinasi ataupun hubungan perancangan mengenai perkara ini dengan kementerian-kementerian yang berkenaan dan kalau perlu saya minta Kerajaan Persekutuan, walaupun mungkin kebanyakan di sebelah Semenanjung Malaysia, IPP itu sudah mencukupi, tetapi di negeri Sabah dan di Sarawak, terutama di pedalaman, masih memerlukan sangat peruntukan bekalan elektrik dan saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan ataupun memberi galakan, special incentive, dengan izin, kepada pengusaha-pengusaha bekalan tenaga ini supaya membina mini-hidro di kampung-kampung untuk dibekalkan ke sekolah-sekolah dan sekali gus dapat mengatasi masalah bekalan elektrik di luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara iaitu kepincangan tentang pembelajaran atau pelajaran komputer. Kita difahamkan bahawa kerajaan mempunyai dasar untuk memberi pendidikan komputer di setiap sekolah, tetapi saya fikir ini tidak akan tercapai kalau kerajaan tidak membuat perancangan yang sebaik-baiknya iaitu menyediakan kemudahan yang sama juga di luar bandar.

Di dalam konteks ini, saya fikir amatlah penting, oleh kerana kalau ada perbezaan cara-cara pembelajaran di antara murid-murid di bandar dan di luar bandar, satu generasi di mana ada 'education gap' di antara budak-budak bandar dan luar bandar akan berlaku dan kita akan menghadapi masalah yang besar, kalau yang di bandar, mereka mempunyai pendidikan yang berasaskan komputer iaitu misalnya sekolah Bistari ini yang dikatakan kebanyakan dari mata pelajaran akan diajar melalui cara berkomputer. Tetapi, yang di luar bandar pula bagaimana?

Mereka akan datang ke bandar dan bersaing dengan anak-anak yang berpendidikan di sekolah Bistari nanti, sudah tentu ada masalah! Saya fikir kerajaan harus memikirkan semasak-masaknya

supaya kita tidak akan membentuk satu apa yang dikatakan 'masyarakat Madani', tetapi ada perbezaan dari segi pendidikan dan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang saya ingin sentuh iaitu mengenai perpustakaan di luar bandar. Kita tahu terutama di Sabah di mana pencapaian murid-murid dalam UPSR pun tidak begitu membanggakan walaupun ada peningkatan, tetapi kita masih lagi ketinggalan jauh dan memang ini adalah berpunca dari banyak masalah, tetapi saya mohonlah supaya pihak Kementerian Pendidikan akan mempergiatkan kemudahan bekalan bacaan dan rujukan di sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, saya ingin sentuh di sini ialah tentang permohonan sekolah menengah untuk SMK Pekan Nabalu yang mana sudah lama dirancang tetapi belum dilaksanakan, tetapi mengikut kementerian belum ada keperluan. Saya fikir di sini ada suatu perkara yang tidak kena, oleh kerana Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengetahui bahawa ada keperluan, tetapi pihak kementerian mengatakan, belum ada keperluan. Maka mungkin statistik itu tidak begitu sampai kepada kementerian dan saya mohon supaya perkara ini diselidik dan mohon agar satu SMK berasrama penuh di Pekan Nabalu di pertimbangkan.

Demikian juga, untuk SRK di Kampung Nulu yang saya telah sebutkan dahulu iaitu satu tempat di mana sekolah yang paling dekat ialah 7 kilometer dan mengikut pemeriksaan kita, keadaan di situ sangat merbahaya bagi kanak-kanak yang berumur hanya 7 tahun ke bawah untuk pergi ke sekolah dan saya harap pihak kementerian akan meluluskan permohonan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk sekolah di situ. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

5.24 ptg.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 - Pendidikan Rendah dan bersama dengan 020400 - Pendidikan Menengah.

Tuan Pengerusi, saya pun seperti sahabat-sahabat yang datang daripada luar bandar, walaupun orang kata, 'lagu ini lagu lama', lagu yang selalu kita dengar, tetapi saya ingin menguatkan lagi hujah-

hujah bahawa sekolah-sekolah di luar bandar ini harus diberi perhatian. Kerana saya amat yakin bahawa pelajar-pelajar di luar bandar, sebenarnya mereka ini mempunyai pemikiran yang baik, mempunyai otak yang cergas, tetapi oleh kerana kemudahan dan juga persekitarannya tidak mengizinkan, maka kita lihat keputusan peperiksaan di luar bandar amat mendukacitakan.

Serba kekurangan di sekolah-sekolah luar bandar daripada aspek sekolahnya, pusat sumber ini, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat sekolah-sekolah di luar bandar ini tak layak hendak dipanggil 'pusat sumber' pun, hanya layak dipanggil 'sudut membaca'. Bukunya ada tiga, empat buah, buku di Sekolah Menengah Seri Tiram, johan pusat sumber daerah, tetapi dia punya pusat sumbernya kalau dibandingkan dengan sekolah di bandar, jauh lebih tertinggal. Begitu juga dengan peralatan persekolahan pun masih lagi tertinggal.

Di samping itu, di luar bandar ini ditambah pula dengan kemudahan asas yang kurang baik. Sekarang ini musim hujan, sebelum minggu lepas, waktu sibuk sekolah-sekolah mengadakan PIBG ini kita dapati ramai pelajar di sekolah luar bandar ini mereka tidak datang ke sekolah. Bila hujan lebat, mereka tidak boleh datang ke sekolah. Ini kerana jalannya teruk, ada jalan tanah merah, ada jalan belum ada tanah merah, kalau hendak naik basikal pun tak boleh. Jadi, hendak berjalan dengan keadaan jalan yang begitu teruk dan jauh, maka mereka sudah tidak ada 'mood' hendak pergi ke sekolah.

Begitu juga dengan kemudahan yang lain. Dari segi buku. Di luar-luar bandar ini kita sukar untuk mendapat kedai-kedai buku yang boleh memberi bantuan kepada para pelajar kita untuk mendapatkan buku-buku bantuan. Begitu juga kalau di luar bandar tak ada 'class tuition' ini - susah untuk kita adakan.

Saya mengatakan semua ini bahawa di daerah Kuala Selangor pada tahun 1995 hanya 60 orang sahaja pelajar UPSR yang dapat 4A tetapi pada tahun ini setelah kita berbincang dengan pihak PPD, kita gembelngkan tenaga dengan semua sektor, dengan pertubuhan sukarela, dengan korporat, dengan pihak PIBG, maka keputusan yang kita capai begitu baik.

Tahun ini seramai 150 orang dapat 4A, bermakna 120% peningkatannya daripada 60 orang di tahun lepas, hari ini 150 orang. Ini jelas membuktikan bahawa anak-anak kita di luar bandar ini kalau diberikan pendedahan, dibantu dengan sebaik-baiknya, sudah tentu mereka akan boleh mencapai kejayaan yang cemerlang.

Tetapi malangnya, setiap kali kita bercakap di sini, kita lihat sekolah-sekolah di luar bandar ini seperti biasa. Tidak ada peruntukan yang lebih yang diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Pengerusi, oleh kerana memandangkan ramai pada hari ini pelajar-pelajar di luar bandar juga telah mendapat 4A tetapi 4A di luar bandar ini kalau kita bandingkan dengan pelajar-pelajar yang mendapat 4A di bandar, ada di sekolah-sekolah bandar ini yang mendapat 4A sampai 80 orang untuk satu sekolah, mungkin ada yang lebih dari 80 orang untuk satu sekolah. Kita di Kuala Selangor untuk satu daerah hanya baru dapat 150 orang.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pencapaiannya begitu baik di seluruh negara pada tahun ini dan sudah tentu Kementerian Pendidikan tidak boleh memastikan bahawa murid-murid 4A ini akan dapat masuk sekolah berasrama penuh. Begitu juga dengan pihak MARA mungkin tidak boleh memastikan bahawa semua yang dapat 4A ini boleh masuk Maktab Rendah Sains MARA!

Saya ingat Timbalan Menteri pun sudah pening kepala, banyak sokongan dari wakil-wakil rakyat untuk pelajar-pelajar 4A ini ditempatkan di sekolah berasrama penuh. Sudah tentu sukar untuk memenuhi kehendak ini.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil langkah untuk memilih sekolah-sekolah di luar bandar ini seperti di Tanjung Karang, Sekolah Menengah Dato' Haron sebagai contoh. Pilih sekolah ini jadikan sekolah luar bandar ini sekolah berasrama penuh, dua kelas ataupun tiga kelas, layan sekolah ini penuhkan kehendak sekolah ini seperti mana yang diberi kepada kemudahan kepada sekolah-sekolah berasrama penuh. Jadi, ini dapat memberi peluang begitu luas lagi kepada pelajar-pelajar di luar bandar untuk menikmati dan merasai suasana seperti di sekolah berasrama penuh.

Tuan Pengerusi, yang kedua, mengenai surau. Tadi ramai rakan yang bercakap fasal soal sosial, masalah moral dan sebagainya. Masalahnya pada hari ini kita lihat Kementerian Pendidikan tidak memberikan penumpuan yang serius kepada basic keagamaan ini. Sebagai contoh - surau.

Tuan Pengerusi, surau ini kebanyakan yang dibina di sekolah-sekolah ini adalah atas usaha PIBG atas usaha bantuan dan derma yang mereka dapat. Apa salahnya dipastikan semua sekolah diwajibkan ada surau ini. Beri peruntukan buat surau di sekolah supaya anak-anak kita ini dilatih daripada kecil supaya mereka ini sampai waktu mereka pergi

bersembahyang di surau. Ini kadang-kadang ada sekolah yang tidak ada surau, terpaksa menggunakan bilik darjah. Sudahlah bilik darjah ini berkurangan, kita terpaksa mengambil lagi, bilik darjah yang kekurangan ini untuk dijadikan surau. Jadi, saya harap peruntukan surau ini kalau boleh diadakan peruntukan khas, untuk memastikan bahawa surau ini akan menjadi 'priority' kepada pihak kementerian selain daripada berusaha untuk meningkatkan lagi pencapaian pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 020700 Pendidikan Guru. Saya ingin menyentuh beberapa perkara peraturan-peraturan perkhidmatan yang diamalkan oleh kementerian pada hari ini. Walaupun peraturan ini baik, tetapi saya fikir, kalau boleh dikaji semula, kalau boleh ditimbang semula, mungkin peraturan-peraturan yang kita amalkan pada hari ini akan memberikan satu galakan kepada guru-guru dan sekaligus akan boleh mempertingkatkan lagi dunia pendidikan di negara kita.

Yang pertama, mengenai kehilangan kekananan, ataupun kehilangan senioriti kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran di universiti.

Saya rasa kasihan, rakan-rakan saya yang dahulu menjadi guru, sudah 15 tahun menjadi guru, tiba-tiba oleh kerana sekarang ini peluang belajar ini banyak, mereka boleh masuk universiti, boleh buat 'out campus', pendidikan jarak jauh dan sebagainya, tetapi apabila mereka ini telah tamat mendapat ijazah, bila sudah masuk Skim Guru Siswazah ini, maka senioritinya hilang. 15 tahun dia bekerja hilang. Sedangkan semasa dia mengajar 15 tahun dahulu, dia menjadi guru sama, sama seperti rakan-rakan mereka yang ada ijazah. Ada rakan saya dia mengajar tingkatan 4, tingkatan 5. Guru siswazah pun mengajar tingkatan 4, tingkatan 5, tetapi bila dia masuk universiti, kawan-kawan dia yang sama mengajar dengan dia, telah lebih jauh senior daripada dia.

Jadi, peluang untuk naik pangkat, memberi peluang untuk guru-guru yang sudah lama berkhidmat, yang ada cita-cita ini untuk mendapat tempat yang lebih baik, mereka akan rasa kecewa. Dan ada rakan-rakan, dia fikir umur dia sudah 40 tahun, masuk universiti pun congak-congak sudah tidak merasa untuk naik pangkat sebab senioriti dia sudah hilang apabila dia dapat ijazah nanti.

Jadi, kita harap soal kehilangan senioriti bagi guru-guru yang melanjutkan pelajaran ini akan dilantik ke dalam Skim Guru Siswazah ini patut dikaji semula supaya menaikkan lagi semangat guru-

guru kita untuk terus meningkatkan pendidikan mereka sendiri.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai pengisian kekosongan guru besar. Ini pun satu masalah, bukannya hendak cerita masalah guru tidak ada. Gurunya ada, tetapi hendak mengambil masa, hendak mengisi kekosongan guru besar khususnya di sekolah rendah mengambil masa sampai 5, 6 bulan. Saya difahamkan pada hari ini, kuasa ini ada pada Kementerian Pendidikan. Jadi, Kementerian Pendidikan, walaupun ia sudah ada cadangan daripada PPD untuk mengisi kekosongan guru besar sama ada di sekolah gred A ataupun gred B, sudah ada calon-calon yang layak tetapi masih mengambil masa. Ini kerana urusan ini begitu tinggi, daripada PPD pergi ke pejabat negeri, pejabat negeri pergi ke kementerian.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya soal mengisi kekosongan guru besar ini, maka serahkan kepada jabatan supaya cepat sedikit proses ini dijalankan. Seperti mana kuasa yang diberi kepada jabatan untuk mengisi kekosongan guru besar sekolah gred B. Kalau kekosongan guru besar sekolah gred B, boleh diuruskan oleh jabatan, saya tidak nampak mengapa guru besar di sekolah rendah ini terpaksa diuruskan oleh pihak kementerian. Jadi, semua ini red tapes yang boleh melemahkan sistem pendidikan kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini hendak gulung. Saya hendak cakap peraturan yang pelik-pelik Tuan Pengerusi, yang kementerian masih lagi amalkan. Mengenai guru, mengenai guru yang baru mengajar. Kita tahu, kadang-kadang dia terpaksa hampir 2 bulan, 3 bulan untuk mendapatkan laporan gaji ini. Kita kasihan, sudahlah guru-guru ini baru mengajar, terpaksa tunggu 3, 4 bulan masih tidak dapat gaji. Tambah yang duduk di pedalaman, lagi lambat dapat gaji.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian memberikan kebenaran kepada pihak sekolah untuk 'advance'kan dulu, keluarkan duit sekolah dulu, bayarlah gaji guru-guru ini yang baru hendak merasa gaji ini. Tidak perlu tunggu 3, 4 bulan, sebab masa itulah hendak cari sewa rumah dan pelbagai keperluan yang lain.

Jadi, kalau ada kebenaran ini, pihak sekolah boleh dahulukan kepada guru-guru yang baru ini dan bila dapat duit nanti, ganti balik. Kalau dapat gaji nanti, ganti balik duit yang telah di 'advance'kan. Selama

ini kita bergantung kepada PIBG untuk 'advance' ini. PIBG di bandar mungkin boleh, mungkin mampu membayar dahulu gaji guru-guru ini, tetapi kalau PIBG di luar bandar, saya tidak nampak sebab....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Dan yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai PPD, Pejabat Pendidikan Daerah. Saya rasa terkejut apabila berbincang dengan PPD, PPD ini tidak ada peruntukan satu sen pun. Pendeknya, kalau hendak beli kapur pun, PPD kena minta dengan Jabatan Pendidikan Negeri.

Jadi, kita ada pegawai, ada satu pertubuhan. Tetapi peliknya, tidak ada peruntukan. Jadi, kalau PPD tidak ada peruntukan, bagaimana PPD hendak menjalan tugas dengan baik? Segala, jangan kata hendak 'maintenance' pejabat-pejabat, sebab pejabat PPD ini kebanyakannya menggunakan sekolah-sekolah yang kadang-kadang sudah uzur. Oleh itu, kita harap timbangkanlah, berilah peruntukan kepada PPD supaya mereka juga boleh sama-sama membantu dan lebih aktif lagi. Lebih boleh memberikan sumbangan yang lebih cemerlang lagi untuk tujuan pendidikan di daerah masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul. Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**5.35 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:

“Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

*Perbahasan disambung semula*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**5.36 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya amat kesal dengan jawapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Parlimen pada 13hb. November bahawa kerajaan tidak akan memperuntukkan wang untuk pengajian agama bukan Islam di sekolah-sekolah untuk membina nilai-nilai bermoral dan murni. Saya ingin bertanya mengapa parti MCA, Gerakan dan MIC tidak boleh menuntut kerajaan memberikan peruntukan wang untuk pengajian agama bukan Islam di sekolah-sekolah untuk membina nilai-nilai bermoral dan murni?

Dalam Belanjawan 1997, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan RM125.7 juta untuk Kelas Fardu Ain dan Al-Quran dan RM1 bilion untuk pendidikan dan Pengajian Islam daripada maktab hingga universiti termasuk Universiti Islam Antarabangsa. Bagi pihak DAP, DAP bersetuju dengan peruntukan RM1,126 juta kerana ini adalah perlu untuk memupuk nilai-nilai murni dan suci dalam pengajaran Islam.

Akan tetapi, saya tidak faham mengapa peruntukan wang tidak dikeluarkan untuk pengajian agama selain daripada Islam untuk penganut bukan

Islam. Kaum bukan Islam juga perlu pengajian nilai-nilai murni yang terkandung dalam agama mereka supaya mereka boleh menjadi warga negara yang baik dan mengatasi masalah sosial. Kegagalan kerajaan memberikan peruntukan wang untuk pengajian bukan Islam berbentuk diskriminasi ke atas agama bukan Islam. Kalau kerajaan serius dan komited untuk menggalakkan nilai moral dan murni tidak perlu wujud diskriminasi ke atas penganut bukan Islam di mana pengajian agama mereka tidak diberikan bantuan dan peruntukan langsung.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya mengapa peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk sekolah Cina dikurangkan sebanyak 75%, sekolah Tamil sebanyak 59% tetapi sekolah rendah kebangsaan dikurangkan hanya 9% sahaja. Dalam satu jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 5hb. November tahun ini, beliau menyatakan demikian. Sebaliknya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) menerima peruntukan pembangunan 4 kali ganda lebih dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), 3 kali ganda lebih bila DAP mencapai kemenangan dalam pilihan raya besar 1990, seperti mana yang dilihat di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1990 hingga 1995), seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun mendedahkan tentang bilangan murid-murid sekolah, setiap jenis sekolah rendah daripada 1990-1995.

Tuan Pengerusi, mengikut Yang Berhormat Menteri Pendidikan peruntukan pembangunan untuk sekolah rendah Cina dikurangkan sebanyak RM77 juta ataupun 75% daripada RM103 juta kepada RM26 juta di bawah RMK-7. Sekolah rendah Tamil pula dikurangkan daripada sebanyak RM16 juta ataupun 59% daripada RM27 juta kepada RM11 juta di bawah RMK-7. Ini menunjukkan bahawa parti MCA, MIC dan Gerakan tidak berkesan langsung memperjuangkan layanan yang sama diberikan dalam peruntukan pembangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, tidak seperti mana yang mereka janjikan. Kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menjadi lebih teruk apabila parti MCA, MIC dan Gerakan mendapat kemenangan besar dalam pilihan raya besar. Ini jelas menunjukkan bahawa.....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya habiskan perenggan itu. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang faedah memberikan sokongan penuh kepada MIC, MCA dan Gerakan yang memang pembohong. Sebaliknya peruntukan sekolah rendah Cina dan Tamil dikurangkan sebanyak 75% dan 59%. Apa guna lagi untuk menyokong parti MCA, MIC atau Gerakan bila hanya DAP kuat barulah kerajaan akan memberikan layanan yang sama atau yang lebih kepada sekolah rendah Cina dan Tamil, seperti mana yang dibuktikan dan didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat. Ada dua orang yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti - nanti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini juga menunjukkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dari Selandar yang juga Naib Presiden MCA membuat kenyataan palsu, bila beliau menyatakan dalam surat khabar bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) menerima RM50 juta dalam peruntukan pembangunan di bawah RMK-7. Ia sebenarnya hanya RM26 juta seperti mana yang didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri menunjukkan bahawa Yang Berhormat timbalannya membuat satu kenyataan yang palsu, bukan sahaja dalam surat khabar Cina,.....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... tetapi surat khabar bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang dua-dua ini bangun sudah dua kali, hendak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Masa tidak cukup, tetapi saya akan berikan kepada Seremban, janji singkat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang sebelah belakang - Seremban.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya minta penjelasan sahaja. Tadi Yang Berhormat dari .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila duduk [kepada Yang Berhormat Tuan Chang Kon You]

**Dato' Hon Choon Kim:** ... Kota Melaka bercakap panjang seolah-olah Yang Berhormat banyak membantu sekolah-sekolah Cina. Jadi, saya hendak bertanya, berapakah sumbangan Yang Berhormat berikan kepada sekolah-sekolah Cina?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kalau cakap dari sumbangan kita bukan kaya seperti MCA yang digelar sebagai parti 'mahu cari angpau' - itu mereka sangat kaya. Tetapi kira-kira tiga tahun yang lepas, Pergerakan Pemuda DAP mengadakan satu konsert untuk mengumpul wang sebanyak hampir RM130,000 untuk Dong Jiao Zhong iaitu pusat kolej Dong Jiao Zhong - pusat kolej Dong Jiao Zhong, itulah.....

**Dato' Hon Choon Kim:** [Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat mengangkat buku, point of order apa Yang Berhormat?

**Dato' Hon Choon Kim:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, saya sudah beri jalan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak gentleman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Point of order yang keberapa Yang Berhormat?

**Dato' Hon Choon Kim:** Itu bukan 'gentleman', tetapi point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya, 36(6). "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain."Sebab dia tadi sebut MCA apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, [kepada Tuan Lim Guan Eng], ya, tujukan kepada siapa Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Tidak tahu jangan cakaplah!

**Dato' Hon Choon Kim:** Apa dia sebut tadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kenyataan itu harus ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali.

**Dato' Hon Choon Kim:** Apa yang dia sebut, apa 'angpau'? Apa dia sebut?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Dia cari 'angpau', DAP cari 'angpau'. Dia yang cari 'angpau' dia simpan 'angpau'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tidak payahlah....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa dia....

**Tuan Chang Kon You:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ipoh Timor minta jalan, beri atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya kesal beri jalan kepada orang macam ini. Saya ingat dia ini ada standard sedikit, tetapi saya kesal.....

**Tuan Chang Kon You:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu lagi bangun - Ipoh Timor.

**Tuan Lim Guan Eng:** Semua serupa, tidak payahlah! Semua mahu cari angpau, tidak payahlah.

**Tuan Chang Kon You:** Apa fasal, takut!

**Tuan Lim Guan Eng:** MCA mahu cari angpau tidak payahlah!

**Tuan Chang Kon You:** Apa fasal takut orang Ipoh Timor! Berilah jalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, di bawah RMK-7 pada tahun 1995, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan ada 595,451 murid belajar di dalam sekolah rendah Cina termasuk kaum Melayu dan India, yang merupakan 21.1% keseluruhan 2.8 juta pelajar, murid sekolah rendah Malaysia dan 102,000 pelajar di sekolah Tamil yang merupakan 3.6% keseluruhan murid sekolah rendah di Malaysia.

Mengikut prinsip keadilan dan sama rata, sekolah rendah Cina dan Tamil sepatutnya menerima 21.1% dan 30.6% masing-masing daripada jumlah besar peruntukan pembangunan sekolah rendah sebanyak RM1,064 juta. Dengan kata lain berdasarkan enrolment murid sekolah rendah Cina patut menerima RM224.2 juta dan bukan RM26 juta dan sekolah Tamil patut menerima RM38.7 juta bukannya RM11 juta yang diperuntukkan di bawah RMK-7. Adalah jelas berlakunya diskriminasi di dalam pelbagai bentuk dan aspek terhadap sekolah rendah Cina dan Tamil. Ini menimbulkan pertanyaan, mengapa Menteri MCA, MIC dan Gerakan tidak menentang diskriminasi ini dan meminta layanan yang lebih adil, malah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dari Selandar cuba mengelakkan isu layanan tidak adil terhadap sekolah Cina dengan membuat kenyataan palsu tentang peruntukan yang diberikan kepada sekolah rendah Cina, yang sebenarnya hanya 50% yang diumumkan olehnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Adalah perlu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat diminta gulung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya gulung. Adalah perlu Presiden MCA, Gerakan dan MIC menjelaskan mengapa mereka berpuas hati dengan peruntukan yang kecil dan tidak adil ini. Demi keadilan dan kepentingan sekolah rendah Cina dan Tamil, DAP menuntut sekolah rendah Cina diberikan RM224.2 juta dan sekolah Tamil RM38.7 juta dan bukannya jumlah kecil yang diperuntukkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gelang Patah.

5.48 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan B.26, Butiran 020000 dan Butiran 020300 - Pendidikan Rendah dan Butiran 020400 - Pendidikan Menengah.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin membawa beberapa perkara yang saya harap pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil berat tentang permintaan kaum Cina di kawasan Parlimen Gelang Patah, terutama sekali di kawasan Taman Universiti, yang mana pada masa sekarang terdapat ada 1,250 orang murid aliran Cina yang mana mereka

perlu ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kok Kwang atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Tze untuk belajar. Memandangkan kawasan Skudai adalah satu kawasan yang pesat membangun dan sentiasa menghadapi masalah kesesakan jalan, adalah wajar wujudkan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Taman Universiti supaya dapat menjimatkan masa dan wang ibu bapa murid serta dapat menjaga kesihatan murid-murid itu.

Tuan Pengerusi, seperti yang sentiasa diperjuangkan oleh pihak MCA, kita dapat mengadakan tambahan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ko Kwang II di kawasan Parlimen Gelang Patah dan kerja pembinaannya sedang dijalankan dengan pesat. Pada masa kita memperjuangkan untuk mewujudkan sebuah lagi sekolah Cina, pihak pembangkang DAP pada masa itu saya ingat iaitu pada tahun 1993-1994, MCA telah berjaya mendapat sekolah itu, tetapi apa yang pihak pembangkang DAP buat, dia cuma menjalankan kerja kempen signature sahaja, tetapi tidak buat kerja apa-apa.

Tetapi cara yang MCA buat, kita melalui jabatan-jabatan berkenaan, melalui Kementerian Pendidikan serta Kerajaan Negeri Johor dapatkan sepetak tanah - 5 ekar .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Senai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Biarkan saya habiskan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Saya minta penjelasan, satu saat sahaja. Tadi Yang Berhormat mengatakan DAP hanya pergi minta tandatangan, tidak ada buat apa-apa. Jadi, kita sifatkan Parti DAP sebagai N-A-T-O, 'no action talk only' - Parti Nato. Yang Berhormat bersetujukah?

**Tuan Chang See Ten:** Saya amat bersetuju kerana tadi saya dengar Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap cuma mereka, DAP kalau kuat baru dapat menyelesaikan masalah kaum Cina. Tetapi, kita dapati semasa mereka kuat pada satu masa, apa yang mereka dapat selesaikan untuk kaum Cina? Tidak ada. Tetapi kita dapat menjayakan banyak perkara kerana perjuangan ini berterusan. Mereka tidak boleh anggap kerana kegagalan kita belum dapat menyediakan apa-apa - sudah kira kita tidak ada buat apa.

Tetapi daripada apa yang kita dapat berjaya, ini satu misal yang saya sebutkan tadi, bahawa dengan kerjasama daripada Kementerian Pendidikan serta Kabinet meluluskan supaya diberikan Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kok Kwang mewujudkan sebuah sekolah lagi. Kerajaan Negeri Johor meluluskan sepetak tanah 5 ekar untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kok Kwang II, kerana Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kok Kwang itu adalah sekolah rendah yang terbesar di Malaysia.

Sekolah ini mempunyai 4,990 orang murid dan oleh yang demikian Kementerian Pendidikan memandangkan permintaan kaum Cina sudah meluluskan permohonan itu dan kerja pembinaan sedang dijalankan. Saya harap apa yang saya katakan tadi, dapat diluluskan oleh Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sebuah sekolah Cina di Taman Universiti yang saya sebutkan tadi, ada mempunyai 1,250 orang murid aliran Cina. Di sini saya ingin memberitahu bila MCA telah berjaya mendapatkan sekolah itu, pihak pembangkang DAP senyap sahaja, tidak berani cakap apa pada masa itu iaitu tahun 1994, bila kita berjaya mendapatkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kok Kwang II.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin ambil peluang ini meminta supaya pihak Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan awal untuk membina sekolah kebangsaan, sekolah menengah, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di kawasan Parlimen Gelang Patah. Saya buat misalan, seperti di kawasan Taman Ungku Tun Aminah yang mana pihak kerajaan negeri dapat memberikan sepetak tanah 5 ekar untuk menempatkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Lindon. Ini lagi satu bukti yang mana pihak MIC, berjaya mendapatkan sebuah sekolah untuk sekolah Tamil di kawasan saya.

Dan satu bukti lagi iaitu di satu projek perumahan yang baru, iaitu Projek Taman Mutiara Rini yang mana, tapak sekolah sedia ada, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Rini perlu dipindah akibat bercanggah dengan perancangan taman itu. Pihak pemaju dengan permintaan daripada anggota Barisan Nasional dan wakil rakyat dapat membina sebuah bangunan sekolah yang baru untuk menempatkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Rini itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, iaitu tadi beliau sebut berkenaan dengan sekolah Tamil.

Di kawasan saya pun kerajaan telah beri sekolah Tamil ini dua tingkat. Dulu sekolah setingkat, sekarang sekolah itu dirobohkan dan dinaikkan dua tingkat tetapi projek ini kerajaan buat. Kerajaan buat banyak projek untuk sekolah Cina dan sekolah Tamil tetapi saya kagum dengan projek yang dibuat oleh MCA iaitu Projek Langkawi.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormatlah, Yang Berhormat pun sudah banyak bercerita berkenaan dengan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Pernah atau tidak DAP ini buat satu projek untuk sekolah Cina di negara kita ini? [Ketawa]

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, tidak pernah. Mereka tahu bercakap sahaja. [Tepuk] Tahu kritik, tidak ada apa-apa tindakan. Saya ingin, kalau boleh, Tuan Pengerusi, beritahu saya ada satu perkara lagi yang mana kita selesaikan di kawasan Parlimen Gelang Patah, melalui kerjasama semua pihak, pihak pemaju Mulpha International pun dapat membina sebuah sekolah yang baru untuk menempatkan Sekolah Kebangsaan Ladang Pendas. Oleh yang demikian, saya harap Kementerian Pendidikan boleh berusaha lagi.

Bila Bandar Baru Nusa Jaya dibangunkan oleh Proling Development Sdn. Bhd., mereka akan buat apa yang dilakukan oleh pemaju yang lain di kawasan Parlimen iaitu untuk membina bangunan baru sekolah untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Hock Lam dan Sekolah Kebangsaan Pendas Laut, yang mana kedua-dua sekolah ini terlibat dalam Projek Bandar Baru Nusa Jaya ini.

Dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sri Gading.

5.58 ptg.

**Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan usul pendidikan. Di sini saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh mengenai Kolej Islam Kelang yang merupakan salah sebuah kolej yang terbilang, yang telah melahirkan ramai tokoh pemimpin dan para ulama, termasuklah ahli Parlimen Larut. Pada masa ini, kolej tersebut masih lagi berjalan dengan baik dan merupakan salah

sebuah sekolah berasrama penuh yang pada setiap tahun melahirkan ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Apa yang hendak saya bangkitkan di sini ialah mengenai kemudahan-kemudahan asas kolej tersebut yang begitu daif dan berkurangan - kekurangan bilik darjah sehinggakan pihak sekolah terpaksa menggunakan bangunan-bangunan usang dan merbahaya yang sudah tidak diluluskan oleh JKR bagi dijadikan bilik darjah bagi menampung keperluan.

Selain dari itu, saya juga difahamkan bahawa pihak sekolah juga mengalami kekurangan peralatan sains, kelengkapan bilik 'musala' yakni surau, kekurangan air paip yang selalu terputus dan tidak naik ke tingkat atas bangunan asrama dan lain-lain lagi.

Jadi, saya mengharapkan pihak Kementerian Pendidikan supaya dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya juga menyentuh Butiran 090000 - Pendidikan Islam dan Moral.

Banyak perkara yang masih lagi belum dapat diatasi oleh Kementerian Pendidikan. Masalah kekurangan guru-guru agama masih lagi belum dapat diatasi. Perkara ini telah pun berlarutan sejak dahulu lagi kerana saya sudah terlibat menjadi guru agama lebih daripada 15 tahun. Setiap tahun, berbangkit perkara kekurangan guru agama, masih belum dapat diatasi.

Pegawai-pegawai pendidikan agama di peringkat negeri atau daerah apabila dinaikkan pangkat atau bersara kadang-kadang tidak berganti. Pegawai pendidikan agama atau penyelia mata pelajaran agama di peringkat daerah pula terdiri daripada guru-guru agama yang tidak berijazah, sedangkan sebahagian besar guru-guru agama di sekolah-sekolah menengah adalah terdiri daripada guru-guru agama berijazah. Ini menyebabkan pegawai-pegawai atau penyelia pendidikan agama daerah merasa rendah diri untuk menyelia atau melawat ke sekolah-sekolah menengah.

Tuan Pengerusi, saya rasa sudah sampai masanya guru-guru penyelia pendidikan agama di peringkat daerah digantikan dengan guru-guru agama berijazah yang berpengalaman sebagai satu kenaikan pangkat.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh mengenai Program 080400 - Latihan dan Khidmat Bantuan.

Guru-guru sekolah semasa mereka berada di maktab-maktab perguruan, mereka kelihatan begitu berdisiplin, kemas, terutama sekali pakaian mereka begitu kemas. Tetapi apabila mereka dihantar mengajar di sekolah-sekolah, lama kelamaan, bukan semualah, ada sebahagian mereka sudah tidak mengikut garis panduan pakaian kerja di sekolah-sekolah.

Ada guru yang memakai baju Melayu dengan dilepaskan keluar begitu, memakai seluar biasa, hendak katakan pakai bush jacket pun bukan bush jacket, hendak katakan baju apa, tak tahulah. Maknanya separuh baju kebangsaan, separuh tidak. Kalau hendak pakai baju kebangsaan, sepatutnya kenalah pakai kain samping dan sebagainya, biar lengkap. Dan macam-macam lagi. Kadang-kadang yang memakai songkok, ada yang memakai songkok hitam, ada juga yang kadang-kadang memakai songkok putih, ada yang memakai songkok berwarna merah dan kadang-kadang semasa zaman Al-Arqam belum diharamkan, ada sebahagiannya memakai songkok berwarna hijau.

Jadi, saya cadangkan Kementerian Pendidikan mengadakan garis panduan yang lebih jelas mengenai pakaian guru-guru semasa bertugas. Saya rasa tidak salah kalau kementerian mengadakan peraturan menseragamkan pakaian guru-guru di seluruh Malaysia ini bagi menaikkan imej guru-guru di kalangan masyarakat dan di kalangan murid.

Lagi pun, kalau sekiranya pakaian guru-guru ini seragam ataupun warnanya sama, kalau ada guru-guru yang cuba keluar dari kawasan sekolah pergi ke pasar dan sebagainya waktu bertugas, orang kenal, "Oh, ini cikgu". Jadi, dia segan. Kalau tidak, mungkin ada perkara-perkara yang seperti ini berlaku. Jadi, orang tidak kenal sama ada ini cikgu atau tidak, sebab bila dia keluar dari kawasan sekolah, sudah macam orang biasa sahaja. Tetapi kalau memakai pakaian seragam dengan warna yang sama dan sebagainya, orang boleh kenal ini cikgu ataupun bukan cikgu.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Larut bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat tidak menentukan pakaian guru tadi, lelakikah atau perempuan?

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Pengerusi, apabila saya mengatakan supaya mengadakan peraturan seragam, bermakna termasuklah sama ada lelaki ataupun perempuan. Maknanya adalah suatu kaedah daripada pengenalan, pakaian tersebut, kita kenal, "Oh, ini golongan cikgu", sebab perkara ini pernah berlaku. Di Johor, guru-guru agama yang mengajar di sekolah agama pada waktu petang mereka memakai pakaian seragam - baju putih, kain batik sampai sekarang. Tidak ada masalah pun.

Jadi, kalau pada waktu petang atau pagi kita tengok orang perempuan pakai baju putih, kain batik, itu guru agama Johor. Jadi kalau guru-guru sekolah kebangsaan pun diadakan peraturan seragam yang seperti itu, saya rasa tidaklah ada masalah sebab kita kadang-kadang menekankan masalah disiplin pakaian kepada murid-murid, tetapi dukacita, kadang-kadang ada guru-guru yang tidak pakai stoking. Kadang-kadang ada yang masuk kelas pakai T-shirt dan kadang-kadang ada berbagai masalah. Jadi, mudah-mudahan perkara yang seperti ini dapat diperbaiki supaya ianya boleh menaikkan lagi imej guru-guru tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh mengenai Program 020900 - Pengurusan Buku Teks.

Buku teks pendidikan Islam pada masa kini menggunakan tulisan jawi sepenuhnya. Tetapi malangnya begitu ramai pelajar-pelajar yang tidak boleh membaca buku teks dalam tulisan jawi. Kalau dalam satu bilik darjah di sekolah menengah, kalau 30 orang, hendak cari 10 orang yang boleh membaca dan menulis dengan lancar dalam tulisan jawi pun agak sukar. Sebab ini pengalaman dari kajian yang saya buat semasa mengajar di sekolah menengah dahulu.

Bagi mengatasi masalah tersebut, saya suka mencadangkan supaya satu kajian menyeluruh harus dilakukan kenapa masalah penguasaan tulisan jawi amat lemah di kalangan pelajar-pelajar. Begitu juga penguasaan pembacaan al-Quran, juga lemah sedangkan pelajaran tulisan jawi dan al-Quran telah mula dipelajari sejak daripada darjah satu di sekolah kebangsaan lagi. Maknanya kalau sekolah rendah 6 tahun, sepatutnya murid-murid tersebut telah boleh menguasai tulisan jawi dan boleh menguasai bacaan al-Quran.

Tetapi, apabila sampai ke sekolah menengah pun, begitu ramai lagi yang tidak boleh membaca dan menulis tulisan jawi dan ramai yang tidak boleh membaca al-Quran dengan baik. Jadi, maknanya

apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang ada pada masa sekarang ini tidak berkesan ataupun minat murid tidak ada dan sebagainya, ini perlu dibuat kajian dan dibuat satu perubahan supaya kalau sekiranya pelajar-pelajar itu sampai ke peringkat menengah, sekurang-kurangnya mereka boleh membaca dan menulis dengan jawi dan boleh membaca al-Quran dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung, ya.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** .....mengenai Sekolah Bantuan Modal. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah memberikan bantuan sebanyak RM50,000 kepada sebuah sekolah Arab atau sekolah agama rakyat di kawasan saya. Namun demikian, bantuan yang seperti itu diharapkan akan berterusan pada setiap tahun.

Mengenai sekolah agama rakyat atau sekolah Arab, saya juga suka mencadangkan supaya bantuan yang lebih banyak harus diberikan bagi menaikkan taraf sekolah-sekolah agama rakyat dan saya mengalu-alukan sebarang usaha bagi menyegerakan penyelarasan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Malaysia ini, sukatan pelajarannya, latihan perguruan dan persijilannya kerana pada masa sekarang ini, kadang-kadang sijil sekolah agama di Johor tidak sama dengan di Selangor dan tidak sama dengan di Perak, di Kelantan dan sebagainya. Kalau mereka hendak berpindah, tidak dapat hendak ditentukan kelas mana yang dia hendak masuk sebab sukatan pelajarannya tidak sama dan sijilnya tidak sama.

Tuan Pengerusi, itu sahaja. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mas.

6.09 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara di dalam Kementerian Pendidikan.

Pertama sekali di dalam Butiran 00800 - Rumah-rumah Guru Luar Bandar.

Di dalam tahun 1997 akan datang, anggaran yang diperuntukkan ialah RM90 juta untuk rumah-rumah guru di luar bandar. Saya ingin bertanya di

sini, berapakah yang diperuntukkan untuk negeri Sarawak dan oleh kerana banyak perkara yang saya akan bangkitkan di sini, saya setuju semua masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang dan dari Sungai Petani, semua saya setuju.

Saya ingin bertanya, khas untuk Sarawak, berapakah yang diperuntukkan bagi rumah-rumah guru luar bandar di Sarawak? Saya ingin bertanya kepada kementerian soalan spesifik, adakah kementerian sedar ada guru-guru di kawasan pedalaman ataupun kawasan pesisiran di negeri Sarawak tinggal di rumah panjang ataupun di rumah-rumah orang kampung oleh kerana tidak ada rumah-rumah guru?

Yang kedua, Butiran 00902 iaitu Asrama Desa. Anggaran tahun 1997 tidak ada, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada kementerian dan sehubungan dengan perkara ini, kejadian yang telah berlaku di salah sebuah sekolah rendah kerajaan di Sarawak - SRK Abang Moh. Saya bagi pihak rakan-rakan wakil rakyat termasuk menteri daripada Sarawak, kawasan menteri ini, Tuan Pengerusi, mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat oleh kerana banyak bantuan yang diberi dan seluruh rakyat Malaysia daripada Semenanjung yang bersimpati dengan kejadian ini.

Tetapi, yang saya ingin tegaskan di sini iaitu saya ingin bertanya, adakah kementerian telah membuat kajian terperinci, berapakah asrama desa di negeri Sarawak ataupun negeri Sabah di mana asrama ini di dalam keadaan yang dari segi keselamatan tidak memuaskan, bangunan dalam keadaan daif ataupun usang. Saya ingin bertanya kepada kementerian mengenai perkara ini, kalau tidak ada angka yang terperinci saya juga ingin ataupun sedia menunggu pada bulan-bulan akan datang supaya satu kajian terperinci akan dibuat.

Mengenai satu Butiran 02100 iaitu Institut Teknologi Mara. Anggaran tahun 1997 berjumlah RM77,868,000. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya oleh kerana melalui Institut Teknologi Mara ini, ramai anak-anak masyarakat bumiputera dapat peluang untuk menjalankan pengajian ke institut pengajian tinggi baik di negara kita, ada juga di luar negara.

Tetapi, yang saya ingin sentuhkan di sini, ada sedikit masalah di dalam pentadbiran MARA. Rakan kita di sini, Tuan Pengerusi, tidak ada. Kita akan sampaikan kepada Yang Berhormat Dato'. Di Sarawak ada beberapa penuntut yang sedang belajar

di Institut Teknologi Mara di Semenanjung di sini. Ada satu kes di mana pelajar ini diterima untuk memasuki salah satu universiti di Amerika Syarikat tetapi malangnya MARA tidak dapat membantu dan saya ingin menyarankan di sini kes-kes seperti ini oleh kerana ibu bapa pelajar ini adalah pegawai kerajaan, orang tidak ada kemampuan untuk membantu anak ini supaya dapat melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Saya bayangkan seperti kita sebagai berketurunan orang daripada pedalaman, kalau MARA ataupun kerajaan tidak dapat membantu, susahlah untuk kita pergi ke universiti dan saya berharap saya akan menulis kepada menteri yang berkenaan dan juga Menteri Pembangunan Usahawan kalau boleh tolonglah anak Sarawak yang seorang ini. Mungkin ada kes-kes yang lain yang saya akan majukan ini, kalau boleh tolong agar mereka sampai ke Amerika Syarikat.

Yang lain dalam Butiran 04000, Universiti Malaysia Sarawak. Kita berterima kasih juga kepada Kerajaan Barisan Nasional oleh kerana menghadihkan negeri Sarawak satu universiti iaitu Universiti Malaysia Sarawak dan ada anggaran RM30 juta untuk tahun hadapan. Saya ingin bertanya, adakah ini anggaran untuk bangunan universiti ataupun untuk asrama ataupun untuk apakah tujuannya ini dan saya juga ingin bertanya di sini, berapakah jumlah penuntut ataupun pelajar yang sekarang menuntut di UNIMAS dan pecahan daripada negeri Sabah berapa, Sarawak dan daripada negeri-negeri di Semenanjung berapa orang. Tujuan saya supaya daripada UNIMAS ini jangan biar hanya orang Sarawak belajar di sana. Kita ingin supaya mereka yang menuntut sekarang ini yang bakal menjadi pemimpin negara pada satu masa akan datang dapat bercampur gaul dan untuk membantu kita dalam integrasi nasional. Saya ingin soalan yang spesifik seperti ini dapat dijawabkan dan adakah kementerian berpuas hati dengan pencapaian UNIMAS setakat ini. Kalau ada masalah-masalah yang lain kita ingin tahu juga.

Dan yang akhir sekali, Butiran 090000, iaitu Pendidikan Islam dan Moral. Ada rakan kita daripada Kuala Selangor tadi menyentuh mengenai perkara ini. Kita berterima kasih oleh kerana banyak masalah yang dihadapi sekarang ini yang dihadapi khususnya oleh muda mudi ataupun remaja ataupun rakan-rakan yang sedang di bangku sekolah, masalah sosial, dadah, maksiat dan lain-lain. Yang kita harus tekankan di sini iaitu pendidikan agama dan moral. Saya berharap supaya Kementerian Pendidikan khususnya bagi negeri Sarawak, saya

difahami banyak kekurangan guru agama. Kalau kita ingin tekankan pengajaran agama Islam, misal kata, kalau tidak ada guru agama bagaimana kita hendak laksanakan?

Saya ingin bertanya kepada kementerian kalau betul-betul banyak kekosongan di dalam jawatan Guru Agama, apakah langkah yang kita ambil untuk mengatasi masalah ini dan juga mengenai pendidikan moral. Kalau boleh guru-guru diberi kursus yang sesuai supaya murid-murid yang sedang di dalam bangku sekolah ini dapat dididik dan dibimbing dengan secara baik mengenai moral, etika yang baik dan nilai-nilai murni.

Saya percaya untuk kita membimbing mereka sekarang ini harus kita juga beri kepentingan supaya keadaan ataupun suasana guru-guru sekolah seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Sungai Petani tadi akan diambil kira oleh kerajaan dan oleh Kementerian Pendidikan khususnya untuk guru-guru yang mengajar di dalam disiplin yang spesifik, misal kata yang saya tekankan tadi dalam pendidikan agama, adakah misal kata, facility, dengan izin, diperbaiki dan adakah facilities seperti surau atau tempat mereka mendidik murid-murid sesuai. Oleh kerana itu saya berharap kementerian dapat mengambil kira beberapa perkara yang saya bangkitkan tadi. Sekian sahaja, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mentakab.

6.19 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran mengenai pendidikan agama. Dewan yang mulia ini hari ini telah terdengar dan terlihat dua orang Ahli Yang Berhormat menyentuh pendidikan agama bukan Islam - seorang dari MCA iaitu Ahli Yang Berhormat dari Lumut yang telah membangkitkan cadangannya dengan cara yang bernas, ikhlas dan konstruktif tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, semasa dia meminta peruntukan kerajaan untuk pendidikan agama bukan Islam dia cepat hendak politikkan isu ini. Ini adalah budaya parti DAP.

Walaupun kita faham di dalam peruntukan Akta Pendidikan memang ada peruntukan bahawa agama bukan Islam boleh diajar di sekolah tanpa peruntukan dari Parlimen. Ini adalah jelas, dan kita juga berharap bahawa pada masa akan datang dengan cara mesyuarat kita boleh minta peruntukan dari kerajaan, tetapi dengan cara yang ikhlas, dengan cara yang konstruktif. Tetapi bukan dengan cara DAP. Cara DAP ini dia sengaja hendak

mempolitikkan isu ini dan menuduh parti MCA, parti MIC seolah-olah kita tidak menjaga kepentingan agama bukan Islam. Saya rasa kesal terhadap sikap Ahli Yang Berhormat wakil dari DAP yang sengaja hendak membakarkan sentimen kebencian terhadap isu ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Butiran 020100 - Pengurusan Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang telah berusaha mengambil alih pengurusan sekolah Orang Asli daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Daripada lawatan saya ke kampung-kampung Orang Asli baru-baru ini, saya telah melihat peningkatan minat di kalangan murid-murid Orang Asli dan juga kepentingan yang kian diberi oleh ibu bapa Orang Asli terhadap pendidikan. Ini dapat diterjemah dalam keciciran yang lebih rendah dan juga kadar tidak hadir kelas yang kian berkurangan. Ini adalah tanda yang amat baik dan amat menggalakkan.

Tuan Pengerusi, adalah tidak boleh dinafikan bahawa kehadiran dan status masyarakat Orang Asli adalah amat jauh ketinggalan dan mundur dalam semua aspek dan bidang. Saya berpendapat selain daripada rancangan penempatan semula, pendidikan merupakan satu cara yang paling penting dan paling berkesan untuk meningkat taraf hidup masyarakat Orang Asli dan untuk mengeluarkan mereka dari kongkongan kemiskinan. Ini adalah cara yang paling berkesan untuk membawa mereka masuk dalam arus pembangunan negara. Sehubungan ini, saya ingin merujuk kepada dua kes dalam kawasan saya agar dapat kepastian dan bantuan dari Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid-murid Orang Asli di kawasan tersebut. Kes pertama ialah di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Pedas, di mana terdapat lebih kurang 240 Orang Asli dari Kampung Penderas, Kampung Pasu, Kampung Kalung, Kampung Kuala Tebu dan Kampung Pian.

Tuan Pengerusi, walaupun kita bernasib baik bahawa ada guru-guru yang ditugaskan dan ditempatkan di situ yang penuh dengan komitmen dan minat untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi anak-anak Orang Asli di sekolah tersebut, tetapi mereka menghadapi masalah kekurangan bilik darjah. Sejak Kementerian Pendidikan mengambil alih pengurusan sekolah tersebut, kita dapati bahawa minat ibu bapa telah meningkat dan bilangan murid

yang telah berdaftar dengan Sekolah Kampung Penderas itu telah pun bertambah. Ini adalah tanda baik, tetapi mereka menghadapi kekurangan 3 hingga 5 bilik darjah. Saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh perkara ini dapat diberi perhatian.

Selain daripada itu, sekolah itu juga tidak ada bangunan asrama, dan pihak tersebut terpaksa menggunakan bilik darjah sebagai bangunan asrama untuk menempatkan lebih kurang 108 orang murid anak Orang Asli. Dan daripadanya, 64 orang ialah lelaki ditempatkan di satu bilik darjah berukuran 25' x 30' dan 44 orang anak murid perempuan ditempatkan di darjah yang berukuran 20' x 30'. Keadaan tersebut adalah amat tidak sesuai, keadaan yang amat usang dan sempit dan tidak sesuai sebagai asrama. Dan kemudahan juga amat tidak mencukupi, termasuk kekurangan katil, tilam, bantal dan sebagainya. Saya telah menulis kepada pihak pendidikan negeri dan juga kepada Kementerian Pendidikan, saya berharap kementerian akan memberi perhatian terhadap masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, kes kedua yang saya ingin sentuh ialah anak Orang Asli dari Kampung Paya Mengkuang dan Kampung Paya Telung di kawasan saya. Oleh kerana ketiadaan sekolah-sekolah kebangsaan yang berdekatan dengan tempat kediaman mereka, mereka telah memilih menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kerdu yang berdekatan dengan kampung mereka sejak tahun 1986. Selama ini mereka telah pun dapat bantuan kewangan dan tuntutan pelbagai untuk menolong mereka menanggung perbelanjaan di sekolah. Malangnya, baru-baru ini mereka telah terima satu surat mengatakan mereka tidak akan diberi bantuan kewangan dan tuntutan pelbagai, kecuali mereka bersekolah di sekolah jenis kebangsaan. Saya berpendapat ini adalah tidak elok dan kurang munasabah, sebab ia akan mengecewakan semangat baru dan juga minat baru di kalangan Orang Asli. Saya harap kes ini dapat dikaji. Saya tidak pasti bantuan itu sama ada dalam pengurusan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun, saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengkaji kes ini dan terus memberi bantuan kewangan kepada mereka, sebab adalah tidak munasabah untuk meminta mereka menukar sekolah memandangkan bahawa mereka telah pun dalam darjah 3, darjah 4 dan ada yang darjah 2. Jadi, saya harap masalah ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai dengan P.26 Butiran 00700 - Pendidikan Guru. Sebenarnya masalah ini adalah

masalah lama, iaitu kekurangan guru di sekolah-sekolah sama ada di sekolah bandar atau di sekolah luar bandar. Walaupun perkara ini telah sering dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, dan kita juga telah dengar penjelasan oleh Kementerian Pendidikan bahawa tindakan pelbagai telah diambil untuk menangani masalah ini, tetapi apa yang kita dapati di sekolah-sekolah ialah anak-anak kita masih menghadapi kekurangan guru-guru, dan ada yang tidak ada guru sepanjang tahun dalam mata-mata pelajaran seperti sains dan matematik. Saya berpendapat keadaan ini adalah amat serius. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Tambun.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Semalam Ahli Yang Berhormat dari Tambun pernah kata, Nation At Risk, jika guru-guru kita tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan memuaskan. Saya berpendapat bahawa nation kita akan at siege kalau kita terus mengalami masalah kekurangan guru yang serius. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan bahawa jika kita hendak menangani dan menarik lebih ramai orang menceburi bidang perguruan, khususnya kaum lelaki dalam bidang ini, pendekatan yang paling berkesan ialah mengadakan suatu bentuk gaji yang berasingan untuk guru dan meningkatkan lagi gaji mereka supaya selaras dengan pekerjaan di bidang swasta. Dengan cara itu, baru kita boleh menyelesaikan masalah kewangan mereka.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

6.33 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, muka surat 228, Butiran 100000 - Pengendalian Peperiksaan.

Tuan Pengerusi, saya nampak setiap tahun dalam program pengendalian peperiksaan, pihak kementerian hendaklah mengendalikan peperiksaan sijil untuk lebih 1 juta orang murid dari sekolah rendah ke sekolah menengah - hingga ke tingkatan 5. Menurut kementeriannya, objektifnya ialah untuk menentukan kebersihan dan keberkesanan sistem penilaian pencapaian murid dan pelajar dalam sistem pendidikan negara.

Tuan Pengerusi, sekarang masih perlukan peperiksaan di dalam semua peringkat, cuma yang pertama, saya berharap pihak kementerian dapat memastikan mutu dan standard peperiksaan ini.

Tuan Pengerusi, setiap kali saya ada mengikuti pengumuman peperiksaan, sama ada UPSR, PMR, SPM ataupun STPM, saya nampak hampir tiap-tiap tahun Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan "wah, dalam sekian banyak subjek (mata pelajaran) pencapaiannya sangat cemerlang" - sangat-sangat cemerlang. Satu dakyah yang paling berkesan di halaman akhbar dan juga media massa yang lain termasuk televisyen.

Saya pun tidak tahu sama ada keputusan itu membayangkan keadaan sebenarnya. Saya berharap, itu akan membayangkan keadaan atau standard yang sebenarnya. Cuma, sekali sekala kita dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan bahawa pada masa hadapan keputusan untuk subjek seperti Sains dan Matematik akan meningkat kerana usaha-usaha yang diambil dan keputusan itu akan meningkat.

Tuan Pengerusi, tidak susah untuk kita meningkatkan keputusan itu, cuma kita rendahkan markah, maka semua beres - 100% pun boleh dapat, tetapi apakah maknanya kalau kita berbuat demikian? Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri dan kedua-dua timbalannya menyedari bahawa bukan sahaja keputusan peperiksaan yang penting, bahkan juga ada satu kelas dengan Yang Berhormat Timbalan yang beruban itu (dia masih muda, cuma beruban sahaja - keturunan) [*Ketawa*]. Yang Berhormat pun tahu, dalam satu kelas itu kadangkala kita nampak dalam sebuah sekolah rendah dan juga di universiti yang mendapat pencapaian keputusan yang pertama pun, bukan semestinya menjadi timbalan menteri ataupun menteri ataupun Perdana Menteri - bukan semestinya. Kadangkala yang mendapat keputusan sederhana pun dapat mencapai tahap yang tinggi di dalam masyarakat.

Ini menunjukkan kecerdasan (intelligence) itu bukan setakat keputusan peperiksaan. Sebab itulah saya menyeru supaya pihak kementerian, sambil memastikan semua standard peperiksaan itu mencapai satu tahap yang tinggi, kita jangan sentiasa melaung-laungkan begitu sahaja - Wah! Sekolah sekian-sekian ini mendapat 100% kelulusan dan sebagainya - apakah maknanya? Kalau standard itu tinggi, memang keputusan itu rendah sedikit. Itulah masalahnya, cuma kita berharap pihak kementerian dapat menilai pelajar-pelajar dan murid-murid dengan cara yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, kedua - yang sangat mengecewakan ialah cara-cara untuk menguruskan murid-murid di Tahun 3 yang dibenarkan melompat kepada Tahun 5. Saya setuju dengan pihak Ketua Pengarah yang mengatakan beliau tidak akan

mengumumkan cara-cara dan keputusan untuk penilaian bagi Tahun 3 sekolah rendah kerana ini akan mengecewakan banyak orang termasuk guru, murid sendiri dan juga ibu bapa. Saya setuju, kita tidak payahlah mengumumkan butiran mengenai penilaian seumpama itu. Tetapi, maklumlah, lebih 400,000 yang menyertai peperiksaan penilaian tersebut, tetapi cuma lebih 3,400 yang lulus dan sekarang di letakkan dalam Tahun 5.

Saya tidak menafikan bahawa kita perlu ada penilaian untuk semua peringkat bagi memastikan yang cerdik pandai dan mempunyai kecerdasan yang tinggi perlu disegerakan untuk mencapai yang lebih tinggi bagi mencungkil bakat-bakat untuk negara ini. Itu memang satu perkara yang baik, cuma cara-cara kita melaksanakan konsep seperti ini, cara-cara kita membuat penilaian. Bukankah lebih baik dengan Tahun 3 sahaja, macam mana kita tahu akan menjadi perdana menteri kelak? Kita tidak tahu. Mungkin dia sangat cerdas, tetapi kerana nakal sedikit, pencapaian itu, seperti yang beruban juga. Di dalam sekolah itu nakal bukan main, tetapi sekarang nampak baik. Saya percaya pencapaian pada Tahun 3 waktu itu sangat rendah. Kalau mengikut penilaian, tidak termasuk dalam 3,400 ini - tidak masuk golongan itu.

Saya mencadangkan kita ada cara yang lain, jangan kita umumkan. Saya setuju dengan Ketua Pengarah - itu satu keputusan yang baik, cuma pada tahun hadapan kita tukarkan corak, jangan kita mengecewakan ibu bapa dan guru sangat, termasuk murid juga.

Tuan Pengerusi, muka surat 231, Butiran 160000 - Dewan Bahasa dan Pustaka yang mendapat peruntukan RM29 juta. Dua, tiga minggu yang lepas saya seronok bila melihat Dewan Bahasa dan Pustaka yang mempamerkan buku-buku yang dicetak. Saya pun mendapat senarai buku-buku kecil - saya membuat senarai untuk semua percetakan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Syabas kerana ada tajuk-tajuk yang sangat baik dan saya pun berminat. Saya merupakan salah seorang pelanggan untuk membeli buku daripada DBP.

Cuma saya nampak keberkesanan DBP kerana kita berharap DBP dapat mempertingkatkan penggunaan bahasa Malaysia, walaupun di dalam buku cetakannya, kita nampak dia kata, hendak memajukan bahasa Melayu, seolah-olah orang Melayu sahaja yang boleh mempelajari bahasa. Itu bahasa saya juga, bukan bahasa Melayu ini dalam buku ini setiap kali bahasa Melayu. Bahasa itu,

bahasa saya juga, kalau saya belajar bahasa Jepun, menguasai bahasa Jepun, itu jadi bahasa saya, satu alat untuk berkomunikasi.

Walau bagaimanapun, saya berharap DBP dapat meningkatkan martabat dan standard bahasa Malaysia ini, mungkin tak lama lagi kita boleh jadikan bahasa Malaysia salah satu bahasa rasmi, bahasa pengantar di Bangsa-Bangsa Bersatu dan di persidangan antarabangsa yang lain. Itu maksud kita.

Cuma, kalau kita hendak capai tahap itu, kita mesti mengkaji semua aktiviti di dalam DBP supaya semua program dapat dijalankan dengan berkesan. Dan kita dapat RM29 juta peruntukan, kita mesti berjimat-cermat menggunakan wang ini dengan baik, jangan kita membazirkan wang ini kerana kita hendak nampak semua kedai-kedai buku itu walaupun ada yang diswastakan dan sebagainya, kita boleh jalankan kedai-kedai buku ini dengan baik.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, saya ingat masa Yang Berhormat sudah habis dah. Cukuplah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah habis? Tuan Pengerusi, banyak lagilah, setakat mempertingkatkan martabat bahasa, itu tak cukup!

**Tuan Pengerusi:** Yah! Cukup, sudah faham dah tu! [Ketawa] Saya pun faham, tambah lagi menteri, lagi dia faham ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada lagi banyak program Hospital Universiti dan program pendidikan swasta dan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN).

Tuan Pengerusi, di dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara, saya mengalu-alukan kalau kita mewujudkan satu majlis seumpama itu, cuma saya hendak mengetahui bagaimana majlis itu dapat memastikan 40% daripada penduduk Malaysia dapat mencapai tahap pendidikan tinggi, berbanding dengan sekarang 14% sahaja penduduk Malaysia yang mencapai tahap pendidikan tinggi. Kita hendak tahulah program yang diwujudkan untuk tujuan matlamat itu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya menggulung, mengenai Hospital Universiti, muka surat 231, Butiran 180000. Memang saya bersetuju Hospital Universiti ini mempunyai banyak masalah dan pihaknya berikhtiar untuk menyelesaikannya.

Tetapi, yang pertama, tahap dan mutu ijazah itu, saya pernah bangkitkan di sini dan saya akan terus bangkitkan sehingga tahap kelulusan di dalam semua ijazah di Hospital Universiti itu dapat mencapai tahap

antarabangsa. Kerana itulah hasrat kita. Kita hendak mencapai tahap yang bertaraf dunia.

Dengan itu, salah satu ukurannya, kita mesti dapat balik pengiktirafan dari Medical Council (Majlis Perubatan).

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini yang terpenting sekali sebelum saya habis, satu minit cukup!

**Tuan Pengerusi:** Pula!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, mengenai kekurangan doktor pakar. Baru-baru ini, hanya satu sahaja pakar bedah otak telah meletakkan jawatan. Sekarang mulai dari bulan depan, hospital yang begitu besar, satu pakar otak pun tak ada - pembedah otak! Walhal kita hendak melatih dengan sekolah bistari, kolej bistari dan universiti bistari, hendak meninggikan tahap otak semua orang Malaysia, tetapi pakar bedah otak tak ada di Hospital Universiti.

Tuan Pengerusi, ini macam mana? Ini bermakna walaupun ada rancangan untuk mempertingkatkan prestasi Hospital Universiti, tetapi program itu tidak mencukupi. Mengapa pakar-pakar ini meletak jawatan? Bukan sahaja kerana gaji, Tuan Pengerusi, ada yang bekerja dengan bertungkus-lumus, sehingga tidak ada masa. Misalnya, di jabatan surgery - pembedahan, kekurangan doktor-doktor pakar dan mereka terpaksa bergilir-gilir kerja lebih masa dan sebagainya. Itulah salah satu punca, faktor utama yang menyebabkan mereka meletak jawatan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji dan juga menyelesaikan masalah kekurangan pakar-pakar ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit.

6.47 ptg.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 170000 sehingga 270000 iaitu Universiti-universiti di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, kita ada sepuluh buah universiti di Malaysia dan ini sekali gus mempamerkan negara kita sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun di dalam segala bidang termasuklah di dalam bidang pendidikan tinggi.

Tuan Pengerusi, namun begitu, saya rasakan masih ada satu kekurangan lagi di kalangan

universiti-universiti kita ini, khususnya kekurangan dari segi identiti profesionalisme. Saya katakan begini, sebab di kalangan antarabangsa, universiti kita ini ataupun salah satu dari universiti kita ini, tidak ada mendapat tempat pengenalan ataupun tidak terkenal di peringkat antarabangsa sebagai satu institusi yang mempunyai satu kepakaran ataupun mempunyai satu penonjolan di dalam mana-mana bidang.

Kita ada banyak disiplin yang ditawarkan di universiti-universiti ini dan kerap kali juga pihak universiti mengadakan seminar dan juga persidangan sama ada di peringkat dalam negeri ataupun peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, tetapi setakat ini, belum ada lagi kita nampak satu-satu seminar ataupun satu persidangan yang menjurus kepada satu disiplin yang boleh dianggap terkenal di seluruh Malaysia. Sebagai contoh, saya ingin memetik Georgetown University di Washington D.C. yang terkenal dengan 'round table conference' di dalam bidang Linguistik, misalannya. Tetapi di negara kita, walaupun Universiti Malaya merupakan universiti yang tertua, tidak ada satu identiti sebegini yang diberi kepada universiti kita.

Tuan Pengerusi, jadi, pihak kementerian saya harap akan mengambil berat tentang hal ini. Cuba kita lihat apakah yang boleh kita buat, apakah pihak kementerian boleh buat, pihak universiti boleh buat untuk memilih satu bidang misalannya, satu bidang, satu disiplin yang boleh kita tonjolkan di dalam satu persidangan dan persidangan ini diadakan secara berkala sama ada sekali setahun atau dua kali setahun, di mana kita akan mengumpulkan pakar-pakar dari seluruh dunia untuk berkampung di tempat kita ini dan dengan cara itu barulah universiti kita ini akan terkenal sebagai satu pusat pengajian yang ada satu identiti.

Tuan Pengerusi, ini saya rasa boleh dibuat secara penggabungan tenaga mahir dan juga kepakaran. Tidak perlu hanya satu universiti sahaja dipertanggungjawabkan untuk mengadakan penonjolan begini. Kita boleh ambil satu universiti di mana universiti itu boleh dikira sebagai penyelenggara induk dan kemudian boleh diambil pula pakar-pakar bidang, pakar-pakar rujuk ataupun tenaga-tenaga yang mahir, profesor-profesor dari universiti-universiti lain di Malaysia ini yang mempunyai kepakaran dalam satu bidang yang dipilih dan kita tonjolkan bidang itu. Kita tonjolkan disiplin itu, kita adakan pengenalan, kita adakan promosi dan tiap-tiap kali kita panggil pakar-pakar seluruh dunia untuk membincangkan berkenaan disiplin yang kita pilih tadi. Dan insya-Allah kalau ini dibuat,

satu masa nanti bukan sahaja negara kita, universiti kita ini terkenal di daerah perantauan ini bahkan di seluruh dunia juga.

Saya rasa banyak bidang-bidang pengajian yang ada di Malaysia ini yang mungkin tidak ada di kebanyakan universiti di negara-negara lain. Jadi, kita boleh pilih, pilih mana sahaja bidang yang hendak, mana disiplin yang kita hendak, tetapi kita harus pupuk bidang itu. Kita harus mencari segala usaha untuk memaju dan menonjolkannya. Dan saya sangat-sangat berharaplah dalam masa-masa yang akan datang ini, satu disiplin akan dapat dipilih, satu gerakan ke arah penonjolan disiplin ini untuk memperkenalkan institusi pengajian tinggi kita di kalangan masyarakat akademik antarabangsa akan dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, butiran yang kedua yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Butiran 160000 iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka. Telah banyak rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang fungsi dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ini dan saya juga ingin memperkatakan tentang fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mempertingkatkan dan memperkembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita di tanah air kita ini.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat di sekeliling kita, memanglah kita akui bahawa bahasa Melayu ini telah semakin meningkat penggunaannya. Tetapi kita tidak boleh juga lari daripada kesedaran bahawa kebanyakan daripada struktur-struktur dan ayat-ayat bahasa Melayu yang digunakan khususnya dalam bidang tulisan mempunyai banyak kesalahan dari segi tatabahasa, dari segi struktur bahkan kadang-kadang menyeleweng langsung maksud-maksud yang dibawa oleh ayat-ayat ini.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, kadang-kadang kita dapati dalam surat khabar, iklan-iklan yang menggunakan ayat-ayat bahasa Melayu bukan sahaja ayat itu mempunyai struktur yang salah tetapi kadang-kadang mesej yang ada pada ayat itu tidak menggambarkan norma-norma ataupun mores bangsa kita iaitu bangsa Melayu yang digambarkan di dalam ayat itu. Sebagai contoh, satu iklan yang pernah saya baca di mana emak dan anak membincangkan tentang hendak membeli kain di sebuah gedung membeli-belah. Dalam ayat itu, anaknya memanggil emaknya dengan ayat yang berbunyi sebegini, "ooi mak, sudah beli baju baru?"

Jadi, walaupun ayat itu dari segi ayat lisan, dari segi struktur ayat-ayat lisan memang betul, dari segi strukturnya tetapi dari segi maksudnya, sudah menyalahi budaya kita, sopan-santun orang-orang

Melayu sendiri. Tuan Pengerusi, mana ada anak-anak Melayu yang memanggil emaknya, ooi. Jadi, ini dipamerkan di dalam iklan, dibaca oleh semua orang bukan sahaja daripada kaum Melayu, tetapi kaum-kaum lain yang fasih di dalam bahasa Melayu. Sekali gus, ini akan menggambarkan satu budaya yang tidak sihat, satu budaya yang bukan sahaja tidak sihat tetapi budaya yang salah, yang tidak ada pada orang Melayu tetapi diadakan dalam bentuk-bentuk iklan ini.

Jadi, saya mencadangkan di sini bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu institusi yang mengawasi tentang perkembangan bahasa ini harus peka tentang hal ini. Adakah Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya mempunyai satu mekanisme di mana Dewan Bahasa ini mengambil kira tentang penggunaan ayat-ayat di seluruh tanah air kita ini? Jangan kita hendak biarkan, misalnya kalau kesalahan itu berlaku di dalam surat khabar, maka hanya Kementerian Peneranganlah yang akan mengambil tindakan. Kalau iklan itu, kesalahan bahasa dalam iklan berlaku dalam kaca TV, maka RTM juga akan mengambil tindakan. Pada saya tindakan yang khusus, tindakan pada dasarnya, harus kita pertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya, membuat apa-apa kajian tentang penyalahgunaan bahasa di sekitar penggunaannya di Malaysia ini? Dan kalau ada, kenapa tidak diketarakan?

Saya beri contoh, di Amerika Syarikat misalnya, kita tahu bahawa di Amerika Syarikat bahasa ibundanya ialah bahasa Inggeris. Dan orang Amerika sendiri amat fasih berbahasa Inggeris, tetapi Tuan Pengerusi, apabila sampai masa komunikasi bertulis dan saya ingin petik satu kajian yang pernah dibuat di Marshall University, West Virginia United States of America, di mana seorang pengkaji itu telah mengutip semua surat yang dikeluarkan daripada jabatan ke satu jabatan di dalam universiti itu. Apabila diselidik, dibaca balik surat itu, didapati bahawa terlampau banyak kesalahan tatabahasa, kesalahan-kesalahan struktur bahkan kesalahan lexicon, penggunaan ayat pun ada, penggunaan prosa kata pun ada di dalam surat-surat yang dikirim daripada seorang profesor kepada seorang profesor yang lain.

Ini bukan menunjukkan bahawa profesor itu mungkin tidak mahir sahaja tetapi mungkin tidak ada rasa ambil berat, rasa prihatin terhadap

mengekalkan keindahan penggunaan bahasa itu sendiri kalau kita tengok di sini, Tuan Pengerusi, saya sendiri tidak ada masa untuk membuat satu kajian yang terperinci tetapi saya telah mengamati tiap-tiap surat daripada jabatan-jabatan kerajaan yang datang kepada saya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam banyak-banyak surat yang saya terima itu, banyak kesalahan bahasa yang saya dapati. Bukan sahaja kesalahan daripada struktur, tetapi kesalahan daripada ayat tergantung, maknanya satu ayat itu yang dibuat ditaruh noktah di hujungnya tidak ada maksud. Kalau kita ambil ayat itu sahaja tidak ada maksud. Sedangkan di dalam bahasa Melayu, tiap-tiap ayat itu harus mempunyai satu maksud yang tersendiri.

Jadi, ini berleluasa berlaku. Siapa yang hendak kita pertanggungjawabkan? Mungkin orang yang menulis itu sendiri, dia tidak sedar bahawa dia membuat kesalahan. Dan kadang-kadang kita yang berbahasa ibunda kita bahasa Melayu pun, kita beranggapan bahawa kita ini pandai dalam bahasa Melayu tetapi kalau kita menulis, belum tentu lagi kita pandai. Jadi, saya ingin cadangkan di sini bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka ambil peka tentang hal ini. Cuba buat kajian, tengok mana-mana surat yang dikirimkan jabatan-jabatan kerajaan misalnya. Saya tidak hendak sentuh jabatan swasta, mungkin swasta ini kita mungkin kata, tidak begitu ketat sangat penggunaan bahasa Melayu tetapi jabatan kerajaan, kita tidak ada kemaafan di sini. Sepatutnya mereka inilah, pegawai-pegawai inilah orang yang betul-betul mempamerkan kemahiran dalam penggunaan bahasa tetapi ini tidak berlaku.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang ingin saya sentuh ialah berkenaan pendaftaran syarikat-syarikat. Walaupun, pendaftaran syarikat-syarikat ini di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi saya rasa Dewan Bahasa dan Pustaka juga harus mengambil peka tentang nama-nama syarikat ataupun share company yang dikeluarkan saban hari.

Kadang-kadang kalau kita tengok, kita pergi minta sahaja satu senarai, Tuan Pengerusi, kita akan dapati kadang-kadang nama itu sengaja dibubuh, ditaruhnya dua perkataan Melayu tetapi tidak ada mempunyai maksud. Hendak katakan keindahan, unsur-unsur esthetik bahasa itu langsung tidak ada. Maknanya pun tidak ada, pakai ambil sahaja. Kadang-kadang kalau misalnya hendak katakan Kayu Tiga Sdn. Bhd. misalnya, ambil begitu sahaja, tidak ada unsur-unsur esthetik.

Jadi, bagaimana kita hendak memperkayakan bahasa kita? Bagaimana kita hendak menonjolkan bahasa kita ini sebagai satu bahasa yang indah, yang penuh dengan keindahan, kemurnian dan sebagainya sedangkan kita membiarkan bahasa itu disalahguna, diselewengkan dengan sewenang-wenangnya.

Jadi, saya rasa Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya perkatakan di sini pada kali ini dan saya sangat-sangat berharap agar pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil berat tentang hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pasir Puteh.

7.00 mlm.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.26, Butiran 020400 iaitu khusus untuk SSB.

Saya tahu bahawa kerajaan telah banyak kali mengubah skim gaji guru-guru ini dan yang akhir sekali ialah Skim SSB. Walaupun ada baiknya, tetapi masih ada lagi perkara yang tidak memuaskan kakitangan-kakitangan atau pegawai perkhidmatan perguruan, di mana kita tahu sistem ini tidak sesuai. Saya rasa sistem ini tidak sesuai untuk guru-guru kerana hasil dan 'barangan', kalau hendak dikatakan 'barangan-barangan' yang mereka sediakan ialah manusia, tidak seperti yang lain. Kalau di kilang kasut mereka dapat mengupah dan mengubahsuaikan, jika hasilnya tidak elok mereka boleh reka dan cipta semula.

Manusia ini tidak boleh direka cipta, mereka hendaklah menggunakan kepakaran profesional mereka di mana seberapa daya yang boleh melalui latihan dan amalan seharian supaya pelajar-pelajar ataupun murid-murid mereka itu keluar dengan hasil yang cemerlang, dengan pencapaian yang cemerlang. Dalam sistem ini, apabila akhir tahun pengetua atau guru besar membuat penilaian, penilaian ini tidaklah sama di antara satu pengetua dengan satu pengetua lain, bahkan berbeza-beza. Apabila sampai kepada Pejabat Pendidikan Daerah, penilaian ini sekali lagi berubah dan apabila sampai ke Pejabat Pendidikan Negeri ia akan berubah lagi dan apabila selesai, hasil yang diperolehi pada awal tahun, satu-satu sekolah itu mungkin ada dua atau tiga orang sahaja yang mendapat cara kenaikan gaji 'menegak' ataupun 'melintang'.

Kalau di sekolah itu mempunyai 100 orang guru, maka kalau 4 orang yang dapat 'menegak' dan 'melintang', maka 96 orang guru lagi tidak akan berpuas hati. Ini akan memberi satu masalah kepada

pentadbiran sekolah terutamanya guru besar ataupun pengetua dan juga penolong-penolong kanan mereka, kerana 96 orang ini merasa kecewa ataupun dalam keadaan frustrated. Pada hal, kita tahu semua guru ini menjalankan tugas bekerjasama secara kumpulan, semuanya terlibat untuk memberi pengetahuan kepada pelajar-pelajar dan juga menempuh peperiksaan. Jadi, dalam frustration ini, kadang-kadang dua atau tiga bulan berlanjutan guru tidak mahu buat kerja. Ada yang tidak mahu buat kerja, jadi mereka mengharap kepada 4 orang guru sahaja yang membuat kerja.

Oleh itu, sistem ini saya rasa tidaklah sesuai dan kenaikan gaji daripada tangga P1, P2 sampai P3 ini adalah tidak sesuai, kerana apabila seorang guru dapat kenaikan gaji selama dua kali iaitu 'melintang' dan 'menegak' selepas itu dia tidak akan bekerja kuat lagi. Walaupun dia tidak bekerja kuat, kenaikan gajinya tidak ada lagi cuma kenaikan tahunan yang setara sahaja, tidak ada 'menegak' dan 'melintang' lagi, iaitu tidak ada cross-bar.

Saya rasa apabila seseorang guru ini rajin, layak dan seharusnya diberi bonus bukannya diberi secara kenaikan 'menegak' atau 'melintang', tetapi dia diberi seterusnya seumur hidup ataupun hayat tugas mereka. Kalau mereka diberi bonus dua bulan ataupun tiga bulan gaji, tahun hadapan mereka akan berusaha lagi dan setiap orang guru tidak akan merasa kecewa kerana siapa yang rajin pada tahun berkenaan maka dia akan dapat bonus dan bonus ini tidaklah kekal sampai mereka ini bersara. Dengan ini frustration yang ada pada guru ini saya rasa boleh dihapuskan dan sistem yang ada sekarang patutlah diubah.

Saya minta kalau boleh Kementerian Pendidikan supaya mengkaji satu mekanisme yang mana sistem ini boleh diubah dan memberi kepuasan kepada guru-guru, memberi kepuasan kerja kepada mereka supaya tidak lagi bekerja hanya untuk mendapat cara kenaikan gaji cara 'menegak' dan 'melintang' sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan ini pelajar-pelajar tidak akan menjadi mangsa apabila guru-guru ini bekerja dengan rajin dan mereka akan memberi perhatian yang lebih, kerana mereka tahu apabila mereka rajin bekerja, mereka akan mendapat bonus. Tetapi dengan keadaan sekarang, walaupun mereka rajin macam manapun, bekerja luar lagi, kadang-kadang petang pun berada di sekolah, malam berada di sekolah, tetapi di akhir tahun pengetua atau guru besar tidak mengambil kira tentang pencapaian ataupun apa yang dilakukan oleh mereka. Kalaulah guru itu seorang guru ko-

kurikulum ia sentiasa berada di padang, jadi mereka yang sentiasa berdampingan dengan pengetua atau guru besar akan mendapat perhatian. Yang di padang tidak akan mendapat perhatian sama juga sekiranya dibandingkan tugas seorang polis. Jika Polis Trafik itu berada di jalan, ketua mereka tidak akan melihat apa yang dilakukan oleh pegawai yang bertugas di jalan raya, jadi yang berhampiran atau yang selalu berdekatan dengan ketua-ketua ini akan mendapat gaji 'menegak' ataupun 'melintang' ataupun mendapat bonus markah setiap tahun.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya hendak beralih kepada Maksud B.26, Butiran 010000 berkenaan dengan Bantuan Modal. Saya adalah seorang wakil rakyat yang datang dari luar bandar dan saya tahu di kawasan saya di Pasir Puteh, terutama dari segi alat bantu mengajar dan juga perpustakaan, saya rasa jauh perbezaannya kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Buku-buku masih berkurangan dan masih terdapat buku-buku lama dalam perpustakaan sekolah-sekolah di luar bandar ini. Alat bantu mengajar pula kadang-kadang kalau kita pergi ke sekolah itu, kita dapati ada sekolah yang tidak mempunyai alat-alat bantu mengajar, bahkan apa yang diprovide oleh guru-guru kalau guru itu rajin adalah alat, kalau guru itu tidak rajin - bukan semuanya tidak rajin, maka alat bantu mengajar ini tidak ada. Apa yang dibuat atau dilakukan oleh guru ialah papan hitam, kapur tulis dan buku teks sahaja. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan di luar bandar memberi perhatian terhadap perkara-perkara tersebut.

Satu perkara lagi, di tempat saya itu kebanyakannya sekolah-sekolah luar bandar ini tidak mempunyai padang permainan. Walaupun kebanyakannya ada, tetapi tidaklah sesuai kadang-kadang dan tiga sekolah mempunyai satu padang. Mereka terpaksa berkongsi padang seperti Sekolah Menengah Kamil di Pasir Puteh, ada empat sekolah iaitu sesi pagi dan petang, Sekolah Menengah Kamil; Sekolah Rendah Kamil I; Sekolah Rendah Kamil II - pagi - petang, hanya mempunyai satu padang yang sempit.

Jadi, padang ini tidak mencukupi dan memadai dengan sekolah menengah yang mempunyai lebih dari 2,000 pelajar dan semua sekali saya kira ada empat ataupun lima ribu pelajar di kawasan itu tetapi padang hanya satu padang bola sahaja. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan memberi perhatian dan minta kalau boleh diadakan padang sekolah ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, ya!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat Pasir Puteh ini, dia bekas PPD Pasir Puteh. Saya hendak tanya keadaan kita sekarang, saya dapati yang kawasan saya pun luar bandar juga. Saya dapati guru-guru di luar bandar tu adalah terdiri daripada guru-guru yang boleh dikatakan kurangnya sedikit sebab yang bagus, semua ditukar ke bandar.

Jadi, Yang Berhormat sebagai bekas pegawai pendidikan, tidakkah ini lebih membuatkan kemerosotan pelajar-pelajar di luar bandar? Sebab itu saya dalam ucapan dasar itu, saya mencadangkan kepada kementerian supaya guru-guru di luar bandar sepatutnya terdiri daripada guru-guru yang baik. Bagaimana kita hendak buat supaya guru-guru di luar bandar tu kalau dia tukar keluar bandar tu adalah satu kurniaan, satu kebanggaan kepada dia? Saya rasa kalau di sekolah luar bandar akan lebih baik. Ini Yang Berhormat cakap tentang alatan di sekolah luar bandar, ini sudah menghadapi masalah yang tidak sempurna tetapi dengan menambah guru-guru yang sentiasa frust memikirkan, tunggu masa, kalau dia kena tukar sebelah Sarawak, Sabah - dia tunggu tiga tahun hendak balik ke bandar. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat, sebagai pegawai pendidikan?

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah:** Saya rasa, Timbalan Menteri seharusnya menjawab soalan itu tetapi bagaimanapun, saya rasa, saya harus beri perhatian kepada guru berkenaan dengan memberi kemudahan dan insentif kepada mereka.

Pertama, rumah guru, kalau boleh setiap kali dibina sekolah baru di luar bandar hendaklah dimasukkan selalu peruntukan untuk ditambahkan rumah guru dan kemudahan-kemudahan lain, supaya guru, janganlah ada satu masa, dua tahun lepas, saya dah bercakap bila ditukar ke luar bandar terpaksa duduk dalam stor iaitu di pedalaman Pahang.

Jadi, kalau boleh bila dibina sekolah baru adakan rumah untuk guru seterusnya. Dan insentif yang lain, itu saya rasa kalau guru luar bandar ini, dahlah tidak ada rumah kadang-kadang kena naik bas - nak naik bas tu susah di setengah-setengah tempat di luar bandar. Tempat saya tu ada juga yang susah nak naik bas ataupun teksi. Kalau boleh guru-guru ini diberi juga kemudahan pinjaman kereta seperti pegawai-pegawai lain, saya minta kementerian beri perhatian terhadap perkara ini supaya ia sama seperti dengan orang lain, pegawai-pegawai kerajaan lain.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah:** Satu lagi sebagai akhir, Tuan Pengerusi, saya mintalah perkara tadi seperti padang permainan. Satu lagi di sekolah rendah dalam bandar tu - sekolah ada, padang tidak ada seperti sekolah tempat saya sendiri pun, kerana bangunan kilat ini terlalu banyak. Tanah itu habis dibuat bangunan, sekarang padang pun tidak ada.

Saya minta kalau kementerian dapat mengambil tanah dan menyediakan padang untuk sekolah-sekolah seperti dalam bandar dan juga di luar bandar. Saya rasa ini akan memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar dan juga guru untuk pergerakan kokurikulum mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawab. Yang Berhormat boleh menjawab sebelum 8.45 nanti selesai.

7.15 mlm.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus]:** Bismillahi Rahmanir Rahim, Tuan Pengerusi. Pertamanya saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan berbilang terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1997 peringkat Jawatankuasa dan telah membangkitkan berbagai perkara dan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya akan memberi penjelasan secara umum dan mana-mana yang perlu secara spesifik kerana terdapat beberapa perkara yang telah disentuh dan minta penjelasan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong dalam ucapannya telah memilih isu peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya ingin jelaskan dan membetulkan beberapa keraguan yang ditimbulkan. Berhubung dakwaan beliau bahawa Dewan Bahasa hanya menumpukan penerbitan karya sastera dan tidak memberikan perhatian kepada pengumpulan khazanah ilmu. Memang tidak dapat dinafikan, Dewan Bahasa dan Pustaka menggalakkan pembinaan khazanah sastera dengan memberi hadiah dan anugerah.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 1997 iaitu tahun depan, Dewan Bahasa dan Pustaka akan menggerakkan Anugerah Tun Syed Nasir dan anugerah ini akan diberi kepada tokoh-tokoh penjuang bahasa. Penerima yang layak menerima anugerah ini, Tuan Pengerusi, ialah mereka yang terlibat dalam usaha meningkatkan penggunaan

bahasa Melayu dengan cara sama ada menerbitkan buku pelbagai ilmu dalam bahasa Melayu, menulis dan menterjemah buku ke dalam bahasa Melayu dalam pelbagai ilmu dan giat dalam memperjuangkan penggunaan bahasa Melayu.

Selain dari itu, Persatuan Linguistik Malaysia memberi hadiah bahasa untuk menggalakkan penghasilan tulisan dalam bidang ilmiah seperti sains teknologi, undang-undang dan sebagainya bagi golongan pembaca dewasa dan remaja. Ini dari sudut bukan karya-karya sastera. Persatuan Penterjemah Malaysia pula, memberi Anugerah Karya Terjemahan yang dimulakan dalam tahun 1991 bagi menggalakkan usaha penterjemahan dalam semua bidang ilmiah. Perlu dijelaskan juga insentif kepada penterjemah-penterjemah yang diberi oleh Dewan Bahasa adalah cukup baik, dengan bayaran bagi kerja terjemahan yang paling tinggi dapat pelepasan cukai.

Selain daripada itu, insentif lain ialah pemberian Anugerah Karya Terjemahan Terbaik oleh Persatuan Penterjemah Malaysia bagi penterjemahan dalam pelbagai bahasa.

Mengenai tugas penerbitan untuk institusi pengajian tinggi, ia telah diserahkan untuk ditangani oleh penerbit universiti. Namun, Dewan Bahasa dan Pustaka masih menerbitkan untuk IPT bagi bidang bahasa, sastera, undang, tamadun dan agama Islam.

Dewan Bahasa juga tetap meneruskan usaha penerbitan buku bacaan umum untuk pembaca dewasa, remaja dan kanak-kanak dalam pelbagai bidang. Berhubung penerbitan buku Indonesia, agar diterbitkan semula dengan pengubahsuaian kepada ejaan bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dan sedang menerbitkan buku-buku dalam bahasa Indonesia dengan cara memadankan bahasa Indonesia kepada bahasa Melayu agar buku berkenaan dapat difahami oleh pengguna di Malaysia.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mempersoalkan .....

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa. Dalam hal ini, saya agak terkilan dengan peranan Institut Terjemahan Negara, semalam saya bertanyakan berapa jodol yang dia telah terjemah selama ini dan availability ataupun kehadiran buku-buku ilmu secara umum ataupun general knowledge book. Umpamanya buku-buku

mengenai perkembangan teknologi semasa agak terlalu lambat untuk diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Ini juga merupakan satu constraint kepada penimbaan ilmu oleh rakyat yang hanya mahir dalam bahasa Melayu. Tidakkah perkara ini akan diatasi supaya rakyat kita tidak tertinggal dan tidak wujud jurang penimbaan ilmu ini antara rakyat Malaysia yang boleh menguasai bahasa asing dengan rakyat Malaysia yang hanya boleh berbahasa Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dan menyambut baik pandangan yang beliau berikan. Insya-Alah, kita akan cuba memperbaiki lagi sebarang kekurangan ataupun apa juga bentuk kekurangan yang ada di ITN di masa-masa yang akan datang supaya dapat menampung keperluan kita di masa-masa yang akan datang dari segi hendak menyediakan gedung ilmu yang lebih banyak untuk menampung keperluan anak bangsa kita di tanah air ini, insya-Allah.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mempersoalkan persediaan Kementerian Pendidikan untuk membolehkan guru-guru menghadapi cabaran era teknologi maklumat. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan berhasrat memastikan semua guru celik komputer menjelang tahun 2000. Dalam usaha ke arah itu, Kementerian Pendidikan mempunyai pelbagai strategi melalui Program Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan dan Praperkhidmatan.

Melalui program dalam perkhidmatan, kementerian mempunyai strategi melatih jurulatih utama ataupun master trainers, dengan izin, dalam latihan untuk guru-guru melalui Kursus Dalam Perkhidmatan. Pada peringkat permulaan, seramai 4 orang guru bagi setiap sekolah rendah dan menengah akan diberi pendedahan dalam bidang multimedia.

Kementerian Pendidikan akan melatih seramai 985 orang guru sekolah rendah sebagai jurulatih utama dalam masa cuti iaitu mulai 9hb. hingga 20hb. Disember 1996 yang akan datang ini di 31 buah maktab perguruan. Kumpulan kedua seramai 450 orang jurulatih utama sekolah rendah akan diadakan pada bulan Februari 1997, manakala seramai 315 orang guru sekolah menengah akan dilatih sebagai jurulatih utama pada bulan Mei 1997.

Selanjutnya, jurulatih utama akan melatih guru-guru di semua sekolah rendah dan menengah dalam 4 mata pelajaran iaitu Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dijangkakan seramai 34,000 orang guru dapat dilatih sepanjang tahun

1997. Di samping itu, guru-guru Teknologi Maklumat juga dilatih melalui latihan praperkhidmatan menerusi kursus KPLI dan KPLD. Kementerian juga menyediakan kursus Teknologi Maklumat di bawah program KDP selama 14 minggu dan KDPK selama setahun.

Yang Berhormat dari Kelang telah menimbulkan isu penempatan dan pertukaran guru pada.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun. Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berkenaan dengan kursus pada 9hb. hingga 21hb. Disember, latihan pertama untuk melatih master trainers atau jurulatih utama dan selepas itu mereka akan melatih guru-guru yang lain di sekolah masing-masing. Adakah ini bererti bahawa Kementerian Pendidikan berpuas hati bahawa dengan latihan 11 hari? Tentu tidak sampai 11 harilah, ada weekends. Sungguhpun ada 11 hari, cukup untuk melatih master trainers dalam IT - 11 hari sahaja. Bukankah ini sangat aneh? Tentu masa yang lebih panjang adalah perlu, bukan sahaja untuk menguasai teknologi komputer, tetapi juga teknologi baru dalam pendidikan IT.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyatakan bagaimana 250,000 guru-guru yang bertugas di dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah boleh dilatih dalam tiga tahun ini sebelum tahun 2000?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, seperti yang saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, di kalangan guru-guru kita sekarang pun memang sudah ada guru-guru yang memiliki satu tahap pengetahuan ataupun kemahiran dari segi menggunakan ataupun menyelenggarakan dan mengendalikan komputer ini. Kita berharap dari semasa ke semasa dapat melipatgandakan dan merebakkan kemahiran di kalangan guru-guru kita melalui program-program yang kita kendalikan dari semasa ke semasa ini.

Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong faham, we have got to start from somewhere dan kita akan cuba mencari jalan untuk menampung keperluan kita. Saya percaya apabila langkah-langkah ini dibuat, kita akan cuba pastikan apa sahaja cara yang boleh kita cuba percepatkan usaha-usaha ini, tindakan itu akan kita ambil bagi menampung keperluan masa depan kita.

Saya menghormati pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan kita amat sedar. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong curious, kita pun lebih curious untuk mencari jalan

macam mana, how best we can deal with this matter untuk menampung keperluan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Memang saya setuju seratus peratus that we have to start from somewhere dan tentulah Kementerian Pendidikan akan mendapat sokongan yang sepenuhnya dari pihak di sini mengenai usaha-usaha untuk membolehkan guru-guru kita mahir di dalam IT supaya boleh melatih satu generasi yang baru yang mahir di dalam IT. Tetapi, bukan sahaja masalah untuk melatih guru-guru mahir di dalam IT, bukan sahaja untuk memberi kursus, tetapi untuk memberi peluang environment atau suasana di mana mereka boleh hands-on mengenai IT. Bukan sahaja pergi ke sekolah ada PC, tetapi di rumah dan di dalam way of life mengenai IT dan sebab itu adakah Kementerian Pendidikan menimbangankan dua cadangan yang saya buat?

Yang pertama, supaya mereka hands-on mengenai IT, bukan sahaja di sekolah, tetapi di rumah mereka bahawa mereka boleh memberikan kemudahan untuk membeli personal computer di rumah dan untuk menggalakkan mereka hooked Internet, memberi diskaun supaya mereka fasih, hands-on, supaya mereka ada budaya, fikiran dan kebiasaan dalam IT, satu loan scheme untuk semua guru membeli komputer dan satu discount rate untuk semua guru subscribe Internet.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ada buat pengumuman, tetapi surat khabar tidak siarkan. Kita sedang berusaha untuk menyediakan satu kemudahan bagi guru-guru kita memiliki komputer sendiri. Tiap-tiap guru, kita cuba hendak sediakan kemudahan ini dan kita sedang rundingkan. Kita harap masanya akan sampai, saya kata di mana guru kita tidak payah pakai buku dan buku jadual kerja dan lain-lain lagi. Dia boleh pakai disket sahaja. Begitu juga di kalangan murid-murid. Jadi, kita berfikir ke arah environment yang begitu dan kita kena uruskan perkara ini dengan betul supaya kita dapat mencapai matlamat kita.

Saya percaya kalau kerajaan menyediakan satu peruntukan yang cukup dan munasabah bagi membolehkan setiap guru itu memiliki komputer masing-masing, maka sudah pasti ianya akan dapat memberi kesan yang besar di dalam usaha kita hendak mewujudkan satu budaya di kalangan semua tenaga atau lapisan masyarakat yang terlibat di dalam pendidikan ini lebih memahami dan menguasai selok-belok masa depan dunia pendidikan yang saya berpendapat akan bertumpu kepada soal-

soal yang ada hubungkait dengan Information Technology ini. Jadi, perkara itu memang sudah mula kita uruskan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kelang telah menimbulkan isu penempatan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah selesai semua isu yang saya bangkitkan khasnya mengenai 2,000 sekolah yang tidak ada bekalan elektrik?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang Berhormat, kalau saya hendak tambah sedikit lagi Yang Berhormat. Bila kita sebut soal ini kita juga kena ingat how do we maintain ourself, the maintenance portion, Yang Berhormat pun faham benda ini bukan?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Mengangguk]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kalau tidak faham, faham? Okay.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya, insya-Allah akan sampai ya. *[Ketawa]* Ahli Yang Berhormat dari Kelang telah menimbulkan isu penempatan dan pertukaran guru pada awal tahun dan terdapat guru yang dihantar ke negeri lain. Penempatan guru adalah berdasarkan kepada keperluan tiap-tiap negeri. Oleh kerana keperluan guru adalah mengikut option guru, maka proses penempatan guru adalah berdasarkan keperluan option bagi tiap-tiap negeri. **S e k i r a n y a** sesebuah negeri mempunyai guru yang mencukupi, maka guru yang berasal dari negeri tersebut tidak dapat lagi ditempatkan di negeri asal guru berkenaan, sebaliknya perlu ditempatkan di negeri yang memerlukan khidmat mereka.

Kementerian Pendidikan perlu mengutamakan keperluan perkhidmatan di samping mengambil kira faktor kemanusiaan. Mamandangkan terlalu ramai guru memohon bertukar atas pelbagai alasan, maka permohonan mereka sedia ditimbang dengan teliti untuk membolehkan penempatan guru-guru dibuat secara adil dan mengikut keperluan.

Berhubung dengan kursus-kursus peningkatan motivasi di kalangan guru seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, bidang, dengan izin, attitude reengineering telah dimasukkan dalam kurikulum Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) iaitu kursus setahun bagi guru-guru terlatih dan juga Kursus Perguruan Asas dengan harapan untuk menanamkan sikap serta pemikiran yang lebih

positif di kalangan guru, agar mereka lebih berketrampilan dalam menghadapi tugas yang semakin mencabar.

Isu kekurangan guru telah beberapa kali ditimbulkan dan diberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor mengenai melatih guru-guru yang mencukupi bagi sekolah rendah kebangsaan (Cina), perlu ditegaskan bahawa perancangan pengambilan guru pelatih sentiasa mengambil kira keperluan guru di sekolah berkenaan. Di antara tahun 1997 hingga 1999, seramai 1,654 orang guru pengajian Cina sedang dilatih. Jumlah ini termasuk seramai 392 orang guru sementara yang mengikuti Kursus Dalam Cuti Khas yang dimulakan pada bulan Februari 1996.

Berhubung elaun guru sekolah agama rakyat yang tidak mencukupi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang, perlu dijelaskan, sekolah agama rakyat ditadbir oleh kerajaan negeri. Namun demikian, Kerajaan Pusat telah memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini dalam bentuk kewangan bagi menambahkan elaun para guru. Kerajaan Pusat tiada halangan untuk menerima mana-mana sekolah ini jika diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Akhirnya masalah elaun guru dapat diatasi apabila guru-guru dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyarankan agar latihan guru prasekolah diperluaskan. Seramai 587 orang pelatih telah diambil untuk mengikuti Kursus Prasekolah di bawah diploma perguruan Malaysia (DPM). Jumlah pengambilan akan ditambah kepada 1,200 orang bagi pengambilan tahun 1997. Bagi memastikan guru-guru terlatih dalam bidang prasekolah mencukupi, kursus peralihan 14 minggu dalam bidang prasekolah bagi guru terlatih juga akan dikendalikan dalam tahun 1997. Sasaran Kementerian Pendidikan ialah melatih seramai 2,000 orang guru terlatih untuk prasekolah melalui kursus 14 minggu dalam tahun 1997.

Kementerian Pendidikan juga telah membuat persetujuan dengan agensi-agensis lain seperti Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk meneruskan kelas prasekolah yang telah dijalankan oleh agensi-agensis yang berkenaan. Kementerian Pendidikan akan menambah bilangan kelas pra-sekolah di samping menambah kemudahan kepada 1,131 kelas pra-sekolah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan.

Berhubung cadangan agar kegiatan kemasyarakatan dan sukarela diberi pertimbangan dalam kenaikan pangkat guru yang juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, perlu dijelaskan kenaikan pangkat guru adalah berdasarkan kekosongan jawatan naik pangkat dan pencapaian prestasi perkhidmatan. Dalam hubungan ini, kegiatan sukarela, kemasyarakatan, sukan dan sebagainya memang diambil kira dalam kriteria laporan nilai prestasi tahunan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, Ipoh Timor dan Senai telah mencadangkan agar dipertingkatkan kemudahan fizikal untuk sekolah-sekolah bantuan modal, sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil). Kementerian Pendidikan sememangnya dari masa ke semasa memberi bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan terutamanya dari segi kemudahan bilik darjah dan lain-lain kemudahan fizikal. Dalam tahun 1996 sahaja.....

**Tuan Lim Si Cheng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** ....sebanyak RM23 juta telah diperuntukkan di bawah program bantuan modal.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Bantuan untuk membaik pulih serta menaik taraf kemudahan fizikal sekolah-sekolah sentiasa diberikan kepada sekolah-sekolah.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini Senai bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semalam dalam ucapan perbahasan saya, saya menyentuh masalah yang berlaku seperti contoh di Johor Bahru di mana di taman perumahan terdapat kebanyakan penduduknya terdiri dari keturunan Cina dan ramai kanak-kanak dari kawasan perumahan itu masuk ke SRJK(C). Masalahnya di tempat perumahan itu tidak

ada SRJK(C), jadi terpaksa murid-murid dari kawasan perumahan itu dihantar ke tempat lain. Jadi, untuk menjimatkan masa dan beban ibu bapa juga keselamatan murid-murid, saya ingin mendapat tahu sama ada kerajaan atau Kementerian Pendidikan ada mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah yang telah saya bangkitkan malam tadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya akan sampai ke situ ya. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM81.6 juta telah disediakan untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf sekolah-sekolah. Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran mengenai kemudahan asrama pelajar di sekolah-sekolah luar bandar, pedalaman. Suka saya nyatakan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM109.4 juta bagi membina asrama di sekolah luar bandar dan di seluruh negara. Kementerian ini menyedari keperluan asrama di SMK Ilapura dan akan mengambil perhatian mengenai keperluan tersebut dan kalau perlu saya pergi ke sana, insya-Allah saya akan sampai ke sana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Libaran juga, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah merancang sebanyak 397 projek untuk sekolah menengah akademik yang terdiri daripada 200 projek sekolah baru, 166 projek tambahan dan 31 projek gantian. Bagi program pendidikan rendah, sebanyak 763 dirancang terdiri daripada 284 projek baru, 118 projek gantian dan 361 projek tambahan.

Mengenai masalah sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang telah beberapa kali ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kementerian Pendidikan memang sedar akan perkara tersebut. Untuk mengatasi masalah tersebut beberapa tindakan sedang diambil. Antaranya sekolah-sekolah yang belum ada bekalan elektrik sedangkan kawasan sekitarnya telah mempunyai bekalan elektrik, maka bekalan elektrik akan disambung dengan kadar yang seberapa segera yang boleh kerana kita bergantung kepada TNB. Bagi sekolah yang belum ada bekalan elektrik, rancangan untuk pembekalan elektrik akan dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad dalam tahun 1997, manakala sekolah-sekolah yang belum ada bekalan elektrik dan TNB belum ada rancangan hendak menyediakannya seperti di pulau-pulau dan di ladang-ladang kecil, bekalan elektrik dibekalkan melalui generator set dan telah dibekalkan. Dengan langkah tersebut Kementerian Pendidikan percaya masalah yang dialami oleh sekolah-sekolah yang sama ada belum ada bekalan elektrik dan tidak cukup bekalan elektrik diharap akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kemampuan TNB, lokasi sekolah serta peruntukan semasa.

Saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi bagi menjelaskan perkara yang berhubung dengan institusi pendidikan tinggi swasta seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,....

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sekolah-sekolah tanpa bekalan elektrik. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka beberapa sekolah yang tidak ada bekalan elektrik dalam enam bulan ini sejak beliau memberi jaminan perkara ini akan diberi keutamaan dan beri angka kepada saya? Dalam tempoh 6 bulan ini, berapa buah sekolah sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah yang sudah diberi bekalan elektrik dalam tempoh 6 bulan?

Yang kedua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa bekalan elektrik akan bergantung kepada Tenaga Nasional, bukankah ini bererti ada elemen uncertainty yang menunjukkan mungkin TNB tidak boleh memasang semua, memberi kemudahan bekalan elektrik kepada semua sekolah menjelang tahun 2000. Kalau begitu, tentulah rancangan atau pengumuman Kementerian Pendidikan bahawa akan membekalkan komputer kepada semua sekolah tahun 2000 tidak bererti. Ada sekolah akan dapat komputer, tetapi tidak ada bekalan elektrik, komputer itu untuk pameran sahaja, bukan untuk kegunaan. Akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka yang setepatnya berapa sekolah tanpa electricity, oleh kerana sampai sekarang ada 3 set angka; 1,310, 900 lebih dan sekarang lebih daripada 2,000. Apa angka yang tepat, tidak boleh ada 3 set angka?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkehendakkan angka-angka untuk 6 bulan yang pertama, angka itu tidak ada pada saya sekarang, tetapi saya boleh beri. Insya-Allah, saya uruskan, ya.

Saya suka jelaskanlah, memang terdapat perbezaan angka-angka. Bila Yang Berhormat dari Tanjong minta kepada saya, saya hantar secara hitam putih. Lepas itu timbul benda lain. Saya telah cuba mendapatkan angka-angka yang mana satu betul fasal kadangkala saya pun keliru. Jadi, mengikut angka yang ada di depan saya sekarang.

This is should be the latest. Kalau dia berubah lagi saya tak tahu. But this is the latest figure yang dimaklumkan kepada saya yang terkini. Oleh kerana Yang Berhormat sebut, saya kena sebutlah jelaskan supaya jangan kita keliru. Pokoknya sasaran kita. Ini bukan isu sangatlah. Discrepancy here and there, kita manusia biasa, kita dapat angka ini daripada rata tempat. Tetapi kita cuba cari jalan untuk selesaikan.

Saya hendak sebut dalam Dewan yang mulia ini, sekolah yang tidak mendapatkan bekalan elektrik ditentukan mengikut definisi seperti berikut:

- (i) tiada langsung bekalan elektrik; *[Ketawa]* catatlah!
- (ii) bekalan elektrik untuk tempoh masa terhad dengan menggunakan alat generator.

These are the two types of bekalan. Jadi, di Semenanjung yang tiada bekalan elektrik langsung, 43 buah. Di Sabah - 280 buah. Di Sarawak - 92 buah. Jumlah yang tiada bekalan langsung 415 buah sekolah. Bekalan terhad, di Semenanjung - 103, Sabah - 215, Sarawak - 540. Jumlah - 858. Jadi, jumlah semuanya itu ialah 1,273. Kementerian ini sentiasa mengambil berat terhadap sekolah-sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

Pertama, bagi kawasan yang telah ataupun akan mendapat bekalan elektrik dalam tahun 1997 melalui TNB, SESCO dan LLS. Tindakan akan diambil untuk membuat penyambungan bagi membekal elektrik ke sekolah-sekolah. Pihak TNB, SESCO dan Lembaga Elektrik Sabah (LLS) mempunyai perancangan untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan yang belum mendapat bekalan. Bagaimanapun, kita tidak dapat menentukan bilangan sekolah.

Kedua, khusus bagi Sarawak, permohonan telah dibuat kepada kerajaan negeri untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah melalui Rural Electrification Programme, dengan izin, ataupun dalam Bahasa Malaysia Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Ketiga, membekalkan alat generator ke sekolah yang belum mendapat bekalan elektrik, termasuk mengadakan pendawaian sekiranya belum lagi dipasang.

Jadi, hendak menjelaskan perkara kedua Yang Berhormat bangkitkan tadi, iaitu mengenai sama ada ada element of certainty dengan TNB, suka saya

jelaskan ini bukan soal uncertainty. Soalnya ialah soal bagaimana kerja ini diuruskan. Kita tidak boleh menafikan. TNB pun ada keutamaan dia. Tetapi kita rundingkan, kita maklumkan agensi kepada TNB dan kita cuba selesaikan secara bersama. Setakat itu saya dapat jelaskan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tak puas lagi! La!

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam 6 bulan ada 4 set figure. Tetapi saya tak salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi 4 set figure ini sangat mengelirukan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi, adakah senarai penuh sekolah-sekolah kedua-dua kategori sekolah-sekolah ini yang disebutkan, dan kalau ada, bolehkah senarai ini diberikan?

Yang kedua, sungguhpun TNB dan Kementerian Pendidikan ada priority masing-masing, bukankah perlu priority untuk memberi bekalan elektrik kepada sekolah supaya mereka tidak menjadi information poor, information disadvantage pun patut menjadi keutamaan bukan sahaja Kementerian Pendidikan tetapi keutamaan kepada TNB? Inilah sangat mustahak dan sebab itu bolehkah satu jaminan diberi bahawa menjelang tahun 2000 semua sekolah akan dapat bekalan elektrik? Kalau tidak, komputer untuk apa? Beri komputer untuk sekolah tanpa elektrik untuk apa?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kita pun faham. Yang Berhormat tak payah ceritalah, kita pun faham buat kerja ini! *[Ketawa]* Jadi, kita faham akan keadaan ini. Yang kita kata tahun 2000 itu target kita. That is our intention. Hasrat kita untuk mencapai, itu kita buat kerja ke arah itu. Tinggal lagi kita pun tahu problem yang ada, hazard yang ada, halangan-halangan, obstacle. Yang Berhormat pun tahu juga, bukan tak tahu. Tetapi....

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Gerik bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam senarai sekolah-sekolah yang tidak ada elektrik ini termasuk di antaranya beberapa sekolah di Gerik,

iaitu Sekolah Kebangsaan Air Banun, Sekolah Kebangsaan Air Dalah, Sekolah Kebangsaan Pos Kemar dan Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang, yang mana sekolah-sekolah ini merupakan sekolah kebangsaan yang semua pelajar-pelajarnya anak-anak Orang Asli yang baru diambil daripada Jabatan Orang Asli?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Itulah keadaannya Yang Berhormat. Itu belum masuk pulau, belum masuk Kampung Bantal. Kampung Bantal Yang Berhormat tahu dekat mana? Jadi, saya kata pokoknya kalau Yang Berhormat kata pandangan kita, sikap kita terhadap - kalau kita tidak ambil tindakan nanti wujud satu suasana di mana anak-anak akan keciciran dalam bidang ini, kita memang tidak hendak keadaan yang semacam itu. Hasrat kita, kita mahu anak bangsa kita tak kira Melayu, Cina, India, kita hendak semua orang ini dapat menikmati semua kemudahan ini. Tetapi saya minta Yang Berhormat kena faham masalah yang ada di depan kita ini. Tidak ada membangkitkan hendak lambat-lambat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Cukuplah, Yang Berhormat, ini pun sudah pukul 8.00.

**Tuan Lim Kit Siang:** Final. Tentulah kita tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata faham. Kita tahu - faham, tetapi faham tidak cukup. Sense of urgency, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan ada bangun mengatakan sekolah-sekolah dalam kawasanya pun tidak ada bekalan elektrik, nampaknya dia sangat bangga. "Kawasan saya pun ada sekolah-sekolah tanpa elektrik". Sepatutnya dia rasa malu, bukan bangga - rasa malu. Sungguh pun ada bising-bising kata di Pulau Pinang.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tujukan kepada siapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apa interaction oleh kawan dia, sungguhpun ada kata sekolah-sekolah di Pulau Pinang tidak bermasalah. Itu menunjukkan sungguhpun di Pulau Pinang tidak ada masalah ini, tetapi dipihak sini, kita pun prihatin mengenai masalah ini. Kita tidak kira apa kaum dan apa kawasan. Itu adalah untuk kepentingan rakyat Malaysia. Baik?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Okay Yang Berhormat, kita akan buatlah. Tidak usah panjang-panjang cerita. Panjang lagi saya hendak jawab ini. Terima kasihlah di atas semua pandangan itu. Saya ucap terima kasih ini tau - hormatlah sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentang senarai?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tentang senarai ini, saya akan cuba sediakan. Macam biasalah - if I have get the green light, I'll give you, but if don't have the green light, I don't give you. Faham tak?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, dalam keadaan ini saya masih banyak yang hendak dijelaskan - insya-Allah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, masa berjalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi bagi menjelaskan perkara yang berhubung dengan penubuhan institusi pendidikan swasta. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Berjalan keluar Dewan]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sudah balik dah. Tui, tui, tui.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Hendak balik dah? Duduklah - dengar. Apa ini? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong, walaupun pernah diberitahu dalam Dewan yang mulia ini, apabila berkuatkuasa akta IPTS pada tahun 1996, akan membolehkan penubuhan IPTS bertaraf universiti, kolej universiti atau kampus cawangan bagi sesebuah universiti dalam atau luar negeri. Permohonan bagi penubuhan sesebuah universiti swasta hanya boleh dibuat atas pelawaan Menteri Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah menerima permohonan untuk menubuhkan kampus cawangan University of London dan Universiti Monash. Beberapa pihak lain juga pernah mengemukakan cadangan yang sama, tetapi membatalkan atau menangguhkan rancangan-

rancangan mereka selepas diberitahu belum ada peruntukan undang-undang yang membolehkan penubuhan institusi seumpama itu iaitu sebelum berkuatkuasanya Akta IPTS 1996.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan melalui Peruntukan 22, Akta IPTS 1996, telah mempelawa Telekom Malaysia Bhd. Pada 8hb. Oktober, 1996 untuk menubuhkan Universiti Telekom (UNITEL). Pada 6hb. Disember, 1996 ini, insya-Allah, PETRONAS akan dipelawa untuk menubuhkan Universiti PETRONAS. Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah menyatakan hasratnya untuk mempelawa Tenaga Nasional untuk menubuhkan universiti swastanya.

Laporan-laporan akhbar menggambarkan bahawa beberapa pihak telah merancang untuk menubuhkan universiti swasta, misalnya University of New South Wales, Messachuset University of Technology (MIT) untuk menubuhkan cawangan di Malaysia. Beberapa kerajaan negeri dan agensi-agensi tempatan juga diberitakan merancang untuk menubuhkan universiti masing-masing. Bagaimanapun, setakat ini pelawaan belum dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana permohonan belum diterima.

Mengenai isu Kolej New Era (New Era College) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong dan juga Yang Berhormat Ipoh Timor, kertas cadangan permohonan penubuhan Kolej New Era di Kajang diterima pada 8hb. Oktober 1996. Dalam memproses kertas cadangan, didapati permohonan tidak menepati salah satu syarat penting penubuhan IPTS, iaitu syarikat hendaklah mempunyai 30% ekuiti bumiputera. Syarikat yang memiliki Kolej New Era, iaitu Dong Jian Zhong Higher Learning Sdn. Bhd. dilaporkan sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan tidak mempunyai pemegang saham. Oleh yang demikian, permohonan penubuhan Kolej New Era agak sukar dipertimbangkan setakat ini. Pada masa ini terdapat 60 buah sekolah swasta Cina.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sukar ditimbang, adakah ini sebenarnya bererti bahawa tanpa penganjur Kolej Zaman Baru (New Era College) boleh mematuhi peraturan itu, di mana ada 31% saham dimiliki oleh bumiputera bahawa permohonan New Era College tidak berjaya. Adakah kelonggaran dalam

peraturan-pertaruan dan adakah ini dalam peraturan akta. Dalam ingatan saya ini tidak ada dalam Akta IPTS. Adakah ini terdapat dalam peraturan-peraturan dan kenapa peraturan-peraturan yang begitu inflexible?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, apabila Akta IPTS ini diwujudkan, maka ada perkara-perkara yang perlu diikuti dan salah satu daripadanya ialah 30% ekuiti bumiputera. Jadi, ini tidak melibatkan kolej-kolej ataupun institusi-institusi yang ditubuhkan sebelum adanya Akta IPTS ini. Itu keadaannya.

Berhubung kesukaran yang dihadapi oleh IPTS untuk mendapatkan tenaga pengajar sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini di bawah peraturan-peraturan? Apa peraturan-peraturan itu? Dan kenapa peraturan-peraturan ini disetujui oleh semua pihak dan semua parti-parti komponen Barisan Nasional? Oleh kerana ini tentulah tidak adil di mana ada kolej-kolej yang sebelum akta itu diluluskan tidak perlu mematuhi. Adakah ini terdapat dalam peraturan-peraturan? Dan apakah peraturan-peraturan ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ia adalah Akta IPTS ini. It is inside there dan juga peraturan-peraturan yang kita buat.

Jadi, berhubung dengan kesukaran yang dihadapi oleh IPTS untuk mendapatkan tenaga pengajar tempatan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, pihak IPTS sanggup untuk mendapatkan pensyarah dari luar negara, malah IPTS yang ternama sanggup memberi ganjaran tinggi kepada mereka. Dalam hal ini mereka diperlukan mendapat pas panggilan sebelum diberi mengajar.

Mengenai inovasi di IPTS seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, Kementerian Pendidikan menggalakan IPTS mengedalikan kursus-kursus yang selaras dengan kehendak negara.

**Dr. Nugsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih. Sebenarnya yang saya bangkitkan ialah bukan masalah untuk mendapatkan pensyarah di IPTS. Tetapi bagaimanakah kementerian, melalui usaha pengkorporatan ini boleh menyelesaikan masalah kekurangan tenaga akademik di IPT awam? Dan apa yang saya bangkitkan semalam ialah, kalau melalui usaha kita memasukkan pensyarah-pensyarah dari luar negeri dan memberikan mereka keistimewaan yang tidak diberikan kepada pensyarah-pensyarah IPT Awam, maka ini merupakan satu lagi faktor yang boleh melemahkan atau kurang menjadikan profesion mengajar dan membuat penyelidikan di universiti itu kurang menarik daripada apa yang ada sekarang, tetapi permasalahan yang saya bercakap sebenarnya adalah pada IPT Awam.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya akan sampai ke situ, Yang Berhormat.

Galakan yang diberi kepada pensyarah-pensyarah tempatan supaya mereka berkhidmat di ITP Awam ialah dengan mengkorporatkan universiti-universiti tempatan. Kita berharap dengan pengkorporatan ini pihak universiti akan dapat menawarkan skim perkhidmatan yang lebih menarik dengan mewujudkan skim gaji yang flexible dan kita harap juga melalui sistem insentif bagi tenaga akademik yang melibatkan diri dengan research and development akan dapat diwujudkan dalam cadangan pengkorporatan IPT yang sedang diteliti pada masa ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan masalah 100 kekosongan jawatan tenaga akademik tidak diisi, terutamanya dalam bidang kejuruteraan, perubatan, sains dan sebagainya di UNIMAS. Suka saya jelaskan adalah tidak benar dakwaan bahawa terdapat 100 jawatan tenaga pengajar yang kosong di UNIMAS.

Kekosongan yang terdapat pada masa ini adalah pada kadar 30% daripada keseluruhan jawatan akademik. Kebanyakan kekosongan tersebut berlaku disebabkan tenaga pengajarnya sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah lanjutan di dalam dan di luar negeri. Kekosongan tersebut dijangka akan dapat diisi tidak berapa lama lagi apabila tenaga pengajar berkenaan melaporkan diri setelah menamatkan pengajian mereka.

Di samping itu, pihak UNIMAS juga telah selesai menjalankan exercise pengambilan tenaga pengajar bagi mengisi sebahagian lagi dari kekosongan tersebut.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, Universiti Malaya akan dikorporatkan pada awal tahun hadapan, kalau tidak silap saya. Saya ingin tahu sejak pengumuman yang dibuat oleh kerajaan untuk mengkorporatkan Universiti Malaya ini, berapa kakitangan akademik yang telah meninggalkan universiti, maknanya yang telah berhenti dari universiti?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, saya minta maaf, angka itu tidak ada pada saya sekarang, bolehlah saya siasat.

Dalam usaha pengkorporatan IPT tempatan juga, salah satu aspek yang dikaji ialah skim perkhidmatan tenaga pengajar IPT yang lebih menarik agar dapat mengekalkan pensyarah yang berwibawa. Selain dari itu, pihak universiti sendiri melatih tenaga akademiknya melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan lain-lain skim latihan.

Mengenai keberkesanan program Matrikulasi di universiti tempatan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Balik Pulau, tidak dapat dinafikan program tersebut telah banyak membantu universiti mendapatkan pelajar-pelajar terutama bumiputera memasuki bidang sains dan teknologi, walaupun tidak ada kajian secara formal kita lakukan.

Mengenai persediaan Kementerian Pendidikan untuk pelajar-pelajar menengah berpeluang mempelajari mata pelajaran teknologi dan kejuruteraan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam, mata pelajaran elektif lukisan kejuruteraan sedang mula diajar di sekolah akademik khususnya di sekolah berasrama penuh. Latihan intensif sedang diberikan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran elektif tersebut. Pada masa ini, mata pelajaran teknologi kejuruteraan dan lukisan kejuruteraan diajar di sekolah menengah teknik di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan tentang nazir yang dikatakan tidak membuat pemeriksaan sekolah walaupun dijemput. Saya suka jelaskan bahawa perkara ini adalah tidak benar. Sehingga Oktober 1996, jemaah nazir

sekolah Negeri Sembilan telah membuat 264 jenis pemeriksaan yang meliputi pemeriksaan biasa - 76; pemeriksaan bertema - 97; pemeriksaan penuh - 3 dan pemeriksaan khas - 88.

Mengenai cadangan agar diwujudkan pejabat pendidikan daerah berasingan bagi Jelevu, Jempol dan Kuala Pilah, Kementerian Pendidikan sedang mengambil perhatian dan telah memperakukan kepada agensi pusat mengenainya.

Tentang kekurangan di asrama Sekolah Petasih. Suka saya jelaskan, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji masalah sebenar di sekolah ini dan berusaha meneliti peningkatan kemudahan fizikal yang perlu disegerakan. Namun demikian, pelaksanaan projek akan ditentukan oleh darjah prioriti kerana 'constraint' peruntukan membaik pulih dalam menaik taraf bagi semua sekolah di negara kita ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Jelevu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Beri jalan Dato' ya?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sila.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Dato'. Di Sekolah Kebangsaan Petasih berasrama, yang jelasnya sekarang ini permohonan telah dikemukakan sejak tahun lepas. Kedudukan asrama itu memang boleh diduduki hingga 600 lebih murid, tetapi oleh kerana ketidakmampuan sekolah untuk menampung murid berkenaan, dia terpaksa mengambil satu ruang untuk dijadikan bilik darjah. Empat buah bilik darjah diambil daripada asrama. Bermakna sekolah yang sedia ada itu ditambah dengan bangunan asrama, dijadikan bilik darjah.

Jadi, saya ingat itu sudah jelas keperluan, tak payah hendak tengok-tengok lagi dah! Sudah jelas dah! Jadi, saya ingat bolehlah Dato' Timbalan Menteri pun beri persetujuan. Jadi, inilah harapan saya, tak payah hendak kaji, Dato'. Memang keperluan itu sudah jelas dan bila sekiranya 12 bilik darjah itu boleh dibina?

Jadi, sekolah itu akan boleh menampung lebih ramai lagi murid yang setanding dengan kemampuan asrama itu sendiri. Jadi, kalau tak buat, rugilah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, rasa saya masalah persoalan hendak buat atau tak hendak buat itu tidak timbullah. Saya

sedar, insaf dan tahu di mana letaknya sekolah itu. Dan kementerian akan cuba mencari jalan macam mana cara untuk mengatasi dengan kadar yang lebih segera.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah menimbulkan soal kekurangan guru-guru. Jadi, masalah kekurangan guru di sekolah rendah, insya-Allah, dapat diatasi melalui pengambilan dua kali setahun, tahun 1993 dan 1994 iaitu pengambilan bulan Julai dan Disember. Menerusi empat pengambilan ini, Kementerian Pendidikan dapat melatih seramai 30,996 guru. Bagi mengatasi masalah kekurangan guru di kawasan pedalaman dan terpencil yang sukar ditempatkan guru terlatih, Kementerian Pendidikan telah menjalankan program latihan Kursus Dalam Cuti (khas).

Seramai 2,016 guru sandaran telah ditawarkan mengikuti KDC (khas) yang dimulakan pada bulan Februari 1996. Jumlah ini termasuk seramai 392 orang guru sandaran pengajian Cina dan 275 orang guru sandaran pengajian Tamil.

Bagi sekolah menengah, Kementerian Pendidikan menyedari tentang kekurangan guru bagi sekolah menengah. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakanambilan dua kali setahun juga bagi kursus perguruan lepasan ijazah bagiambilan tahun 1996 dan akan dilanjutkan ke tahun 1997.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga melaksanakan program Kursus Perguruan Lepsan Diploma mulai tahun 1995.

Masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan ialah kekurangan calon-calon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengisi jumlah tempat pengajian yang disediakan dan sesetengah mata pelajaran tidak mempunyai calon yang mencukupi. Itu memang menjadi masalah kita.

Memang diakui kita masih kekurangan guru pengajian Cina. Bekalan guru bahasa Cina tidak dapat memenuhi permintaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Kekurangan ini berpunca dari kurangnya calon seperti yang saya katakan sebentar tadi.

Tentang Sekolah Wawasan, suka saya jelaskan dari segi konsepnya. Sekolah Wawasan bermaksud sekolah rendah pelbagai aliran ditempatkan dalam satu kompleks atau kawasan. Setiap sekolah kekal dengan identitinya dan aliran masing-masing dengan dipimpin oleh guru besar setiap sekolah. Apa yang

cuba kita sediakan ialah untuk mewujudkan satu suasana dengan penempatan ini di satu lokasi dan secara integrasi di mana sekolah itu ataupun anak-anak murid itu dapat menggunakan segala kemudahan secara bersama dan dengan cara itu, kita harap ianya akan dapat mewujudkan satu suasana ataupun memupuk satu suasana yang harmoni di antara murid-murid yang akan mewarisi negara kita ini di masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari ....

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan! Cara mana untuk menentukan kawasan untuk mewujudkan Sekolah Wawasan dan apa jenis kawasan itu? Seperti yang saya cadangkan di kawasan Puchong yang seluas 15 ekar itu, bolehkah ditubuhkan tiga jenis sekolah di situ?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, kita telah pun ada model-model ataupun sekolah-sekolah yang telah kita cuba seperti sebuah di Johor dan kita sedang meneliti tempat-tempat ini, kita sedang mengenal pasti dari segi kesesuaiannya baru kita muktamadkan. Kecuali, saya ingat di Jalan Ipoh, kalau saya tidak silap ada sebuah sekolah yang demikian yang kita akan buat. Itu tempat yang telah kita kenal pasti, kalau saya tidak silap ingatanlah. Jadi, kita masih lagi meneliti tentang tempat-tempat yang sesuai ini. Ahli Yang Berhormat boleh mencadangkan dan kita boleh meneliti, ya!

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, orangnya kawan saya tetapi kadang-kadang dia pun 'jahat' juga. *[Ketawa]* Kita cakap betul, dia hendak main-main. Baik, pertama sekali tentang pengkorporatan Universiti Malaya. Jadi, saya suka jelaskan, pertama sekali, Kementerian Pendidikan masih lagi dalam peringkat penelitian dari segi gaji, dari segi perkhidmatan dan beberapa perkara teknikal yang masih di dalam perbincangan. Nanti sudah selesai esok, kita laksanakanlah. Jadi, kita tunggulah bila akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kemudian dari segi bantuan sekolah-sekolah agama. Suka saya jelaskan sekali lagi bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa prihatin kepada keperluan sekolah-sekolah agama. Kenaikan jumlah bantuan daripada RM23 juta pada tahun 1995 kepada RM43 juta pada tahun 1996 dan insya-Al-

lah RM63 juta pada tahun 1997. Adalah bukti jelas tentang kesungguhan Kementerian Pendidikan kepada usaha-usaha hendak membantu sekolah-sekolah agama rakyat. Saya harap, kita jelas betul-betullah tentang perkara ini.

Ini soal kampus ITM cawangan Pulau Pinang. Saya hendak jelaskan, pembinaan kampus ITM cawangan Pulau Pinang adalah disebabkan negeri tersebut belum mempunyai kampus cawangan ITM bersama-sama dengan Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Bagi memastikan semua negeri mempunyai kampus cawangan ITM, maka keputusan telah dibuat supaya kampus ITM di bina di Pulau Pinang dan tapaknya dikenal pasti di Permatang Pauh. Secara kebetulanlah Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nantilah dulu, tidak habis lagi. Sekejap sahaja, saya hendaklah jelaskan, lepas itu boleh tanya. Antara program yang akan ditawarkan ialah kejuruteraan dan perhotelan. ITM sebenarnya telah mula mengambil pelajar pada sesi 1996/1997 di bangunan sementara di Seberang Perai.

Mengenai pembinaan kampus di tapak sawah di Permatang Pauh kerana di sebelah utara akan dibangunkan Pusat Pengajian Kejuruteraan USM iaitu di Bertam. Manakala di kawasan Pongsu Seribu, akan dibina Pusat Matrikulasi USM. Oleh itu, kawasan yang sesuai untuk tapak ITM ini di Pulau Pinang ialah di Permatang Pauh. Itu sahaja. Satu lagi aspek ialah ia berdekatan dengan kawasan industri bagi kemudahan latihan praktikal untuk pelajar-pelajar. Walaupun kos tanah dan cerucuk yang tinggi, kita harap kos pembinaan kampus ITM tersebut dapat ditampung semula melalui pembinaan bangunan yang tinggi kecuali makmal. Jadi, tidak adalah soal Timbalan Perdana Menteri tekan, apa pasal pula ini? Hendak buat institusi pendidikan tinggi aniaya nanti.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dato' kata tadi, saya sangka jahat. Tidak Dato'! Ini pihak jurutera ini ada cadangan di tempat lain tetapi soalnya 3 kali ganda ini, harga yang banyak. Sepatutnya Datuk, kalaulah kita kata setengah kali ganda daripada kita kata RM30 juta kepada RM35 juta, ke RM45 juta, tetapi ini sampai ke peringkat cerucuk sahaja sudah boleh buat satu kampus yang

dicadangkan di tempat lain. Jadi, di sini pihak yang membuat ini telah mencadangkan di tempat lain. Kawasan Permatang Pauh juga boleh, Ceruk Tok Kun boleh, tempat lain juga boleh. Tetapi kenapa ditekankan di tempat itu yang 'earth work' dengan pasang cerucuk dan foundation sudah memakan belanja RM47 juta? Ini pihak engineer, mengatakan kalau buat ditempat lain sedikit, yang Pulau Pinang ini tidak ada masalah pedalaman, semuanya boleh dikatakan urban sekarang ini. Jadi, kalau dibuat di tempat lain maka boleh jimatlah belanjanya, tidaklah 3 kali ganda. Itu sahaja persoalan saya, bukan niat jahat. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya sudah terangkan tadi sebab-sebabnya, ada perkara-perkara lain yang hendak kita hubungkan dengan institusi yang ada di situ seperti yang telah saya terangkan tadi, saya tidak payah sebut lagilah. Tinggal lagi....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dato'....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** .... kita akan dapat, kita harap sekarang ini...

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kalau saya boleh buktikan ada tekanan!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Nantilah sekejap. Kita harap akan dapat tampung semula melalui pembinaan bangunan yang tinggi. Adalah cara kita buat Mat! Ya-Allah! Ya, baik *[Disampuk]*. Jangan main politik lagi Mat, ini bab sekolah.

Jadi, ini soal dakwaan iklan kurang sopan. Ahli Yang Berhormat guna wanita bogel ya, saya kata kurang sopanlah, pelajar di London ini. Kita memang sedar perkara ini dan insya-Allah, kita tengah siasat dan kalau betul ada pelajar kita terlibat, kita tidak akan teragak-agaklah untuk ambil tindakan, insya-Allah.

Ahli Yang Berhormat dari Yan ya, telah menimbulkan tentang murid-murid yang mendapat gred A daripada kawasan-kawasan pedalaman, untuk dimasukkan ke asrama penuh. Suka saya terangkan sedikit, Kementerian Pendidikan memang menetapkan syarat 4A dalam peperiksaan UPSR untuk membolehkan murid dipilih untuk masuk ke sekolah berasrama penuh. Syarat ini dibuat kerana permintaan untuk memasuki ke sekolah berasrama penuh. Walaupun begitu, Kementerian Pendidikan menyediakan sekolah berasrama penuh bagi anak-

anak dari keluarga miskin yang syarat kemasukannya dilonggarkan kepada 3A sahaja.

Tentang sekolah menengah agama yang patut diperbanyakkan, ini suka saya jelaskan Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji keperluan untuk menambah bilangan tersebut dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pun ada, kita akan tambah beberapa buah lagi di beberapa tempat yang telah kita kenal pasti. Dan pendidikan agama akan diperkuatkan di semua sekolah yang ada dengan disemak kurikulumnya dan juga kaedah pengajarannya serta menerapkan mata-mata pelajaran yang berasaskan kepada sains dan teknologi juga.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menimbulkan.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang 3A ini, saya setujulah Yang Berhormat beri peluang kepada anak-anak miskin tapi hak tidak miskin pun kita kena tengok juga. Pasal apa, guru pun kadang-kadang kita hantar ke luar bandar itu lekeh. Katalah bahasa Inggeris, dia kata bahasa Inggeris dapat 'B', orang kampung, bahasa Inggeris ini boleh 'B', katalah kampung Ceruk Tok Kun, belah-belah ulu banang, dia boleh 'B' bahasa Inggeris pun, kira 'A1' sebab di rumah cakap bahasa Siam. *[Ketawa]* Mai di sekolah, guru pula lekeh, boleh 'B', selepas itu kita tidak hantar ke sekolah menengah asrama penuh yang baik. Jadi, bila budak ini boleh berjaya? Jadi, saya mintalah kelonggaran daripada pihak kementerian, kita berilah 'special', keutamaan kepada anak-anak luar bandar ini supaya mereka dapat rasa nikmat duduk di sekolah berasrama, sudahlah di kampung ini mengaji pun tahulah kadang makan tidak cukup dan sebagainya. Jadi, apakah pihak kementerian ini tak dapat tolonglah sedikit? Teruk sangat wakil rakyat, depa dok minta duit. Satu lagi mengenai student di India itu macam mana? Tidak jawab pun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, kita cuba tampunglah, kita tahu UPSR kali ini keputusan lebih kurang 20,000 orang mendapat 4A, tempatnya dekat 6,000 orang sahaja yang ada yang boleh dimasukkan dalam sekolah asrama penuh. Kita akan cuba ikhtiarlah dan saya bersetuju dan bersimpati, kalau boleh kita masukkan seberapa ramai yang boleh tetapi dalam keadaan-keadaan begitu, apakah ikhtiar yang boleh dapat kita buat, insya-Allah kita akan cuba buat.

Dan ini tentang, saya minta maaf tentang pelajar-pelajar di India yang dikatakan menghadapi masalah untuk hendak mengambil peperiksaan, ini kita akan siasat, kes ini agak spesifik, saya pun baru tahu. Kita akan berbuat sesuatu untuk mengatasi kalau sekiranya perkara itu didapati benar.

Yang Berhormat dari Seremban telah menimbulkan soal sekolah bantuan modal untuk ditukar menjadi bantuan penuh. Suka saya jelaskan, sekiranya SRJK(C) yang ingin menukar status ia terpaksa memenuhi beberapa syarat tertentu yang perlu diteliti kes demi kes. Dari segi kementerian, kita tidak ada masalah kalau sekiranya mereka setuju menyerahkan hak milik itu kepada kementerian, maka kita akan uruskan. Soal bagaimana prestasi sekolah luar bandar dapat dipertingkatkan.

Suka saya nyatakan bahawa Kementerian Pendidikan memberi peruntukan dan menempatkan guru terlatih yang sama kepada semua sekolah tanpa mengira kawasan. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sentiasa memastikan usaha meningkatkan prestasi murid-murid di semua sekolah. Pihak sekolah juga mengadakan banyak program untuk meningkatkan prestasi murid-murid. Peranan ibu bapa juga adalah penting untuk membantu pencapaian murid-murid.

Yang Berhormat dari Telok Kemang mencadangkan supaya Tadika di ladang dipertingkatkan dan Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk meningkatkan bilangan Tadika terutamanya di kawasan luar bandar dan di ladang. Dasar mengenai pendidikan prasekolah sedang di peringkat perbincangan bersama-sama agensi lain yang mengendalikan perkhidmatan prasekolah.

Yang Berhormat dari Sipitang juga telah menimbulkan...

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Seremban bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** ..... soal prasekolah ini. Suka saya jelaskan bahawa program prasekolah secara rasmi menjadi komponen dalam sistem pendidikan negara, hanya apabila Akta Pendidikan baru diluluskan pada tahun 1995, sebelum ini Kementerian Pendidikan hanya menjadi penyelaras kepada aktiviti prasekolah oleh semua kementerian.

Kementerian Pendidikan sedang meneliti perancangan-perancangan akhir program

prasekolah untuk keseluruhan kanak-kanak di negara ini menyelenggarakan keperluan sebenar dan kaedah-kaedah pelaksanaan. Garis panduan kurikulum prasekolah yang digubal oleh Kementerian Pendidikan akan menjadi rujukan kepada semua Tadika di negara kita ini.

Yang Berhormat dari Sipitang juga telah menimbulkan soal rumah guru dan suka saya jelaskan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah mengubah pendekatan pembinaan rumah guru daripada sesebuah kepada rumah guru berbentuk kompleks yang disediakan dengan kemudahan dan infrastruktur asas, seperti surau, kelas Tadika, kemudahan sukan dan lain-lain. Pendekatan baru ini kita harap akan dapat mewujudkan suasana rumah guru yang lebih ceria dan ini akan menggalakkan guru berkhidmat dengan lebih komited.

Soal peruntukan bagi mengubahsuai dan naiktaraf bilik darjah di kawasan-kawasan luar bandar, suka saya jelaskan iaitu usaha untuk menyediakan kelas-kelas tambahan di sekolah-sekolah di Sabah, sememangnya sentiasa diberi perhatian. Pada tahun 1997, 40 buah sekolah rendah dan menengah yang melibatkan 120 buah bilik darjah tambahan dengan kos RM2.6 juta telah pun diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM40 juta bagi tahun 1996 telah dibelanjakan untuk program ubahsuai dan naiktaraf di seluruh negara. Projek-projek ini sebahagian besarnya dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri iaitu projek-projek yang tidak melebihi RM50,000 bagi satu-satu projek.

Cadangan untuk menubuhkan unit teknikal di Jabatan Pendidikan Negeri. Mengenai penubuhan unit teknikal ini, adalah sukar terutama disebabkan kerana kekurangan pegawai teknikal melalui JKR, malahan di JKR sendiri terdapat banyak jurutera-jurutera yang tidak diisi.

Yang Berhormat dari Baram juga ada menyebut tentang soal yang sama iaitu kemudahan rumah guru dan asrama di sekolah luar bandar di Baram. Suka saya nyatakan kerajaan memberi perhatian bersungguh-sungguh bagi menyediakan kemudahan rumah guru di sekolah khususnya di kawasan luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan menyediakan peruntukan untuk rumah guru sebanyak RM493 juta bagi membina 1,141 projek melibatkan 6,900 unit rumah.

Dalam tahun 1996 sahaja, sebanyak 40 projek melibatkan 102 unit rumah guru telah siap dibina di negeri Sarawak khususnya di luar bandar. Bagi asrama pula kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM109 juta bagi pembangunan asrama di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di Sarawak.

Kementerian Pendidikan sedar akan kelewatan pelaksanaan projek-projek pendidikan di Sarawak. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas ataupun pasukan petugas iaitu task force, dengan izin, untuk menangani masalah-masalah kelewatan pelaksanaan projek di Sarawak khususnya. Beberapa isu atau kelemahan telah dapat diatasi termasuk mengatasi masalah tanah dan projek-projek yang terlewat dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Sungai Petani telah bertanya, minta penjelasan tentang kedudukan sekolah agama rakyat. Suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah dan sedang merangka pelbagai langkah bagi membawa sekolah-sekolah ini ke aliran perdana iaitu memberi ruang yang seluas-luasnya kepada semua pelajar untuk maju dalam semua bidang pelajaran. Hingga kini Kementerian Pendidikan mengamalkan satu sikap yang terbuka di mana mana kerajaan negeri yang bersedia untuk menyerahkan sekolah-sekolah itu diurus tadbir oleh Kementerian Pendidikan, kita sentiasa menerimanya. Namun demikian, kalau sekiranya kerajaan-kerajaan negeri berpendapat mereka hendak terus mengendalikan sekolah-sekolah tersebut, maka Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk memberi segala bantuan dan kemudahan yang diperlukan seperti yang telah saya sebutkan awal tadi dan semua mata pelajaran yang diajar di sekolah agama rakyat sememangnya ada diajar di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, tetapi yang berbeza hanyalah cara pelaksanaannya.

Yang Berhormat juga telah bertanya tentang kedudukan Laporan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji masalah guru. Kita semua memang bersimpati tentang masalah kebajikan guru-guru kita. Suka saya menyatakan bahawa laporan itu telah pun siap dan akan diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dibentangkan di Kabinet untuk dimuktamadkan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan cadangan pemaju perumahan membina sekolah di kawasan perumahan seperti yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Senai dan kita telah pun menentukan keluasannya dan berapa buah sekolah yang mesti dibina. Perkara

ini sudah pernah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini. Setakat ini sebanyak 6 buah sekolah telah dibina dan 28 buah sekolah lagi akan dibina oleh pemaju perumahan secara "design and build". Pembinaan sekolah melalui kaedah ini akan menghasilkan reka bentuk sekolah yang pelbagai, ceria dan harmoni dengan keadaan persekitaran yang lebih selesa. Kementerian akan terus menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina sekolah di kawasan perumahan yang mereka majukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, nampaknya masa tidak mencukupi. Kalau boleh penjelasan itu pendek-pendeklah. Masa kita tidak banyak.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tentang taman perumahan yang telah diduduki oleh penduduk. Jadi, siapakah yang bertanggungjawab untuk mendirikan sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sebab telah diduduki.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Pemaju-pemaju ini kalau sekiranya dia mendirikan, saya fikir kalau tidak silap dalam 2,000 - ada angka-angka - saya tidak mahu silap lagilah. Nanti saya sebut angka - silap lagi. Kita sudah tentukan kalau seorang pemaju mendirikan sebilangan rumah yang ditentukan memerlukan sekolah, dia kena dirikan sebuah dan pemaju himself, dia kena dirikan sekolah itu dan kalau sekiranya .....

**Tuan Lim Si Cheng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya ingat cukuplah. Tidak ada masa.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Apa lagi Yang Berhormat hendak ni?

**Tuan Lim Si Cheng:** Ini masalah, ini taman perumahan telah diduduki beribu-ribu orang. Jadi, sebenarnya pemaju telah serahkan tanah itu kepada kerajaan yang dimiliki oleh Kementerian Pendidikan buat masa kini. Jadi, saya fikir tanggungjawab sekarang memang serah kepada kita, kepada kerajaan, kepada Kementerian Pendidikan, bukan pemaju lagi.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Saya terangkan dalam Dewan ini dahulu, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan garis panduan supaya setiap 2,500 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas 6 ekar bagi pembinaan sekolah rendah dan bagi perumahan baru. Pihak pemaju dikehendaki menyediakan dan menyerahkan kepada pihak berkuasa tapak dan soal hendak mendirikan itu, itu terpulang kepada kerajaan

mengikut kemampuan kitalah. Itu sahajalah, Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Bukit Mas telah membangkitkan soal rumah guru, saya sudah jawab, saya tidak payah sebut lagilah saya rasa. Pendidikan Islam dan moral - kekurangan guru agama. Jadi kekurangan guru agama bagi sekolah rendah bagi seluruh negara pada awal 1997 mengikut statistik Bahagian Penyelidikan Islam adalah seramai 1,470 orang. Bilangan guru agama yang akan ditempatkan pada bulan Januari 1997 berjumlah seramai 1,121 orang manakala keluaran Januari 1997 seramai 1,150 orang dan kekurangan guru agama sekolah rendah akan dapat diatasi, saya harap menjelang tahun 1997 nanti.

Manakala kekurangan guru agama sekolah menengah dijangka akan dapat diatasi dengan jumlah pengeluaran guru siswazah agama yang lebih ramai melalui pengambilan dua kali setahun atau double intake bagi Program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah yang dilaksanakan bagi ambilan tahun 1996 dan 1997.

Yang Berhormat dari Sri Gading membangkitkan soal buku teks dan tulisan jawi. Suka saya jelaskan sedikit, Kementerian Pendidikan sedar tentang kelemahan pelajar dalam tulisan jawi; tindakan dengan mendedahkan kaedah pengajaran kepada guru dan buku latihan yang lebih banyak dan teratur telah dibuat dan kita harap dapat mengatasi masalah ini.

Dan soal bantuan dan penyelarasan sekolah agama rakyat, suka saya nyatakan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat akan diteruskan dan penyelarasan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat telah dibuat oleh Lembaga Penyelaras Sekolah-sekolah Agama yang diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan soal tabung bagi IPT. Suka saya jelaskan tabung pendidikan ini sedang dikaji syarat-syarat seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah diambil dalam mengariskan panduan dan peraturan untuk pelajar yang layak memohon pinjaman. Ini suka saya jelaskan, Tuan Pengerusi, kita buka permohonan ini kepada semua pelajar atau mahasiswa, mahasiswi sama ada Melayu atau bukan Melayu. Mereka akan buat permohonan melalui universiti masing-masing dan akan diserahkan kepada kementerian dan seperti saya sudah sebut juga, kita akan wujudkan satu badan yang akan difikirkan namanya kemudian untuk mengendalikan dana tersebut.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Yang Berhormat dari Kepong, ada lagi, saya ingat tidak sempatlah, saya akan cubalah. Yang Berhormat dari Kepong telah memastikan standard yang tinggi dalam penilaian peperiksaan. Jadi, Kementerian Pendidikan sentiasa menjaga mutu dan standard setiap peperiksaan yang dijalankan dan tidak sewenang-wenangnya menurunkan markah kelulusan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Memandangkan Penilaian Tahap Satu baru sahaja dimulakan pada tahun 1996, Kementerian Pendidikan akan mengkaji pelaksanaan pada tahun yang akan datang.

Yang Berhormat dari Bukit Mas, ini soal peruntukan UNIMAS pada tahun 1997, suka saya nyatakan ia akan digunakan bagi membina kemudahan tambahan di kampus sementara UNIMAS seperti kemudahan akademik dan makmal, asrama dan juga pentadbiran. Selain dari itu peruntukan juga di sediakan untuk Fakulti Perubatan dan sains kesihatan UNIMAS di Hospital Umum Kuching dan juga pengambilan tanah untuk kampus tetap UNIMAS. Itu kegunaan duit yang Yang Berhormat tanya.

Yang Berhormat dari Mentakab, ini soal kekurangan guru. Sains dan Matematik. Kementerian Pendidikan menyedari masalah kekurangan guru Sains dan Matematik khususnya di sekolah menengah. Masalah ini disebabkan kekurangan calon yang berkelayakan untuk dilatih dalam mata pelajaran berkenaan. Walau bagaimanapun masalah ini, di atasi buat sementara dengan guru-guru kontrak dan guru-guru sandaran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan soal Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Suka saya nyatakan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka memang sentiasa berusaha mempertingkatkan martabat dan penggunaan bahasa Melayu di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.

Antara program dan kegiatan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) dalam negeri - menggalakkan kegiatan menulis dan menterjemah.
- (ii) menggalakkan aktiviti forum, pidato, pantun di kalangan murid-murid, pelajar IPT, guru, guru pelatih, kerajaan dan orang awam;
- (iii) memberi bimbingan seperti kursus, ceramah dan bengkel tentang penggunaan bahasa yang baik;

- (iv) peringkat antarabangsa - mengadakan kerjasama penyelidikan dan kursus bahasa dengan universiti-universiti luar negara; dan
- (v) kita juga menggalakkan penubuhan pusat pengajian bahasa dan memberi bantuan buku serta tenaga pelajar.

Yang Berhormat dari Parit telah juga menimbulkan soal bahasa ini dan saya suka ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sikap prihatin Yang Berhormat atas perkara ini. Dewan Bahasa dan Pustaka sedar akan kesalahan bahasa yang berlaku dan Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa menegur dan menasihati pihak-pihak berkenaan untuk membaiki penggunaan bahasa dalam urusan surat menyurat, memberi bimbingan, kursus dengan menggunakan bahasa kebangsaan yang betul.

Berkenaan dengan kajian penggunaan bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah melakukan beberapa kajian tentang penggunaan bahasa di institusi pengajian tinggi, undang-undang dan kehakiman, sektor bank dan kewangan. Hasil kajian ini telah diterbitkan dan boleh diperolehi dari kedai buku Dewan Bahasa dan Pustaka dan dapatan kajian ini telah digunakan untuk menyusun rancangan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Saya juga suka menekankan bahawa, di Dewan Bahasa kita mempunyai satu jawatankuasa yang mengawasi pelaksanaan dan juga penggunaan bahasa kebangsaan di negara kita ini terutama sekali termasuklah sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta. Ada kegiatan-kegiatan yang kita lakukan dari masa ke semasa bagi memastikan bahasa kebangsaan yang betul dan tepat digunakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi, sebagai .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bukan hendak bertanya banyak soalan, cuma dua sahaja dengan pendek dan ringkas. Yang pertama, mengenai keputusan peperiksaan, saya nampak kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju, mengapa peratus yang lulus itu kalau kita tingkatkan mutu dan tingkatkan markah penilaian, maka peratus keputusan itu memang turun dan kita nampak dari semasa ke semasa, sekian-sekian banyak maktab

mendapat keputusan lulus 100% dan sebagainya. Apakah ertinya dengan pengumuman sedemikian?

Memang di dalam sebuah sekolah ataupun sebuah masyarakat kalau 100 pelajar, memang ada beberapa peratus yang gagal, beberapa peratus yang mencatatkan keputusan yang cemerlang dan sebagainya - memang ada. Ini tidak boleh dielakkan. Cuma saya hendak soalkan bagaimana kita dapat memastikan penilaian itu mutunya tinggi? Itu yang pertama.

Yang kedua, iaitu masalah kekurangan doktor pakar di Hospital Universiti itu tidak disebutkan langsung dan cara-cara yang akan digunakan untuk menyelesaikan masalah kerja tidak disebutkan langsung. Apakah masalahnya?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya berterima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tentang minat Yang Berhormat dari segi cara mana kita mengawasi dan meneliti soal turun naik peratus pencapaian pelajar-pelajar kita.

Walaupun kita katakan, kita kena ingat satu perkara sahaja iaitu dalam urusan pendidikan di negara kita ini, walaupun kita ingin melihat satu gambaran yang baik, kita tidak boleh lari dan tidak boleh mengorbankan mutu ataupun kualiti pendidikan negara kita.

Kita juga tahu bukan sahaja kekurangan doktor pakar, banyak lagi benda yang kita kurang, Yang Berhormat. Kita tidak berhenti-henti berikhtiar mencari jalan bagaimana hendak mengatasi perkara-perkara ini dan macam mana hendak mendorong pelajar-pelajar kita supaya berminat kepada bidang-bidang yang kita masih kurang ini.

Jadi, saya tidak hairan kalau University Hospital sekarang ini sudah tidak ada doktor pakar otak, saya tidak hairan. Saya tidak hairan sebab kita banyak kurang dalam serba-serbi bidang yang kita telah uruskan melalui pendidikan kita sekarang ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat sama-sama sokong apa yang kita buat ini, jangan degil-degil. Ikut sahajalah apa yang kita buat ini, selamatlah!

Jadi Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah yang dapat saya jelaskan. Satu perkara yang saya hendak simpulkan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka - saya fikir tidak lengkap jawapan saya ini kalau saya tidak mengulas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dia tidak ada di sini. Beliau telah menyebutkan soal kononnya ada diskriminasi terhadap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) di negara kita ini.

Ini jahat! Ini cukup nakal dan jahat! Jadi, saya selalu kata, soal pendidikan ini jangan dipolitikkan. Saya hendak kata terang-terang kepada DAP, terutama sekali jangan politicise soal pendidikan. Jangan semarakkan, cetuskan dan naikkan sentimen perkauman dari segi pendidikan ini. Saya hendak kata, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) wujud dan akan terus wujud di negara kita ini, akan terus dibantu dan yang mempelopori perjuangan ini ialah rakan-rakan dalam Barisan Nasional, MCA, Gerakan dan MIC, [*Tepuk*] ini yang kita katakan penglibatan masyarakat dalam pembangunan. MCA ada projek Langkawinya, DAP habuk pun tidak ada!

Jadi, itu sahajalah, Tuan Pengerusi. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mudah-mudahan dengan pandangan, teguran dan nasihat, malahan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat semua, insya-Allah Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan terus bekerja dengan tekun dalam usaha untuk mencapai cita-cita murni. [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,924,717,800 untuk Maksud B.26 dan RM29,387,500 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,924,717,800 untuk Maksud B.26 dan RM29,387,500 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,106,385,100 untuk Maksud P.26 dan RM20,000,010 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,106,385,100 untuk Maksud P.26 dan RM20,000,010 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*